

SIRI MONOGRAF

PERSONALITI & KEAKURAN

FAKTOR MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK



AHMAD ROZELAN YUNUS



SIRI MONOGRAF

**PERSONALITI
DAN KEAKURAN:
FAKTOR MEMPENGARUHI
PENCAPAIAN AKADEMIK**







SIRI MONOGRAF

PERSONALITI DAN KEAKURAN: FAKTOR MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK

Ahmad Rozelan Yunus

Penerbit Universiti
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



© **CETAKAN PERTAMA 2013**
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ISBN 978-967-0257-30-3

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Ahmad Rozelan Yunus

Personaliti dan Keakuran: Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik:
Kajian di Kalangan Pelajar Universiti/Ahmad Rozelan Yunus.

Bibliography: page 121

ISBN 978-967-0257-30-3

1. Students- Attitudes. 2. Students-Conduct of life. I. Judul.
371.8

Diterbitkan dan dicetak di Malaysia oleh

Penerbit Universiti
Kampus Bandar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Blok B, Aras 1, Jalan Hang Tuah
75300, Melaka, Malaysia

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PENGHARGAAN.....	xv
ABSTRAK.....	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian.....	6
1.4	Objektif Kajian.....	8
1.5	Kepentingan Kajian.....	9
1.6	Kesignifikanan Kajian	10
1.7	Kerangka Model Kajian	11
1.8	Skop Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	12
1.10	Pendekatan Teori	12
1.10.1	Teori Tipologi Kerjaya Holland	13
1.10.2	Teori Kekuasaan Keluarga dan keakuran	20
1.10.3	Model Pengaruh Keluarga dan Keakuran Anak-Anak	21
1.11	Definisi Konsep Dan Definisi Operasional	22
1.11.1	Personaliti	22
1.11.2	Pola Personaliti.....	24
1.11.3	Persekitaran	24
1.11.4	Keselaran Personaliti-Persekitaran	25
1.11.5	Keakuran.....	26
1.11.6	Pencapaian Akademik	26
1.11.7	Environmental Assessment Technique (EAT)	27
1.11.8	Persekitaran Pengajian UTeM	27
1.12	Hipotesis Kajian	32

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	37
2.2	Kajian Tentang Keselaran Personaliti-Persekitaran	37
2.3	Kajian Tentang Keakuran	41
2.4	Kajian Tentang Pencapaian Akademik.....	43
2.5	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Lokasi Kajian	52
3.4	Subjek Kajian	52
3.5	Alat Kajian	54
3.5.1	Alat Kajian Keakuran	54
3.5.2	Alat Self Directed Search Form E (SDS E)	55
3.5.3	Skor Manual Self-Directed Search – Form Easy (SDS-E)	57
3.5.4	Kebolehpercayaan Dan Kesahan SDS – Form Easy Versi Terjemahan Amla	58
3.6.	Prosedur Kajian.....	58
3.6.1	Prosedur Pengumpulan Data.....	58
3.6.2	Prosedur Pemarkatan	59
3.7	Indeks Iachan untuk Darjah Keselarasan.....	60
3.8	Skop dan Had Kajian	61
3.9	Prosedur Penganalisaan Data	62
3.10	Analisis Kajian Rintis	62
3.11	Analisis Kajian Deskriptif Menggunakan Teknik EAT	62
3.12	Pengujian Hipotesis.....	63
3.13	Kesimpulan	63

BAB 4 KEPUTUSAN

4.1	Pendahuluan	67
4.2	Dapatan Demografi Responden	67
4.3	Dapatan Kod Tiga Mata Holland Program Pengajian UTeM	69
4.4	Keselarasan Personaliti dengan Persekitaran Berdasarkan Program Pengajian	73
4.5	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Selaras Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran.....	77
4.6	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Akur Dengan Pelajar yang Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	81
4.7	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa	84
4.8	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti- Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	85
4.9	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa	86

4.10	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	87
4.11	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	88
4.12	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	89
4.13	Hubungan Antara Keselarasan Dengan Pencapaian Akademik.....	90
4.14	Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik.....	91
4.15	Kesimpulan	91

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	95
5.2.	Demografi Responden	95
5.3	Kod Tiga Mata Holland Personaliti Program-Program Pengajian.....	96
5.3.1	Fakulti Kejuruteraan Elektrik.....	96
5.3.2	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	97
5.3.3	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.....	97
5.3.4	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.....	98
5.3.5	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	98
5.4	Keselarasan Personaliti Dengan Persekitaran Mengikut Program Pengajian	98
5.5	Perbezaan Pencapaian akademik dengan keselarasan personaliti-persekitaran.....	101
5.6	Perbezaan Pencapaian Akademik pelajar Yang Akur Dengan Pelajar Tidak Akur Kepada kehendak Ibu Bapa.....	104
5.7	Pencapaian Akademik Pelajar Selaras dan Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras dan Akur	108
5.8	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	109
5.9	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	110
5.10	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	111



5.11	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.	111
5.12	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.	112
5.13	Hubungan Antara Keselarasan Personaliti-Persekitaran Dengan Pencapaian Akademik.....	113
5.14	Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik.....	114
5.15	Implikasi Kajian	114
5.15.1	Implikasi Teoritikal.....	114
5.15.2	Aplikasi Praktikal.....	117
5.16	Limitasi Kajian	119
5.17	Cadangan-Cadangan	119
5.18	Penutup	120
BIBLIOGRAFI	121



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Selaras, Keakuran dan Pencapaian Dijangka	11
1.2 Model Gaya Individu Dan Persekitaran Pekerjaan Mengikut Holland.....	15
1.3 Deskripsi Persekitaran Akademik Holland	15
3.1 Populasi Kajian Berdasarkan Program dan Bidang Pengkhususan	53
3.2 Nilai Pekali Reliabiliti Bagi Alat SDS.....	55
3.3 Kebolehpercayaan SDS	58
3.4 Mengira Skor Kod Tiga Mata Holland	60
3.5 Darjah Kelarasan Kod Tiga Mata Holland dan Tahap Keselarasan Iachan	61
3.6 Petunjuk Tahap Keselarasan Iachan	61
3.7 Alpha Cronbach bagi Item Keakuran.....	62
3.8 Kaedah EAT Mengukur Pola Persekitaran	63
4.1 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	68
4.2 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa.....	68
4.3 Taburan Bilangan Responden Mengikut Fakulti	68
4.4 Taburan Bilangan Responden Mengikut Kursus.....	69
4.5 Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik	70
4.6 Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer	70
4.7 Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.....	71
4.8 Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.....	72
4.9 Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.....	73
4.10 Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti-Persekitaran Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik Berdasarkan Program Pengajian	74
4.11 Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti-Persekitaran Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer Berdasarkan Program Pengajian.....	74
4.12 Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti-Persekitaran Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Berdasarkan Program Pengajian	75
4.13 Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti-Persekitaran Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Berdasarkan Program Pengajian	76
4.14 Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti-Persekitaran Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Berdasarkan Program Pengajian.....	77



4.15	Tahap Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Personaliti- Persekitaran Pelajar Berdasarkan Program Pengajian	77
4.16	Min Pencapaian Akademik Dengan Keselarasan Personaliti- Persekitaran Keseluruhan	79
4.17	Min Pencapaian Akademik Dengan Keselarasan Personaliti- Persekitaran Berdasarkan Fakulti	81
4.18	Min Pencapaian Akademik Dengan Keakuran	82
4.19	Min Pencapaian Akademik Dengan Keakuran Berdasarkan Fakulti	85
4.20	Min Pencapaian Akademik Antara Pelajar Selaras Dan Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa.....	86
4.21	Min Pencapaian Akademik Antara Pelajar Selaras Dan Tidak Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras Dan Tidak Akur	87
4.22	Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Akur Dengan Pelajar Selaras Dan Tidak Akur	88
4.23	Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Tidak Selaras dan Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras Dan Tidak Akur	89
4.24	Min Pencapaian Akademik Antara Pelajar Selaras Dan Akur Dengan Pelajar Selaras Dan Tidak Akur	90
4.25	Min Pencapaian Akademik Antara Pelajar Selaras Dan Tidak Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras Dan Akur.....	91
4.26	Hubungan Antara Keselarasan Dengan Pencapaian Akademik.....	91
4.27	Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik.....	92



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Perbandingan Kumpulan	7
1.2 Kerangka Model Kajian	12
1.3 Model Heksagonal Holland: Konsep Keselarasan Personaliti- Persekitaran	17
1.4 Model Heksagonal Holland : Konsep Ketekalan.....	18
1.5 Model Heksagonal Holland Untuk Mentafsirkan Hubungan- Hubungan Interkelas Dan Intrakelas	19
5.1 Model Pengujian Hipotesis 1	104
5.2 Model Pengujian Hipotesis 2	108
5.3 Model Pengujian Hipotesis 3	110
5.4 Model Pengujian Hipotesis 4	111
5.5 Model Pengujian Hipotesis 5	112
5.6 Model Pengujian Hipotesis 6	113
5.7 Model Pengujian Hipotesis 7	114
5.8 Model Pengujian Hipotesis 8	115
5.9 Model Pengujian Hipotesis 9	115
5.10 Model Pengujian Hipotesis 10	116

SENARAI SINGKATAN

R	-	Realitik
I	-	Investigatif
A	-	Artistik
S	-	Sosial
E	-	<i>Enterprising</i>
C	-	<i>Conventional</i>
FKE	-	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
FKEKK	-	Fakulti Kejuruteraan Eletronik Dan Kejuruteraan Komputer
FKP	-	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
FKM	-	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
FTMK	-	Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
BEKP	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Industri Kuasa
BEKC	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kawalan, Instrumen dan Automasi
BEKE	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Elektrik Kuasa dan Pemacu
BENE	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Industri
BENC	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Kejuruteraan Komputer
BENT	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Telekomunikasi
BMFP	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Proses Pembuatan
BMFR	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Rekabentuk Pembuatan
BMFA	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Robotik dan Automasi
BMCT	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Termal Bendalir
BMCS	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Struktur dan Bahan
BMCD	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Rekabentuk dan Inovasi
BMCA	-	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Automotif
BITM	-	Sarjana Muda Sains Komputer Media Interaktif
BITC	-	Sarjana Muda Sains Komputer Rangkaian Komputer
BITS	-	Sarjana Muda Sains Komputer Pembangunan Perisian
BITD	-	Sarjana Muda Sains Komputer Pengurusan Pengkalan Data
CSQ	-	<i>College Student Questionnaire</i>
EAT	-	<i>Environmental Assessment Technique</i>
EOF	-	<i>The Education Opportunities Finder</i>
IK	-	Indeks Keselarasan
INTAN	-	Institut Tadbiran Awan Negara
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
MUnSyI	-	<i>Malaysian University Selection Inventory</i>



MVS	-	<i>My Vocational Situation Inventory</i>
PMR	-	Penilaian menegnah Rendah
PNGK	-	Purata Nilai Gred Kumalatif
SDS	-	<i>Self-Directed Search</i>
SDS-E	-	<i>Self-Directed Search – Form Easy</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UTeM	-	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UPU	-	Unit Pusat Universiti
VEIK	-	<i>Vocational Exploration and Insight Kit</i>
VPI	-	<i>Vocational Preference Inventory</i>



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang ingin saya memulakan kata. Setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih saya tujukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan pengajian saya, Profesor Madya Dr. Rusnani Abdul Kadir dan ahli-ahli jawatankuasanya, Profesor Madya Dr. Sidek Mohd Noah dan Dr. Halimatun Halaliah Mokhtar. Perlu saya nyatakan bahawa tanpa bimbingan, sokongan dan kesabaran mereka tesis ini tidak mungkin dapat disiapkan.

Ucapan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada pelajar-pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang telah sudi menjadi responden kajian saya dan juga tidak lupa kepada pegawai-pegawai UTeM khususnya Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), yang telah membenarkan dan memberi sokongan dalam melaksanakan kerja-kerja kajian ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Md. Shuaib Che Din serta seluruh warga Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di atas sokongan moral dan idea dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada Profesor Dr. Salleh Yahya di atas dorongan yang tidak terhingga. Juga terima kasih kepada Cik Shuhaney binti Mohd Said yang secara langsung telah membantu melaksanakan kerja lapangan kajian ini. Kepada sahabat saya, Encik Amir Aris, penghargaan dan terima kasih atas sokongan moral dan perkongsian fikiran sepanjang kajian ini dibangunkan.

Akhir sekali, istimewa buat orang-orang penting dalam hidup saya yang menyokong perjuangan menyiapkan kajian ini, jutaan terima kasih di atas kasih sayang dan sokongan yang telah diberikan oleh isteri tersayang Hajjah Rokiah M. Jahi, dan anak-anak yang dikasihi Syazwani Nadiah, Allahyarhamah Mimi Fariha, Aina Dalila dan Aimi Fatimah. Tidak lupa juga kasih sayang saya buat abah dan emak tersayang, adinda Mohd Rosman serta ibu mertua dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa kalian.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menguji keselarasan personaliti-persekitaran, keakuran kepada kehendak ibu bapa serta kesan dan hubungan kedua-duanya terhadap pencapaian akademik pelajar jurusan teknikal. Objektif kajian ini adalah untuk menguji sama ada faktor-faktor keselarasan dan keakuran memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dijalankan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Subjek kajian terdiri daripada 380 orang pelajar tahun akhir program kejuruteraan yang dipilih secara rawak mudah. Alat kajian yang digunakan ialah alat ukur keakuran yang dibina oleh pengkaji dengan kebolehppercayaan Nilai Alpha Cronbach .783. Manakala bagi mengukur aspek personaliti dan minat kerjaya, *Self-Directed Search – Form Easy* (SDS) yang diterjemahkan oleh Amla Mohd Salleh (1984) telah digunakan. Data daripada kajian kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu Ujian-t dua hujung dan korelasi Pearson. Indeks keselarasan (IK) pula digunakan untuk mengukur darjah keselarasan personaliti dan persekitaran pengajian. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar dari hanya lima daripada tujuh belas program pengajian selaras dengan ciri program yang dicadangkan oleh Holland melalui *The Educational Opportunities Finder* (Rosen, Holmberg, Holland, 1994). Dapatan utama kajian ini ialah keselarasan didapati tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik, tetapi sebaliknya, keakuran memberi kesan kepada pencapaian akademik. Secara terperinci pula, keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras. Namun begitu, min pencapaian akademik pelajar selaras lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Min pencapaian akademik pelajar tidak akur lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan keselarasan. Terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan keakuran. Umumnya hasil kajian ini secara inferensi mendapati bahawa keselarasan personaliti-persekitaran tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik, namun secara deskriptif telah menyokong andaian Teori Tipologi Kerjaya Holland iaitu keselarasan personaliti dan persekitaran membantu dalam peningkatan pencapaian akademik seseorang pelajar. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa keakuran memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Sehubungan dengan keputusan yang diperolehi, beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Keselarasan antara faktor personaliti dengan persekitaran bukan sahaja boleh meramalkan tahap kepuasan bahkan juga kestabilan, pencapaian dan juga motivasi berkaitan dengan pekerjaan atau pendidikan (Holland, 1997). Personaliti adalah merujuk sebagai sahsiah, keperibadian yang merupakan keseluruhan tingkah laku individu luaran atau dalaman. Persekitaran sebagai kawasan di sekeliling seseorang yang juga merupakan keseluruhan ruang hidup individu.

Seorang pelajar perlu berinteraksi secara berkesan dengan persekitaran akademiknya untuk membolehkan mereka terus berada di dalam persekitaran itu dan memberi kesan kepada tingkah laku mereka. Menurut Holland (1973; 1985), personaliti yang selaras dengan persekitaran akan meningkatkan interaksi pelajar dengan persekitarannya. Interaksi yang tinggi dengan persekitarannya akan mengizinkan pelajar itu melaksanakan tanggungjawab belajar bersungguh-sungguh, yang secara langsungnya akan menghasilkan prestasi akademik yang baik (Othman dan Sidek, 2001).

Universiti diketahui adalah tempat menyediakan pendidikan tertinggi. Pelajar diharapkan akan menimba ilmu dan pengalaman yang menyeluruh ke arah menjadi individu yang cemerlang dan berketrampilan. Individu pelajar juga diharapkan akan dapat mencapai tahap perkembangan diri yang tinggi dalam semua aspek. Matlamat kecemerlangan ini akan tercapai jika terdapat interaksi yang baik antara pelajar dengan persekitarannya (Rahim M. Sail, 1992).

Fungsi universiti untuk memberi latihan minda, menyediakan kepimpinan intelektual, pembentukan bakat dan mengeluarkan graduan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang dinamik, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan sensitif terhadap kehendak dan masalah masyarakat (Rahim M. Sail, 1992). Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya pelajar tidak dapat menghayati segala pengalaman yang mereka perolehi semasa belajar di universiti.

Fritzsche, McIntire dan Yost (2002) yang membuat analisis tret persekitaran Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional* (R, I, A, S, E, C) Holland, mendapati bahawa personaliti adalah peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna pelajar yang selaras personalitinya dengan persekitaran akademik akan mencapai prestasi yang baik dalam akademik.

Oleh itu matlamat universiti untuk melahirkan pelajar cemerlang bergantung kepada tahap interaksi pelajar dengan persekitarannya. Lebih tinggi keselarasan akan lebih tinggi tahap kepuasan pelajar dan seterusnya memberi kesan positif terhadap tahap pencapaian akademik (Holland, 1973; 1985).

Pengaruh keluarga adalah satu faktor yang tidak boleh diketepikan pada ketika pelajar membuat pemilihan bidang pengajian. Kajian yang dijalankan oleh Jinan Jaber-Linsalata (1994), Altbach dan Wang (1989), dan Sue & Zame (1985) telah mendapati tekanan daripada keluarga adalah satu faktor yang kuat di kalangan pelajar-pelajar Asia di Amerika Syarikat. Faktor pengaruh dalam pemilihan bidang pengajian juga turut berlaku dalam masyarakat Malaysia. Dalam satu kajian, Ahmad Rozelan (2005) mendapati terdapat faktor tekanan ahli keluarga yang jelas di kalangan pelajar sebuah IPTA di Sabah dalam memilih bidang yang diikuti ketika memilih bidang melanjutkan pelajaran ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam kajian lain pula, Lent, Brown, Tallyman, Mc Causland, dan Copra (2002) mendapati perhubungan yang negatif antara pelajar dengan keluarga mempunyai hubungan terhadap halangan perancangan kerjaya pelajar kolej. Kajian lain yang dijalankan oleh Somers, Cofer dan vanderPutten (2002) telah mendapati bahawa hubungan baik pelajar dengan ibu bapa adalah penting dalam perkembangan minat pelajar terhadap pengajian mereka. Ini menggambarkan bahawa faktor pengaruh keluarga menyumbang terhadap pemilihan bidang pengajian pelajar.

Berdasarkan ini, keselarasan personaliti dan pengaruh keluarga terhadap pemilihan bidang pengajian adalah antara faktor-faktor yang mungkin mempunyai kesan terhadap proses perkembangan seseorang pada peringkat pengajian tinggi. Dalam masa sama, pencapaian akademik merupakan satu aspek utama dalam proses pengajian. Oleh itu, gabungan dua faktor yang dinyatakan ini ada kemungkinannya memberi kesan kepada pencapaian akademik.

Kajian ini meninjau sama ada pencapaian akademik seseorang pelajar mendapat kesan daripada faktor keselarasan personaliti dengan persekitaran dan faktor keakuran kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

1.2. Pernyataan Masalah

Amalan di Malaysia dalam pemilihan pelajar menyambung pengajian ke sesebuah universiti awam tempatan yang dikendalikan oleh Unit Pusat Universiti (UPU), Kementerian Pengajian Tinggi, adalah berdasarkan keputusan SPM/STPM/Diploma/Matrikulasi yang baik. Ini menunjukkan bahawa syarat utama untuk masuk ke universiti awam pada ketika ini adalah cuma berdasarkan

kelayakan akademik sahaja tanpa mengambil kira personaliti atau minat seseorang itu sama ada bersesuaian atau tidak dengan program pengajian yang dimasuki (kecuali sejumlah kecil program pengajian tertentu yang mengadakan sesi temuduga atau ujian-ujian bagi pengambilan pelajar baru).

Oleh itu, menjadi persoalan ialah sejauh manakah kursus yang diikuti oleh pelajar itu bersesuaian dengan ciri personaliti mereka? Aspek kesesuaian ini penting bagi membolehkan mereka melibatkan diri serta menghayati segala aktiviti akademik untuk mencapai tahap kepuasan belajar yang tinggi seterusnya meningkatkan minat, motivasi belajar dan pencapaian akademik. Holland (1973; 1985; 1997) telah menyatakan bahawa untuk mencapai tahap kepuasan, motivasi dan pencapaian akademik yang baik, keselarasan antara personaliti dan persekitaran itu amat penting.

Seperkara yang menjadi persoalan yang belum jelas jawapannya ialah pengaruh ibu, bapa atau penjaga pelajar dalam pemilihan bidang pelajar di IPT. Persoalan ini ingin dicari jawapan tentang kesahihannya iaitu adakah pencapaian akademik pelajar berbeza antara pelajar yang akur dengan pelajar yang tidak akur terhadap kehendak ibu bapa ketika pelajar memilih bidang pengajian di IPT.

Kesemua pelajar yang berjaya memasuki universiti ini adalah berdasarkan kelayakan akademik yang baik, namun masih terdapat sebilangan pelajar setelah melalui pendidikan dan latihan di universiti, masih tidak dapat menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh itu, masalah yang dikupas oleh kajian ini ialah mengenai keselarasan personaliti-persekitaran pelajar, keakuran terhadap tekanan oleh ibubapa atau penjaga dalam memilih bidang serta adakah gabungan kedua-duanya iaitu keselarasan dan keakuran memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar di IPTA.

Menurut kenyataan daripada *Malaysian University Selection Inventory* (MUnSyI), isu ketidakselarasan personaliti dan minat dengan bidang pengajian diikuti mungkin tidak dapat diselesaikan walaupun pelajar berjaya memperoleh ijazah. Ketidakselarasan ini akan membawa masalah dalam pekerjaan seperti prestasi yang kurang memuaskan, produktiviti yang rendah, dan berpotensi besar untuk bertukar kerjaya yang diceburi. Secara tidak langsung, ia akan mengakibatkan universiti dipersalahkan kerana tidak dapat melatih graduan dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa masalah yang sering berlaku kepada para pelajar dalam menentukan profesion mereka. Ini kerana terdapat pelajar-pelajar yang masih keliru untuk menentukan profesion mereka sendiri. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kebanyakan mereka tidak dapat memastikan ke manakah kecenderungan minat yang mereka ada, yang menyebabkan mereka keliru dan tiada hala tuju. Mereka sering kali berhadapan dengan konflik antara kehendak ibu bapa, kehendak mereka sendiri dan pengaruh rakan sebaya dalam

memilih jurusan yang akhirnya memberi kesan terhadap pemilihan profesion mereka.

Holland (1973; 1985) mengandaikan bahawa keselarasan yang tinggi akan mempunyai hubungan yang rapat dengan motivasi pencapaian yang tinggi dan pencapaian akademik yang cemerlang. Ketidakselarasan personaliti dengan bidang memberi kesan pelajar tidak mencapai kepuasan belajar secara menyeluruh, bermotivasi rendah, tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pengajian yang dipilih yang akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik mereka.

Berasaskan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996), keselarasan personaliti dan persekitaran bukan sahaja membantu kepuasan bahkan membantu dalam peningkatan pencapaian akademik seseorang pelajar. Ini disokong dengan kajian Bruch dan Krieschok (1981), dan Sabariah (1995) yang menunjukkan terdapatnya hubungan antara pencapaian akademik dengan darjah keselarasan personaliti-persekitaran kursus di kalangan pelajar universiti.

Gattiker dan Larwood (1990) juga menyatakan bahawa personaliti dan persekitaran yang selaras akan mendorong seseorang pelajar belajar secara bersungguh-sungguh dan lebih berkesan. Sekiranya keadaan seumpama ini wujud di kalangan pelajar, maka prestasi pelajar akan semakin meningkat dan seterusnya membantu mereka dalam merancang pemilihan kerjaya yang bersesuaian apabila menamatkan pengajian kelak (Sidek, 1996).

Ibubapa menganggap anak mereka masih mentah dalam menentukan arah mereka. Jinan Jaber-Linsalata (1994) mendapati bahawa kuasa kekeluargaan yang ada pada mereka membuatkan ibu bapa akan membuat keputusan untuk mereka. Kesan daripada ini menyebabkan pelajar didorong ke dalam bidang pengajian yang diinginkan oleh ibu dan bapa mereka, tidak seperti yang mereka inginkan. Masalah yang akan timbul dari kedua-dua keadaan ini ialah kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.


Umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada aspek keselarasan personaliti-persekitaran dan keakuran memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

1.3 Persoalan Kajian

Pencapaian akademik merupakan produk akhir yang mengukur proses pengajian seseorang pelajar. Tahap bagi pencapaian iaitu Purata Nilai Gred Kumalatif (PNGK) hanya maklumat yang menggambarkan tahap pencapaiannya bagi seluruh tempoh pengajian seseorang pelajar itu. Ia tidak memberi indikasi

tentang faktor yang menjadi penyebab penghasilan pencapaian berkenaan. Pengkaji telah memilih persoalan tentang faktor-faktor keselarasan dan keakuran yang berkemungkinan menjadi kesan kepada pencapaian akademik pelajar.

Bagi tujuan kajian ini, sebelas persoalan kajian dikemukakan. Lapan daripada persoalan ini terbit daripada perbandingan antara kumpulan iaitu; Selaras dan Akur, Tidak Selaras dan Akur, Selaras dan Tidak Akur, dan akhir sekali ialah kumpulan Tidak Selaras dan Tidak Akur. Daripada perbandingan kumpulan berkenaan, lapan persoalan kajian berkenaan adalah seperti dinyatakan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Perbandingan Kumpulan

Perbandingan kumpulan bagi kuadran dalam Rajah 1.1 adalah: I - Selaras dan Akur; II - Tidak Selaras dan Akur; III - Selaras dan Tidak Akur; dan IV - Tidak Selaras dan Tidak Akur. Lapan persoalan yang diperolehi daripada rajah 1.1 yang dilabel dari nombor persoalan 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, dan 9 yang dinyatakan senarai persoalan kajian. Selebihnya adalah persoalan yang dibina berdasarkan aspek lain yang ingin diperolehi melalui kajian ini.

Berdasarkan perbandingan kumpulan-kumpulan dalam Rajah 1.1 di atas, dan persoalan yang lain, berikut adalah persoalan sebelas persoalan kajian yang akan dikaji dalam kajian ini:

1. Apakah pola persekitaran untuk program-program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di UTeM?
2. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran?
3. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa?
4. Bagi pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa, adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran?
5. Bagi pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran?
6. Bagi pelajar yang selaras personaliti-persekitaran, adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa?
7. Bagi pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa?
8. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa?
9. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa?
10. Adakah terdapat hubungan antara keselarasan personaliti-persekitaran dengan pencapaian akademik?
11. Adakah terdapat hubungan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini ingin meninjau adakah faktor keselarasan personaliti-persekitaran dan faktor keakuran pelajar terhadap kehendak ibubapa memberi kesan dan terdapat hubungan terhadap pencapaian akademik. Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) telah menghipotesiskan bahawa kepuasan terhadap persekitaran pendidikan adalah berkaitan dengan jenis personaliti tertentu. Lebih tinggi

keselarasan antara jenis personaliti tertentu dengan persekitaran ini maka kepuasan dari segi interaksi juga meningkat. Oleh itu keselarasan di antara personaliti dan persekitaran adalah satu faktor yang penting dalam mempengaruhi kepuasan dan pencapaian akademik seseorang pelajar. Pelajar harus berinteraksi secara berkesan dengan persekitarannya bagi membolehkan mereka terus bermotivasi untuk belajar. Dalam hal ini faktor individu dan persekitaran perlu selaras. Kesan dan hubungan antara faktor-faktor ini ke atas pencapaian perlu diketahui dan diselidiki. Maka objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mendefinisikan pola persekitaran program pangajian yang terdapat di UTeM berdasarkan Kod Tiga Mata Holland menggunakan Teknik Penilaian Persekitaran (*Environmental Assessment Technique - EAT*).
2. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran.
3. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa.
4. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa.
5. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa.
6. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran.
7. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran.
8. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.
9. Untuk menguji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

10. Untuk menguji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran dengan pencapaian akademik
11. Untuk menguji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik.

1.5 Kepentingan Kajian

Menyedari bahawa penting untuk pelajar memilih atau memasuki bidang pengajian yang selaras dengan diri mereka, maka kajian ini berguna untuk menimbulkan kesedaran tentang kepentingan membuat keputusan dalam pemilihan bidang pengajian di kalangan pelajar. Keselarasan ciri diri dengan bidang pengajian yang diikuti akan memberi kepuasan yang seterusnya akan memberi jaminan ke arah kesihatan mental seseorang pelajar. Dalam hal ini kepuasan membuat sesuatu yang relevan dan bermakna bukan semata-mata dilihat dalam bentuk fizikal sahaja namun yang lebih penting ialah hubungan individu dengan bidang pengajian. Justeru itu kepuasan dari segi psikologikal akan membangun komitmen seseorang pelajar pengajian tinggi ke mercu kejayaan hidupnya.

Dengan pemilihan bidang yang tepat ini maka proses budaya ilmu akan terus tercerna dalam institusi pengajian tinggi dalam jangka masa yang panjang. Ini secara langsungnya akan memberi kesan terhadap peningkatan prestasi universiti dan akan meningkat serta memberi keyakinan terhadap orang ramai tentang kemampuan universiti mengeluarkan graduan-graduan yang benar-benar *competent* dan berkaliber demi negara dan masyarakat.

Masyarakat secara umumnya akan mendapat manfaat daripada kajian ini dengan dapat memberi pengetahuan kepada mereka betapa pentingnya keselarasan sesuatu bidang pengajian itu terhadap kejayaan seorang pelajar. Hasil daripada pemahaman ini akan memberi perubahan tingkahlalu seluruh ahli masyarakat untuk menyedari dan menerimapakai tingkahlaku memadankan atau menyalurkan bakal pelajar menyertai bidang pengajian yang selaras dengan ciri diri. Dalam masa yang sama setiap ibu dan bapa bagi bakal pelajar yang ingin memasuki pusat pengajian tinggi tidak akan mendesak anak-anak mereka mengikuti bidang pengajian yang mereka inginkan anak-anak mereka ikuti, yang akhirnya membuatkan anak mereka terpaksa akur dengan kehendak mereka. Pemahaman ini diyakini akan mendidik ahli masyarakat betapa pentingnya ciri diri diselaraskan dengan bidang pengajian yang ingin diikuti dan membawa mereka menerima hakikat bahawa peluang pengajian tinggi kini bukan sahaja bergantung di atas kelulusan akademik yang cemerlang semata-mata malah adalah lebih penting lagi ialah keselarasan ciri diri dengan persekitaran bidang sesuatu pengajian itu.

Meningkatkan kredibiliti sektor Pengajian Tinggi Malaysia di atas inisiatif memberi pemahaman bahawa sektor ini serius dalam memberi penekanan terhadap peri pentingnya pemilihan bidang pengajian di kalangan bakal pelajar perlu diasaskan dengan keselarasan ciri diri dengan bidang pengajian itu.

Kajian ini akan memberi manfaat yang sangat berguna kepada pihak yang memberi perkhidmatan kaunseling di universiti kerana dapat membantu universiti membantu memberi keesahan dan kebolehpercayaan instrumen inventori personaliti seperti yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Self-Directed Search – Form Easy* (SDS) versi Amla (1984) di kalangan pelajar-pelajar IPT. Melalui pembuktian keesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini akan mendorong penggunaannya oleh pihak kaunselor dalam membantu pelajar mengenali potensi dan tret diri ke arah membuat pemilihan bidang kajian yang tepat.

1.6 Kesignifikanan Kajian

Kajian ini bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat pendidikan sama ada pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh keselarasan personaliti dan keakuran pelajar kepada ibu bapa. Dengan adanya maklumat sebegini akan dapat menyediakan data ke arah merancang dan meramal tahap pencapaian pelajar IPT di Malaysia dan seterusnya mengatur strategi ke arah jalan membantu pelajar-pelajar yang bermasalah dalam aspek pencapaian akademik mereka.

Kajian ini juga boleh memberi petunjuk bahawa sistem pengambilan pelajar untuk memasuki pelbagai fakulti di universiti dalam negeri boleh ditingkatkan keberkesannya dengan menggunakan ujian personaliti dan minat.

Kajian ini akan dapat memberi gambaran tentang kepentingan perkhidmatan kaunseling kerjaya di peringkat universiti khususnya. Dengan adanya perkhidmatan daripada kaunselor kerjaya, pelajar dapat dibimbing untuk mengenalpasti bidang yang selaras dengan minat masing-masing berdasarkan pendekatan yang saintifik iaitu Kaunseling Kerjaya.

Kajian ini juga akan dapat memberi maklumat tambahan tentang pentingnya perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya di sekolah. Pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah perlu terus diberi maklumat tentang pentingnya faktor keselarasan minat dengan bidang pengajian di IPT.

Kajian ini juga akan dapat melihat *trend* masyarakat khasnya ibu bapa atau orang signifikan pelajar-pelajar dalam aspek memberi pengaruh dalam pemilihan bidang pengajian di kalangan pelajar-pelajar. Daripada dapatan kajian ini dapat

dilihat adakah faktor keakuran terhadap ibu bapa memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar.

1.7 Kerangka Model Kajian


Untuk meninjau sejauh mana pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh faktor keselarasan antara jenis personaliti dengan persekitaran pendidikan dan faktor keakuran kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar-pelajar di IPTA, beberapa andaian asas telah dibuat. Andaian tersebut adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1.1.

	Selaras personaliti-persekitaran	Pencapaian dijangka (PNGK)	Rasional
akur kepada kehendak ibu bapa	Selaras I	Tinggi	Disokong oleh kedua-dua faktor jenis personaliti dan keluarga
	Tidak selaras II	Tidak menentu	Disokong oleh faktor keluarga tapi tidak faktor jenis personaliti
tidak akur kepada kehendak ibu bapa	Selaras III	Tidak menentu	Disokong oleh faktor jenis personaliti tapi tidak faktor keluarga
	Tidak Selaras IV	Rendah	Tidak disokong oleh kedua-dua faktor jenis personaliti dan keluarga

Jadual 1.1 : Selaras, Keakuran dan Pencapaian Dijangka

Berdasarkan andaian asas seperti dinyatakan di atas, terdapat empat kumpulan jenis pelajar iaitu: I) pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa, II) pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa, III) pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa, dan IV) pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Dengan empat kumpulan jenis pelajar ini, soalan yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah seperti kerangka kajian seperti Rajah 1.2.



Rajah 1.2 : Kerangka Model Kajian

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di kalangan pelajar peringkat sarjana muda dari lima buah fakulti di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir empat buah fakulti kejuruteraan dan sebuah fakulti teknologi maklumat.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan batasan seperti berikut:

- 1.9.1 Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar UTeM, iaitu pelajar tahun akhir program pengajian sarjana muda daripada 17 program pengajian bagi tahun pengajian 2009 / 2010.
- 1.9.2 Pendekatan teori yang digunakan ialah Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) dengan menggunakan instrumen *Self-Direct Search - Form Easy* (SDS) versi Amla (1984) yang telah disesuaikan daripada Self-Direct Search Holland (1977).

1.10 Pendekatan Teori

Bahagian ini akan membincangkan teori yang menjadi asas kepada kajian ini. Sebuah buah teori dan sebuah model yang akan dibincangkan ialah 1) Teori Tipologi Kerjaya oleh Holland (1973; 1985; 1996), 2) Teori Kekuasaan Keluarga dan Keakuran oleh Smith (1983), dan 3) Model Pengaruh Keluarga dan Keakuran Anak-Anak oleh Rollins dan Thomas (1975).

1.10.1 Teori Tipologi Kerjaya Holland

Teori Tipologi Kerjaya Holland telah diasaskan oleh John L. Holland pada tahun 1959, dan kemudiannya telah dikemaskini pada tahun 1966, 1973, 1978, 1985 dan 1996. Teori ini adalah antara teori perkembangan kerjaya paling popular yang dibentuk berasaskan andaian bahawa minat vokasional adalah satu aspek personaliti. Menurut Holland (1997) minat vokasional adalah satu aspek personaliti dan oleh yang demikian deskripsi mengenai minat individu adalah menggambarkan personaliti seseorang. Tret personaliti biasanya dikenal pasti melalui kecenderungan seperti minat terhadap pelajaran di sekolah, aktiviti rekreasi, hobi dan kerjaya sementara minat vokasional digambarkan sebagai ekspresi personaliti (Brown & Brooks, 1991). Prinsip tingkah laku manusia ialah fungsi personaliti manusia itu berinteraksi dengan persekitarannya. Lebih daripada seratus kajian berkaitan teori ini dan konstruknya (Holland, 1973) telah dijalankan dan keseluruhannya menyokong kewujudan jenis personaliti dan model persekitaran.

Ini menjadikan teori ini begitu popular sebagai teori asas di dalam penyelidikan tentang individu dan persekitaran serta hubungannya dengan kepuasan, kestabilan dan pencapaian baik dalam kerjaya mahupun pendidikan.

Pada asasnya teori ini dibentuk untuk menerangkan tingkah laku kerjaya dan mencadangkan beberapa idea yang praktikal iaitu yang berkaitan dengan

hubungan individu-persekitaran. Keselarasan antara kedua-dua pembolehubah ini iaitu ciri personaliti individu dengan ciri persekitarannya akan menolong individu mencapai kepuasan dalam pekerjaan. Di samping itu teori ini juga menghipotesiskan bahawa kepuasan terhadap persekitaran pendidikan juga berkaitan dengan keselarasan antara personaliti dengan persekitaran di mana seseorang itu belajar.

Bersesuaian dengan aspek perkembangan individu dalam pemilihan bidang, Teori Tipologi Kerjaya Holland menegaskan pelajar yang sedang berfungsi di dalam persekitaran bidang pengkhususan yang selaras dengan personalitinya adalah pelajar yang sihat psikologinya berbanding dengan mereka yang berinteraksi di dalam persekitaran pengkhususan yang tidak selaras dengan personalitinya (Holland, 1973; 1985; 1996).

Andaian Asas Teori Tipologi Kerjaya Holland

Holland (1997) menyatakan bahawa kepuasan kerja, kestabilan dan pencapaian bergantung kepada keselarasan antara personaliti seseorang dengan persekitaran di mana ia berada. Terdapat empat andaian asas yang menjadi teras kepada teori ini. Andaian pertama ialah individu boleh dikategorikan kepada satu daripada enam jenis personaliti, iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan *Conventional* (C). Hasil daripada interaksi antara individu dengan pelbagai desakan kebudayaan dan ciri peribadi seperti pewarisan biologi, keluarga, rakan sebaya, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal, individu akan menyukai aktiviti-aktiviti tertentu. Aktiviti ini kian diminati, dan minat ini mendorong pembentukan kecekapan tertentu, yang seterusnya membentuk suatu sifat tertentu individu yang mengarahnya untuk berfikir, membuat tanggapan dan bertingkah laku dengan cara tertentu.

Andaian kedua Holland, persekitaran juga dikategorikan kepada enam jenis persekitaran iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan *Conventional* (C). Menurut Holland, setiap persekitaran ini akan dikuasai atau didominasi oleh personaliti tertentu dan setiap persekitaran itu akan dijeniskan oleh keadaan fizikal yang menghasilkan peluang-peluang atau masalah-masalah tertentu. Misalnya persekitaran Realistik akan didominasi oleh individu jenis Realistik, iaitu sebahagian besar peratusan populasi yang berada dalam persekitaran Realistik adalah menyerupai jenis Realistik. Manakala persekitaran *Enterprising* pula akan didominasi oleh individu *Enterprising*.

Andaian ketiga Holland ialah individu akan mencari persekitaran yang memberi peluang kepadanya untuk menunjukkan kecekapan dan keupayaan serta membolehkan mereka melahirkan sikap dan nilai mereka. Mereka bersedia menerima peranan dan masalah yang wujud dalam alam persekitaran tersebut. Contohnya, individu jenis Sosial akan mencari persekitaran Sosial, individu jenis

Realistik akan mencari persekitaran Realistik, sementara individu jenis Artistik akan mencari persekitaran Artistik.

Andaian keempat Holland ialah tingkah laku individu ditentukan oleh interaksi antara personaliti dengan persekitaran. Menurut Holland, sekiranya diketahui pola personaliti individu dan pola persekitarannya, kita boleh meramalkan beberapa perkara yang mungkin terjadi hasil daripada padanan tersebut dengan menggunakan pengetahuan tentang jenis personaliti dan model persekitaran. Antara ramalan daripada prinsip ini antaranya adalah pemilihan kerjaya atau bidang, pertukaran kerjaya, pencapaian vokasional, kecekapan personal, tingkah laku pendidikan serta orientasi sosial.

Berdasarkan enam jenis individu iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan *Conventional* (C), Holland telah membangunkan dua model yang memperincikan ciri personaliti dan persekitaran. Model pertama iaitu yang mengkategorikan individu kepada 6 jenis personaliti adalah seperti dalam Jadual 1.2.

Gaya Individu	Tema	Persekitaran Pekerjaan
Individu agresif, lebih menyukai tugas-tugas yang konkrit daripada abstrak, asasnya kurang bersosial, interaksi interpersonal yang lemah.	Realistik	Pekerjaan-pekerjaan mahir seperti juruelektrik, operator mesin, juruteknik mahir seperti mekanik motor, pelukis, pelan dan pekerjaan perkhidmatan.
Individu yang intelek, abstrak, analitis, berdikari, kadang-kadang radikal dan berorientasikan tugas.	Investigatif	Kerja-kerja saintifik seperti pakar kimia, fizik dan matematik, juruteknik, seperti juruteknik makmal, pekerja elektronik dan pengaturcara komputer.
Individu imaginatif, menilai tinggi estetik, ekspresif, bebas dan agak ekstrovert.	Artistik	Pekerjaan seperti pelukis, ahli muzik, penulis artikel, skrip drama, novel, pemimpin orkestra, juruukur dan pereka fesyen.
Lebih menyukai interaksi, sosial, berkaitan dengan sosial, agama, orientasi kepada kerja-kerja kemasyarakatan dan pendidikan	Sosial	Kerja pendidikan seperti: pendidik, pentadbir pendidikan dan profesor, kerja kebajikan, ahli sosiologi, kaunselor dan jururawat.

Individu ekstrovert, agresif, suka mengembara, suka peranan memimpin, pandai memujuk, mahir dan pandai menggunakan perkataan.	<i>Enterprising</i>	Kerja-kerja pengurusan seperti pengurus jualan, pengurus personal dan pengurus pengeluaran. Kerja- kerja penjualan seperti jurujual kereta, insurans, dan hartanah.
Individu praktikal, dapat mengawal diri, suka bersosial, konservatif, menyukai tugas-tugas berstruktur dan mematuhi peraturan yang disediakan.	<i>Conventional</i>	Kerja-kerja pejabat dan perkeranian, kerani kaunter, kerani fail, penyimpan kira dan penyambut tetamu.

Sumber: Sidek (2002)

Jadual 1.2 : Model Gaya Individu Dan Persekitaran Pekerjaan Mengikut Holland

Dalam konteks bidang pengajian, dan berdasarkan enam jenis individu dan enam jenis persekitaran iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan *Conventional* (C), Holland juga telah memberi deskripsi tentang persekitaran akademik yang dipadankan dengan disiplin akademik di institusi pendidikan seperti dalam Jadual 1.3 berikut ini:

Persekitaran Akademik	Disiplin Akademik
<p><u>Realistik</u></p> <p>Memupuk kecekapan dan pencapaian daripada teknikal dan memanipulasi benda, mesin atau binatang, ganjaran bernilai seperti wang, kuasa dan sesuatu yang dimiliki. Menggalakkan manusia melihat dunia dengan cara yang mudah dan tradisional.</p>	<p>Perhutanan Kejuruteraan Awam Pendidikan Pertanian Kejuruteraan Mekanikal</p>
<p><u>Investigatif</u></p> <p>Memupuk kecekapan dan pencapaian saintifik. Pemerhatian dan penyiasatan fenomena secara sistematik. Ganjaran bernilai saintifik. Menggalakkan manusia melihat dunia secara kompleks, abstrak, bebas dan cara semulajadi.</p>	<p>Geologi Matematik Ekonomi Kejuruteraan Kimia</p>

<p><u>Artistik</u></p> <p>Memupuk kecekapan dan pencapaian dalam seni dan benda kabur. Kerja bebas dan tidak bersistematik. Ganjaran bernilai seni. Menggalakkan manusia melihat dunia secara kompleks, bebas, tidak konvensional dan cara fleksibel.</p>	<p>Bahasa Inggeris Senilukis Muzik Falsafah</p>
<p><u>Sosial</u></p> <p>Memupuk kecekapan interpersonal. Minat dan memberitahu, melatih, mengubati atau menyedarkan orang lain. Ganjaran bernilai sosial dan kemanusiaan. Menggalakkan manusia melihat dunia dengan cara yang fleksibel.</p>	<p>Sosial Pentadbiran Pendidikan Sejarah Sains Politik</p>
<p><u>Enterprising</u></p> <p>Memupuk kecekapan mempengaruhi dan memimpin. Pencapaian dan manipulasi orang lain untuk matlamat peribadi dan organisasi. Ganjaran bernilai keusahawanan dan matlamat seperti wang, kuasa dan status. Menggalakkan manusia melihat dunia daripada segi kuasa, status, tanggungjawab dengan cara mudah dan stereotaip.</p>	<p>Pemasaran Undang-undang Kejuruteraan Industri Pengurusan Personel</p>
<p><u>Conventional</u></p> <p>Memupuk kecekapan mengikut arahan dan perkeranian, manipulasi data, rekod atau bahan bertulis. Ganjaran bernilai wang, pergantungan dan akur. Menggalakkan manusia melihat dunia dengan cara konvensional dan stereotaip, mudah dan bergantung.</p>	<p>Kesetiausahaan Perakaunan Kewangan Pendidikan Perniagaan</p>


Sumber: Sidek (2002)

Jadual 1.3 : Deskripsi Persekitaran Akademik Holland

Model Heksagonal Holland

Bagi menjelaskan perkaitan enam jenis personaliti individu dan jenis persekitaran, Holland memperkenalkan Model Heksagonal Holland. Model Heksagonal Holland (Rajah 1.3) mempunyai tiga fungsi utama dan fungsi-fungsi

ini adalah berkaitan dengan Teori Tipologi Kerjaya Holland. Tiga fungsi itu ialah: 1) dapat mendefinisikan darjah ketekalan pola personaliti seseorang individu; 2) dapat mendefinisikan darjah ketekalan pola persekitaran seseorang individu, dan 3) dapat mendefinisikan darjah keselarasan antara individu dan persekitaran.



Rajah 1.3 : Model Heksagonal Holland: Konsep Keselarasan Personaliti-Persekitaran

Menurut Holland (1973; 1985; 1996), setelah individu selesai menilai jenis personaliti dan jenis persekitarannya, model heksagonal boleh digunakan bersama-sama dengan formulasi jenis personaliti dan model persekitaran untuk mendefinisikan darjah ketekalan dan darjah keselarasan. Model ini juga boleh digunakan untuk meramal hasil-hasil yang dijangkakan seperti kepuasan kerja, pencapaian, produktiviti dan pertukaran kerja.

Andaian Sekunder Teori Tipologi Kerjaya Holland

Selain empat andaian yang menjadi teras Teori Tipologi Kerjaya Holland, terdapat lima pula andaian sekunder yang boleh diaplikasi kepada kedua-dua aspek personaliti dan persekitaran. Lima andaian tersebut adalah; 1) Keselarasan (*Congruence*); 2) Konsistensi (*Consistency*); 3) Pembezaan (*Differentiation*); 4) Kalkulus (*Calculus*) dan 5) Identiti (*Identity*) (Holland, 1997).

Keselarasan (*Congruence*)

Keselarasan bermaksud satu keadaan yang selaras di antara personaliti diri dengan persekitaran kerjaya atau pengajian. Individu yang menceburi dalam sesuatu bidang pekerjaan atau berada dalam bidang pengajian mempunyai pola personaliti yang sama atau hampir sama dengan persekitaran pekerjaan atau pengajian yang dialaminya. Oleh itu individu akan bertindakbalas kepada berbagai situasi dan masalah dengan cara yang serupa atau hampir serupa.


Berdasarkan Rajah 1.3, jenis persekitaran yang paling selaras untuk individu personaliti Realistik ialah jenis persekitaran Realistik (R-R) dan paling tidak selaras ialah jenis persekitaran Sosial (R-S). Manakala persekitaran paling selaras untuk individu jenis personaliti *Conventional* ialah jenis persekitaran *Conventional* (C-C) dan yang paling tidak selaras ialah jenis persekitaran Artistik (C-A).

Umumnya, darjah keselarasan ini dapat meramalkan tingkah laku individu dalam hal pemilihan pekerjaan atau bidang. Huruf pertama (primer) dalam kod tiga-mata Holland menerangkan jenis personaliti paling dominan serta bidang umum atau major yang sesuai dengan label jenis personaliti tersebut. Huruf yang kedua (sekunder) dan ketiga (tertiari) pula akan menerangkan aspek-aspek yang lebih khusus dalam bidang umum tersebut iaitu bidang minor. Ini bermakna personaliti seseorang yang dinyatakan dalam bentuk kod tiga-mata Holland meramalkan perlakuan vokasionalnya dengan lebih bersepadu dan tepat.

Konsistensi (*Consistency*)

Konsistensi bermaksud gambaran ketekalan di antara satu jenis personaliti dengan satu persekitaran kerjaya. Individu mempunyai pandangan tertentu mengenai pekerjaan dari segi definisi, gambaran, imej atau persepsi, kepercayaan dan nilai yang tersendiri secara tekal terhadap sesuatu pekerjaan.

Hubungan sesetengah pasangan personaliti dan persekitaran didapati lebih kuat kaitannya dibandingkan dengan pasangan personaliti dan persekitaran yang lain. Ketekalan corak personaliti ini ditentukan oleh darjah kesamaan antara jenis-jenis personaliti yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti yang ditunjukkan oleh Model Heksagon dalam Rajah 1.4. Kombinasi dua jenis personaliti yang menjadi tapak segi enam lebih menyerupai antara satu sama lain dan memperlihatkan tahap ketekalan yang tinggi, misalnya RC, CR, SA dan lain-lain. Darjah ketekalan atau kaitan ini dijangka akan memberi kesan kepada kepuasan, kestabilan dan kejayaan.



Nota :

-  : Tahap Ketekalan Tinggi
(RI, RC, IR, IA, AI, AS, SA, SE, ES, EC, CE dan CR)
-  : Tahap Ketekalan Sederhana
(RA, RE, IS, IC, AR, AE, SI, SC, ER, CS dan CI)
-  : Tahap Ketekalan Rendah
(RS, IE, AC, SR, EI dan CA)

Sumber : Holland, 1973 : 23


Rajah 1.4 : Model Heksagonal Holland - Konsep Ketekalan

Pembezaan (Differentiation)

Sesetengah individu dan sesetengah persekitaran boleh dibezakan dengan jelas daripada seseorang dan persekitaran yang lain. Contohnya seseorang yang lebih menyerupai sesuatu jenis personaliti akan memperlihatkan perbezaan yang tinggi dengan jenis personaliti yang lain atau persekitaran yang didominasi oleh ciri-ciri tertentu yang membuatnya lebih menonjol daripada persekitaran yang lain. Keadaan ini dinamakan pembezaan. Sebaliknya jika seseorang itu menyerupai banyak jenis personaliti atau persekitaran yang mempunyai ciri-ciri yang agak sama dengan persekitaran yang lain, maka ia dikatakan mempunyai pembezaan personaliti atau persekitaran yang rendah.

Kalkulus

Perhubungan di dalam dan di antara jenis personaliti atau persekitaran boleh disusun mengikut Model Heksagonal seperti di Rajah 1.5, di mana jarak di antara jenis atau persekitaran adalah berkadar songsang kepada perhubungan teoritikal di antara keduanya. Konsep ini dipanggil kalkulus. Ini bermakna semakin jauh jarak di antara sebarang dua jenis personaliti maka semakin berbeza ciri-ciri psikologi mereka.



Sumber : Sidek (2002 : 56)

Rajah 1.5 : Model Heksagonal Holland untuk mentafsirkan hubungan-hubungan interkelas dan intrakelas

Holland (1997) menyatakan bahawa pertalian dalam dan antara jenis atau persekitaran boleh disusun berdasarkan model heksagonal yang jarak antara jenis atau persekitaran adalah berkadar songsang dengan pertalian teoritikal antara mereka. Contohnya seperti dalam Rajah 1.5, bagi personaliti jenis S dan E jarak antara mereka adalah berdekatan ($r = .65$) maka kedua-duanya menyerupai antara satu sama lain. Sebaliknya bagi personaliti jenis R dan S pula jarak antara mereka adalah jauh ($r = .34$) maka kedua-duanya adalah berbeza antara satu sama lain. Susunan perhubungan ini memberi makna yang eksplisit kepada kedua-dua konsistensi dan keselarasan individu dan persekitaran.

Identiti

Identiti personal pula didefinisikan sebagai terdapatnya gambaran yang jelas dan stabil tentang matlamat, minat dan bakat individu. Dengan cara yang sama, identiti persekitaran dapat diperhatikan dalam persekitaran atau organisasi yang mempunyai matlamat yang jelas, tugas serta ganjaran yang jelas bersepadu

yang stabil dalam suatu jangka masa yang panjang (Holland 1997). Konsep identiti dapat memberikan anggaran tentang kejelasan dan kestabilan identiti personal atau identiti persekitaran.

Kesimpulan Teori Tipologi Kerjaya Holland

Secara teorinya, Holland telah mengemukakan andaian, saranan serta konstruk yang jelas dan mudah difahami. Gagasan-gagasan yang terkandung dalam teorinya sering dikaji dan didefinisikan semula. Alat-alat ukuran untuk mengukur jenis personaliti serta aspek-aspek lain telah dibentuk. Antara alat ukuran yang dibentuk dan sering digunakan ialah *Vocational Preference Inventory* (VPI) (1953), *Self-Directed Search* (SDS) (1977b), *Vocational Exploration and Insight Kit* (VEIK) (Holland *et al.* 1980b dalam Sidek, 2002) dan *My vocational Situation Inventory* (MVS) (Holland *et al.* 1980 dalam Sidek, 2002).

Alat ukuran SDS sering digunakan dengan mendapatkan tiga skor personaliti tertinggi dan menggunakan bagi menggambarkan profil minat kerjaya dan profil personaliti individu berkenaan. Profil ini dikenali Kod Tiga Mata Holland.

Sebagai satu teori, Holland (1973; 1985; 1996) telah mengemukakan andaian, saranan serta konstruk yang jelas dan mudah difahami. Menurut Reynolds (1971) dan Snow (1973), teori yang baik harus mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti: I) dinyatakan dengan jelas, II) dinyatakan dengan berhati-hati, III) menerangkan fenomena penting, IV) komprehensif, V) menggalakkan penemuan secara empirikal, VI) menerangkan dengan bantuan alat, meramal dan dapat mengawal fenomena yang diterangkan, VII) boleh dibuktikan dengan data empirikal melalui dapatan-dapatan kajian terbaharu dan VIII) suatu teori pemilihan kerjaya sepatutnya menyediakan panduan untuk mempraktikkan perkembangan kerjaya. Berasaskan kepada pendapat Reynolds (1971) dan Snow (1973), Teori Tipologi Kerjaya Holland telah memenuhi kriteria tersebut.

Teori oleh Holland ini mulai dipilih sebagai satu pendekatan dalam kajian tempatan dan luar negeri. Para pengkaji telah menggunakan teori kerjaya ini terutamanya apabila hendak menguji keselarasan personaliti-persekitaran kerjaya. Di antaranya ialah Amla (1984; 1992), Othman dan Sidek (2001), dan Mastura (2004).

Teori oleh Holland ini telah mendapat sokongan empirikal yang menyeluruh sejak tiga puluh tahun yang lalu hingga kini. Ini mendorong pengkaji memilih Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) sebagai asas mengkaji hubungan keselarasan individu dengan persekitaran pengajian.

1.10.2 Teori Kekuasaan Keluarga dan Keakuran

Smith (1983) telah mengetengahkan Teori Kekuasaan Keluarga dan Keakuran yang memperincikan jenis kuasa atau kawalan dalam keluarga. Menurut Smith, asas dari pernyataan kuasa adalah bergantung kepada orang berkuasa iaitu berdasarkan kepada kuasa kawalan keupayaan fizikalnya, berbanding kepada bergantung kepada keupayaan kuasa dalaman orang yang dikawal iaitu anak-anak, misalnya rasa malu, cinta, atau hormat.

Satu aspek yang utama dalam dalam pengawalan menurut teori ini ialah ketegasan kuasa. Ketegasan kuasa termasuklah penggunaan ancaman fizikal seperti hukuman, perampasan benda-benda atau hak istimewa, atau aplikasi langsung kekuatan. Ketegasan kuasa ini tidak hanya melibatkan penggunaan secara terang-terangan ancaman berbentuk fizikal, perampasan, atau kekerasan, sebagai contoh, situasi di mana seorang remaja memasang radio dengan bunyi yang kuat, dan ibu bapa meminta memperlahankan dalam bentuk perintah tanpa menggunakan kuasa fizikal. Jika remaja itu mematuhi, maka dalam keadaan ini ibu bapa telah mengamalkan ketegasan kuasa.

Dimensi ketegasan kuasa dibahagikan kepada lima iaitu 1) penegasan kuasa wajar tanpa memberi anak pilihan, di mana anak diberi tekanan yang tinggi; 2) penegasan kuasa dengan alasan iaitu tidak memberikan anak pilihan dengan melibatkan tekanan peringkat tinggi, tetapi ibubapa memberi penjelasan terhadap sesuatu arahan; 3) penegasan kuasa dengan kusyen, di mana anak tidak diberi pilihan, dan dengan tekanan yang kuat tapi ibu bapa sendiri diberi ruang berlembut atau mengurangkan arahan; 4) pernyataan memberi anak ruang membuat pilihan, dan diberikan kurang tekanan dengan teknik meminta memberi penjelasan, memberi pandangan, memberi nilai kepercayaannya dan menyatakan minatnya; dan 5) mendapatkan cadangan yang melibatkan pilihan dengan sangat sedikit tekanan, ibubapa hanya menunjukkan arah kemungkinan untuk perilaku anak.

Ketegasan kuasa yang dinyatakan dalam teori ini memberi dimensi terhadap pelaksanaan kuasa di kalangan ibu bapa terhadap anak mereka. Keakuran terhadap arahan dan permintaan oleh ibu bapa ditentukan mengikut dimensi berkenaan.

1.10.3 Model Pengaruh Keluarga dan Keakuran Anak-Anak

Selain daripada teori yang dikemukakan oleh Smith (1983), lebih awal daripada itu, Rollins dan Thomas (1975) telah mengentengahkan Model Pengaruh Keluarga yang menekankan bahawa asas utama pembentukan kebebasan anak-anak bergantung kepada pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa. Ibu bapa sering beranggapan anak-anak kurang matang dalam membuat keputusan besar dalam

hidup mereka. Mereka cenderung menentukan matlamat untuk anak-anak mereka berpandukan aspek motivasi dalam diri anak-anak itu. Dengan keadaan ini, sering terdapat situasi di mana keputusan dibuat ibu bapa tidak selaras dengan kebolehan dan minat anak-anak.

Oleh kerana ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang paling asas dalam kehidupan kanak-kanak, adalah normal mereka cenderung bahkan memang dijangkakan untuk akur kepada keluarga atau ibu bapa. Adalah diandaikan bahawa keakuran anak-anak kepada ibu bapa mereka disebabkan oleh kuasa yang ada pada ibu bapa terhadap diri mereka. Rollins dan Thomas (1975) melalui model ini telah menyatakan bahawa kuasa ibu bapa memberi kesan terhadap keakuran anak-anak.

Kuasa ibu bapa adalah kebolehan untuk mengubah dan menentukan tingkah laku anak-anak berlawanan dengan kehendak mereka. Terdapat empat kuasa ibu bapa iaitu kuasa hasil-kawal, kuasa rujuk, kuasa sah undang-undang dan kuasa pakar. Keakuran anak-anak adalah hasil dari kuasa dan kawalan oleh ibu dan bapa.

1.11 Definisi Konsep Dan Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah dalam kajian ini yang perlu didefinisikan secara konsep dan operasional. Antara definisi berkenaan adalah seperti yang dibincangkan seterusnya ini.

1.11.1 Personaliti

Personaliti merupakan perwatakan seseorang yang melibatkan tingkah laku dan tindak tanduknya. Menurut Allport (1961), personaliti sebagai satu organisasi sistem psikologi dan kejasmanian yang dinamik dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaiannya dengan alam sekeliling dengan cara yang unik. Personaliti dalam konteks kajian ini membawa pengertian enam jenis personaliti yang dibentuk oleh Holland (1973) iaitu:

Personaliti Realistik

Individu realistik menghadapi persekitarannya secara konkrit dan fizikal. Individu sedemikian disifatkan sebagai materialistik, stabil dari segi emosi, tidak begitu bersifat sosial dan mempunyai sifat-sifat kelelakian. Individu ini mudah bergiat dalam aktiviti yang menggunakan objek, perkakas, mesin, peralatan dan binatang. Ia kurang minat pada aktiviti yang banyak menggunakan fikiran. Suka pada kerja-kerja manual, mekanikal, elektrik, teknikal dan pertanian. Ia kurang melibatkan diri dalam interaksi sosial. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat diri

seperti pemalu, suka mengikut perintah, berterus terang, materialistik, praktikal, semulajadi, jujur, pemurah dan tekun.

Personaliti Investigatif

Individu investigatif menguruskan persekitaran dengan menggunakan kecerdasannya. Ia bersifat kelelakian, cekal hati, berminat pada ilmu pengetahuan dan penyelidikan. Ia lebih bersifat bebas, asli dan berkeyakinan tetapi kurang bersifat praktik. Individu ini suka kepada kerja-kerja seperti penyelidikan, simbolik, sistematik dan suka juga menyelidik hal-hal yang berhubung dengan fizikal, biologikal dengan tujuan untuk memahami dan menguasai fenomena. Sebaliknya pula mereka amat tidak suka kepada aktiviti-aktiviti sosial. Oleh yang demikian mereka sangat cenderung kepada aspek-aspek matematikal dan juga saintifik. Dengan mempunyai ciri-ciri di atas maka sifat-sifat yang lahir ialah berbentuk analitikal, berhati-hati, kritikal, ingin tahu, bebas, introvert, rasional dan tidak popular.

Personaliti Artistik

Individu artistik menghadapi persekitarannya dengan mencipta bentuk-bentuk dan hasil-hasil seni. Ia bersifat imaginatif, sensitif, sedia mengalah, beremosi, kewanitaan, kurang bersosial, tidak suka mengikut peraturan, tergesa-gesa, introspektif dan fleksibel (luwes). Individu yang tergolong dalam ciri-ciri personaliti artistik ini merupakan individu yang suka kepada aktiviti-aktiviti yang bebas, tidak sistematik dan kabur. Tingkahlakunya pula mirip kepada aktiviti-aktiviti seperti bahasa, seni, muzik, drama dan juga penulisan. Mereka tidak begitu berminat kepada kerja-kerja perkeranian dan perniagaan. Oleh itu mereka lebih suka bekerja dalam suasana yang artistik supaya dengan itu boleh melahirkan segala potensi dan kebolehan mereka dengan bebas. Kebolehan artistiknya digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi secara lebih kreatif. Ia menganggap dirinya sebagai ekspresif, asli, lembut, kreatif, bergaya bebas dan mempunyai kebolehan dalam gubahan imaginatif dan muzik. Di samping menghargai nilai-nilai estetika, ia sangat benci kepada aktiviti-aktiviti konvensional.

Personaliti Sosial

Individu sosial terkenal dengan kemahiran sosial. Individu sedemikian suka menikmati pekerjaan yang bersifat pendidikan, terapi, agama dan aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat, muzik, bacaan, drama dan sebagainya. Individu ini bersifat riang, suka berinteraksi dengan orang lain, bertanggungjawab, suka menjadi pemimpin, suka menyampaikan maklumat, suka kepada aktiviti pendidikan, latihan, pemulihan dan perkembangan di samping mengelakkan diri dari aktiviti yang ketat, berstruktur, yang melibatkan benda, perkakas dan juga

mesin. Ia bercita-cita tinggi dan sangat cenderung kepada pembangunan manusia dan kebajikan masyarakat. Ia mempunyai kebolehan di dalam hubungan sosial untuk menyelesaikan masalah, suka menolong orang lain, memahami orang lain, mempunyai kecekapan mengajar tetapi kurang kecekapan dalam bidang mekanikal dan juga saintifik. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat seperti idealistik, bijaksana, kerjasama, suka berkawan, murah hati, lemah lembut, suka menolong, daya pujukan tinggi, bertanggungjawab serta saling memahami.

Personaliti *Enterprising*

Individu *enterprising* mempunyai sifat ahli perniagaan. Ia pandai memujuk dan mempengaruhi, bijak berbahasa, agresif dan berkeyakinan diri, suka menunjukkan dan dominan. Di samping itu, ia suka mengambarka dan tergesa-gesa dalam menghadapi cabaran. Berkebolehan memimpin, berkomunikasi interpersonal, memujuk dan menguasai situasi. Individu ini sukakan aktiviti yang berbentuk memanipulasikan orang lain untuk mencapai matlamat dan keuntungan ekonomi. Personaliti ini mempunyai sifat-sifat kerajinan, bersungguh-sungguh, suka mengembara, bercita-cita tinggi, suka bercakap, suka berbahasa, ingin menguasai orang lain, suka menonjol-nonjolkan diri

Personaliti *Conventional*

Individu *conventional* biasanya mempunyai cara penyelesaian masalah yang stereotaip dan tidak asli. Ia kelihatan kemas, cermat, konservatif, suka penepatan, dapat mengawal diri dan praktikal. Personaliti ini suka kepada aktiviti yang melibatkan data seperti menyimpan rekod, menyimpan dan mengeluarkan semula bahan-bahan, mengendalikan mesin kira-kira dan memproses data untuk mencapai matlamat ekonomi. Mereka berpersonaliti realistik ini tidak suka kepada perkara-perkara yang kabur, bebas atau tidak sistematik. Mereka suka kepada ativiti-ativiti atau tugas yang berperaturan, suka mengikut arahan, mempunyai kecekapan perkeranian dan perangkaan. Sifat yang jelas pada mereka ialah menyesuaikan diri dengan keadaan di samping mengerjakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan teliti, cekap, tegas, patuh, sopan, tenang, dan tidak khayal.

1.11.2 Pola Personaliti

Pola personaliti atau sub-jenis bermaksud keterangan tentang profil keserupaan terhadap jenis-jenis personaliti (Holland, 1973, 1985). Kod Tiga Mata yang diperkenalkan oleh Holland sebagai Kod Tipologi Kerjaya Holland mewakili tiga jenis personaliti yang sama, misalnya seperti seorang operator mesin mempunyai pola personaliti RIC atau CRI atau lain-lain kumpulan R, I, A, S, E, C. Pola personaliti dalam kajian ini adalah merujuk kepada sub-jenis iaitu satu istilah

yang diperkenalkan oleh Holland (1985) untuk menerangkan profil keserupaan individu terhadap jenis-jenis personaliti.

1.11.3 Persekitaran

Persekitaran bermaksud elemen-elemen rangsangan fizikal, mental, sosial, dan rohani yang mengelilingi kehidupan individu yang berada pada masa dan tempat itu. Suatu latar belakang kehidupan yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung kepada diri seseorang individu itu. Persekitaran dalam konteks kajian ini membawa pengertian enam jenis persekitaran yang dibentuk oleh Holland (1973) iaitu:

Persekitaran Realistik

Persekitaran ini akan menggalakkan individu melakukan aktiviti-aktiviti yang bercorak realistik seperti menggunakan mesin dan alatan. Persekitaran ini juga akan menggalakkan individu merasai dirinya mempunyai kebolehan mekanikal tetapi kekurangan kebolehan di dalam hubungan sosial. Keadaan persekitaran ini memberikan sesuatu yang bernilai seperti wang, kuasa dan harta.

Persekitaran Investigatif

Keperluan dan peluang yang ada pada persekitaran ini memerlukan penyelidikan kreatif ke atas gejala fizikal dan biologikal. Suasana ini menggalakkan individu mewujudkan aktiviti yang bercorak investigatif, pencapaian dan keupayaan yang saintifik. Ia menggalakkan juga individu melihat dirinya sebagai pengkaji, yang mempunyai kecekapan matematikal dan saintifik tetapi kekurangan di dalam aspek kepimpinan. Persekitaran ini juga menggalakkan individu-individu melihat dunia ini secara kompleks, abstrak, bebas dan asli.

Persekitaran Artistik

Persekitaran ini dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti dan keupayaan yang bebas, tidak sistematik untuk menghasilkan sesuatu yang seni. Dengan itu akan melahirkan individu-individu yang sukakan aktiviti-aktiviti artistik. Individu-individu yang mempunyai persekitaran ini menjadi lebih mudah dikuasai oleh pengaruh-pengaruh emosional, khayalan dan personal. Mereka lebih tertarik kepada pekerjaan jenis artistik. Begitu juga hubungannya dengan orang lain yang lebih kepada cara ekspresif dan emosional.

Persekitaran Sosial

Persekitaran ini seringkali memanipulasikan orang lain melalui berita, latihan, perkembangan dan pemulihan. Dengan itu individu menjadi lebih rapat dan

sukakan aktiviti-aktivitinya. Ia menggalakkan individu memberikan pertolongan kepada orang lain, memahami, bekerjasama dan sosial. Suasana pekerjaan ini juga menggalakkan keupayaan sosialnya. Perhubungan dengan orang lain berjalan dalam bentuk penuh kemesraan dan penuh kerjasama.

Persekitaran *Enterprising*

Memanipulasikan sesuatu peluang untuk kepentingan diri sendiri atau pun organisasi. Ia akan merangsang individu itu untuk melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan berbentuk *enterprising*. Individu mudah dikuasai oleh faktor atau pengaruh-pengaruh sosial, emosional dan materialistik. Perhubungan dengan orang lain lebih berbentuk dominan, banyak menggunakan dialog yang memerlukan kepetahan bercakap dan lain-lain sifat *enterprising*.

Persekitaran *Conventional*

Memanipulasikan data seperti menyimpan rekod. Dengan itu ia akan merangsangkan individu itu untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti *conventional*. Individu-individu akan digalakkan untuk mempersepsikan diri mereka sebagai akur, berperaturan dan tidak artistik. Selain itu persekitaran ini juga akan menyebabkan individu itu mudah dikuasai oleh pengaruh materialistik seperti wang, kuasa dan status. Lebih tertarik kepada peranan atau pekerjaan yang berbentuk *conventional* seperti praktikal, pengakuran dan pengawalan.

1.11.4 Keselarasan Personaliti-Persekitaran

Keselarasan adalah merupakan salah satu daripada konsep utama yang terkandung dalam Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996). Kepuasan, kestabilan dan pencapaian bergantung kepada keselarasan antara personaliti seseorang dengan persekitarannya.

Menurut Holland (1973; 1985; 1996), individu dikategorikan ke dalam enam ciri personaliti iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*. Holland juga mengketagorikan persekitaran kepada enam jenis yang sama iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*, dan mendefinisi keselarasan personaliti-persekitaran sebagai situasi di mana ciri individu seperti kebolehan bersesuaian dengan keperluan persekitaran di mana individu itu berfungsi.

Dalam kajian ini, persekitaran dirujuk kepada persekitaran pendidikan. Ini bermakna, individu Realistik akan merasa puas dan akan lebih berjaya jika dia berada dalam atau belajar dalam persekitaran Realistik. Individu ini seterusnya dirujuk sebagai selaras dari segi personaliti-persekitaran pendidikan.

Bagi tujuan keselarasan, Indeks Keselarasan (IK) ditentukan dengan membandingkan kesepadanan antara kod tiga mata personaliti yang diperolehi oleh pelajar melalui instrumen minat *Self-Directed Search* (SDS) dan kod tiga bidang pengajian yang telah dihasilkan oleh Holland dalam *The Opportunities Finder* (EOF) (Rosen, Holmberg, Holland, 1994). Indeks Keselarasan Iachan, (1981) digunakan bagi mengukur padanan. Padanan yang tepat, contohnya S-E-A dengan S-E-A akan diberi IK = 28. Keselarasan yang langsung tidak mengena, contohnya S-E-A dengan R-I-C akan diberi IK = 0.

1.11.5 Keakuran

Keakuran adalah menggambarkan sifat kepatuhan. Dalam kajian ini, keakuran adalah merujuk kepada keadaan di mana pelajar menuruti, mendengar pandangan atau mematuhi segala yang disuruh atau diminta oleh ibu bapa mereka dalam membuat keputusan untuk memilih bidang pengajian mereka.

1.11.6 Pencapaian Akademik

Menurut Wallman (1969), akademik adalah sesuatu yang berkaitan dengan pendidikan formal, manakala pencapaian pula dirujuk kepada tingkat kecekapan yang dicapai dalam pendidikan. Oleh itu pencapaian akademik didefinisikan sebagai satu darjah tahap yang dicapai dalam sesuatu tugas atau penilaian yang melibatkan pendidikan (Corsini, 1987). Fritzsche *et al.* (2002) yang membuat analisis terhadap persekitaran R, I, A, S, E, C mendapati bahawa personaliti adalah peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik pelajar.

Untuk kajian ini, pencapaian akademik dirujuk kepada Purata Nilai Gred Kumalatif (PNGK) pelajar dalam peperiksaan semester yang dijalankan di UTeM. Gred pencapaian ini adalah termasuk semua penilaian-penilaian formatif dan sumatif yang dilaksanakan sepanjang semester pengajian setiap pelajar yang merangkumi tugas-tugas, latihan dan peperiksaan bertulis. PNGK bagi setiap pelajar diperolehi daripada respon yang diberi oleh pelajar di dalam bahagian demografik alat kajian yang diedarkan kepada mereka.

1.11.7 *Environmental Assessment Technique* (EAT)

Teknik Penilaian Persekitaran atau *Environmental Assessment Technique* (EAT) telah dipelopori oleh Astin dan Holland (1961). Teknik ini didasarkan cadangan Linton dalam Astin dan Holland (1961) yang menyatakan bahawa sebahagian besar tekanan sesuatu persekitaran digambarkan melalui manusia yang terkandung di dalamnya. Kaedah EAT ini merupakan teknik membanci pekerjaan populasi di dalam sesuatu persekitaran. Ia dapat memberikan deskripsi tentang ciri-ciri sesuatu persekitaran itu (Astin dan Holland, 1961) sama ada persekitaran

itu bercirikan Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* atau *Conventional*.

1.11.8 Persekitaran Pengajian UTeM

Dalam kajian ini, persekitaran adalah merujuk kepada bidang pengkhususan program pengajian yang diikuti oleh pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik adalah Kuasa Industri (BEKP), Kawalan, Instrumentasi & Automasi (BEKC), dan Elektronik Kuasa & Pemacu (BEKE). Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik adalah Industri Elektronik (BENE), Kejuruteraan Komputer (BENC), dan Telekomunikasi Elektronik (BENT), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan adalah Proses Pembuatan (BMFP), Rekabentuk Pembuatan (BMFR), dan Robotik & Automasi (BMFA). Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal pula adalah Termal Bendalir (BMCT), Struktur & Bahan (BMCS), Rekabentuk & Inovasi (BMCD), dan Automotif (BMCA), manakala Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer adalah Media Interaktif (BITM), Rangkaian Komputer (BITC), Pembangunan Perisian (BITS), dan Pengurusan Pengkalan Data (BITD), Maklumat secara lebih terperinci mengenai program pengajian yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kuasa Industri (BEKP)

Pengkhususan ini melibatkan bidang-bidang yang berkaitan dengan sistem tenaga elektrik yang merangkumi aspek-aspek penjanaan, penghantaran, pengagihan kuasa, perlindungan sistem kuasa, penggunaan tenaga elektrik, pengurusan beban termasuk urusan regulasi tenaga elektrik dan komponen-komponen seperti pemutus litar, pengubah peralatan kawalan dan sebagainya.

Kawalan , Instrumentasi & Automasi (BEKC)

Pengkhususan ini merupakan satu bidang yang luas dalam membincangkan kaedah penghasilan keluaran atau produk dan peralatan. Kejuruteraan kawalan, instrumentasi dan automasi merupakan gabungan tiga bidang iaitu Kejuruteraan Kawalan, Kejuruteraan Instrumentasi dan Kejuruteraan Automasi. Gabungan ketiga-tiga bidang ini akan menghasilkan satu sistem yang kompleks. Ianya merangkumi analisis dan rekabentuk sistem kawalan, robotik, pendedahan terhadap sistem FMS dan juga pengautomatan.

Elektronik Kuasa & Pemacu (BEKE)

Pengkhususan ini terdiri daripada bidang-bidang utama termasuklah pembuatan komponen dan peralatan peranti semikonduktor kuasa yang digunakan dalam kejuruteraan elektrik, elektronik dan peralatan elektronik semikonduktor berkuasa tinggi bagi keperluan sistem bekalan tenaga. Disamping itu terdapat

banyak peralatan elektronik yang memerlukan proses pertukaran tenaga. Peluang kerjaya untuk graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik termasuklah bidang-bidang pembuatan dan perindustrian, perkilangan barangan elektrik, sektor pembuatan komponen voltan tinggi dan voltan rendah, bidang '*Renewable Energy*', industri minyak dan gas, industri berteknologi tinggi seperti industri angkasa lepas, firma-firma perundingan, industri pembuatan sistem automatan, firma-firma kejuruteraan bioperubatan, sektor pembangunan perisian dan badan-badan penyelidikan dan pembangunan. Antara bidang tugas yang boleh diceburi termasuklah Jurutera Proses dan Pembuatan, Jurutera Rekabentuk dan Penyelidikan, Jurutera Perunding, Jurutera Pengujian dan Kualiti, Jurutera Sistem dan Akademik.

Industri Elektronik (BENE)

Bidang pengkhususan industri elektronik adalah satu bidang mengenai proses dan teknik kawalan mesin-mesin industri yang menggunakan *electronic circuit*. Pelajar-pelajar didedahkan dengan subjek-subjek utama yang ditawarkan seperti statistik, *digital system*, sistem elektronik, *technology microprocessor*, *signals & network* dan lain-lain. Graduan dalam bidang ini berpeluang untuk mengikuti bidang kerjaya dalam bidang pengeluaran peralatan/aksesori sistem komputer seperti *monitor*, *disc drive*, *printer*, *scanner*, *audio amplifier* dan lain-lain. Kerjaya dalam bidang pengeluaran produk pengguna berdasarkan komputer seperti *TV*, *CD & DVD player*, *alarm system*, sistem keselamatan dan lain-lain. Kerjaya yang berkaitan dengan pengeluaran komponen-komponen elektronik seperti menjadi *IC Tester* dan jurutera analisis.

Kejuruteraan Komputer (BENC)

Bidang pengkhususan kejuruteraan komputer adalah satu bidang mengenai teknologi komputer. Pelajar-pelajar didedahkan dengan subjek-subjek utama yang ditawarkan seperti statistik, *digital system*, *CAD*, *Microprocessor Technology*, *Computer Engineering*, *Computer Hardware & Software* dan lain-lain. Graduan dalam bidang ini berpeluang untuk mengikuti bidang kerjaya dalam bidang pengeluaran peralatan/aksesori sistem komputer seperti *monitor*, *disc drive*, *printer*, *scanner*, *audio amplifier* dan lain-lain. Kerjaya dalam bidang pengeluaran produk pengguna berdasarkan komputer seperti *TV*, *CD & DVD player*, *system alarm*, sistem keselamatan dan lain-lain. Kerjaya yang berkaitan dengan pengeluaran komponen-komponen elektronik seperti menjadi *IC Tester* dan jurutera analisis.

Telekomunikasi Elektronik (BENT)

Bidang pengkhususan telekomunikasi elektronik adalah merangkumi *video-audio system*, *microwave system*, *satellite system*, *mobile radio system*, *system radar*,

system fiber optic, computer networking serta digital dan multimedia telekomunikasi sistem. Pelajar-pelajar didedahkan dengan subjek-subjek utama yang ditawarkan seperti *digital electronic, microprocessor technology*, instrumentasi dan *measurements*, elektromagnetik dan lain-lain. Graduan dalam bidang ini berpeluang untuk mengikuti bidang kerjaya dalam bidang pengeluaran peralatan/aksesori sistem komputer seperti *monitor, disc drive, printer, scanner, audio amplifier* dan lain-lain. Kerjaya dalam bidang pengeluaran produk pengguna berdasarkan komputer seperti *TV, CD & DVD player, system alarm*, sistem keselamatan dan lain-lain. Kerjaya yang berkaitan dengan pengeluaran komponen-komponen elektronik seperti menjadi *IC Tester* dan jurutera analisis.

Proses Pembuatan (BMFP)

Dalam program ini, pelajar diajar mengenai prinsip-prinsip matematik, sains kejuruteraan dan teknologi pembuatan. Pelbagai teknik pemprosesan bahan kejuruteraan seperti penuangan, kimpalan, kerja mekanik logam, pemprosesan bahan polimer dan komposit serta pemprosesan seramik akan didedahkan kepada pelajar. Graduan lulusan bidang ini boleh berkhidmat sebagai jurutera proses, jurutera pengeluaran, jurutera pembuatan, jurutera jualan, perekabentuk alatan mesin dan juru perunding kejuruteraan pembuatan.

Rekabentuk Pembuatan (BMFR)

Program ini memberi penumpuan kepada fungsi reka bentuk dalam usaha mengurangkan kos pembuatan sesuatu produk. Pelajar akan didedahkan kepada pendekatan dan teknik rekabentuk untuk pembuatan dan pemasangan. Kemahiran ini akan membantu pelajar dalam mereka bentuk produk atau sistem yang berkualiti dan *cost-effective* serta mesra alam. Graduan lulusan bidang ini boleh berkhidmat sebagai jurutera reka bentuk, jurutera pembuatan, jurutera jualan, pereka bentuk, pengajar reka bentuk, konsultan reka bentuk dan sebagainya.

Robotik & Automasi (BMFA)

Pengkhususan dalam bidang ini adalah lebih mendalami teknologi automasi seperti kawalan berangka dan kawalan adaptif, robot industri, deria dan penderiaan serta sistem pembuatan anjal. Graduan dalam bidang ini boleh menceburi kerjaya sebagai pengaturcara peralatan, jurutera peralatan automasi, jurutera *electromechanical* dan sebagainya.

Termal Bendalir (BMCT)

Bidang ini mengkhusus kepada bidang termal dan juga bendalir. Bidang termal adalah merangkumi pengajian tentang sistem penyejukan dan pendinginan

hawa, kajian tenaga, sistem yang terlibat dan pemindahan haba (sama ada melalui kaedah pengaliran, olakan atau sinaran), penjanaan elektrik, sistem pembakaran dan juga kesannya kepada alam sekitar. Kajian yang meliputi penghasilan bahan bakar alternatif dan sumber tenaga baru adalah juga termasuk dalam bidang termal. Manakala kajian dalam bidang bendalir ialah merupakan kajian yang berkisar tentang gayalaku statik dan dinamik aliran sesuatu bendalir yang terdiri dari pelbagai jenis cecair dan gas, kajian tentang sifat-sifat aliran cecair/gas di dalam saluran paip dan empangan, sistem bendalir seperti pam, pemampat, turbin, mesin rotordinamik, sistem penjanaan tenaga, momentum dan kerja, dan meliputi juga kajian tentang sistem hidraulik, pneumatic dan automasi pada peringkat yang lebih lanjut. Skop kerjaya yang khusus graduan lulusan bidang ini adalah seperti penjanaan tenaga dan sumber tenaga baru, penyelenggaraan loji, sistem hawa dingin dan sistem termal lain, rekabentuk dan penyelenggaraan sistem hidraulik dan pneumatic, industri petrokimia dan pemprosesan dan industri pengangkutan terutama berkaitan enjin.

Struktur & Bahan (BMCS)

Program ini menjurus kepada bidang struktur komponen kejuruteraan dan kajian bahan kejuruteraan. Bidang struktur merangkumi kajian mekanik struktur dan bahan, analisis struktur yang menggunakan Kaedah Unsur Terhingga (*Finite Element Method*). Perisian komputer seperti AutoCAD, CATIA dan Solidwork digunakan untuk mereka bentuk struktur dan komponen kejuruteraan. Analisis tegasan, terikan dan kekuatan bahan juga diberi penekanan. Kajian bahan pula meliputi sifat dan ciri bahan kejuruteraan. Bahan kejuruteraan seperti logam, polimer, seramik, komposit dan bahan termaju dihasilkan dan digunakan dalam kajian dan aplikasi kejuruteraan. Skop kerjaya graduan dalam bidang ini adalah seperti perunding mekanik struktur dalam rekabentuk struktur dan komponen, ahli sains bahan termaju dan pemprosesan bahan, penganalisis kegagalan bahan kejuruteraan dalam komponen dan struktur, perunding dalam pemilihan dan pengadunan bahan kejuruteraan untuk pembuatan produk.

Automotif (BMCA)

Program ini merangkumi sistem kenderaan. Kajian yang terlibat termasuklah teknologi enjin pembakaran dalam, autotronik, rekabentuk komponen automotif, analisis struktur kenderaan menggunakan kaedah permukaan struktur mudah (*Simple Structural Surfaces, SSS*) dan kaedah *unsure* terhingga (*Finite Element Analysis, FEA*), sistem penghantaran kuasa, sistem suspensi dan casis kenderaan. Skop kerjaya graduan bidang ini seperti rekabentuk dan inovasi badan dan komponen kenderaan, susun atur peralatan industri dan aliran kerja dalam industri kenderaan, kajian keboleharapan dan kualiti produk automotif, pengurusan selenggaraan dan baik pulih kenderaan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan teknologi automotif.

Media Interaktif (BITM)

Pelajar akan dilengkapkan dengan pengetahuan yang mendalam dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pembangunan dan pentadbiran laman web yang berkualiti, membangunkan aplikasi multimedia saling tindak, mengaplikasikan alatan pembangunan multimedia, membangunkan grafik dan animasi komputer, membangunkan produk realiti maya dan permainan komputer, menyelenggara peralatan dan video. Graduan lulusan bidang ini boleh menceburi kerjaya seperti perekabentuk antara muka, pembangun aplikasi media interaktif, perunding multimedia, pengaturcara dan perekabentuk laman web, perekabentuk permainan komputer, perekabentuk grafik berkomputer dalam industri penerbitan, juruanimasi dan pengaturcara grafik.

Rangkaian Komputer (BITC)

Pelajar akan dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran lanjutan khusus dalam bidang menganalisis, merekabentuk, mentadbir, mengurus dan mengawal sistem rangkaian dan komunikasi komputer. Graduan lulusan bidang ini boleh menjawat jawatan sebagai pegawai sistem maklumat, juruanalisa sistem, pengurus/pentadbir rangkaian, pengurus/pentadbir sistem, pengurus projek rangkaian, pengaturcara rangkaian dan jurutera rangkaian.

Pembangunan Perisian (BITS)

Pelajar akan dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran lanjutan khusus dalam bidang kejuruteraan dan pembangunan perisian. Ini termasuk kebolehan menganalisa, mensintesis, merekabentuk sistem yang kompleks termasuk sistem pintar, menyelenggara, menguji dan menjamin kualiti perisian dan menguruskan projek perisian. Graduan lulusan bidang ini boleh memilih kerjaya seperti pegawai sistem maklumat, jurutera perisian, pengurus projek perisian, ahli dalam jaminan kualiti perisian, juruanalisa sistem, pentadbir sistem aplikasi, penguji perisian, penyenggara perisian dan perunding pembangunan perisian.

Pengurusan Pangkalan Data (BITD)

Pelajar dilengkapkan dengan pengetahuan lanjutan dan kemahiran tinggi dalam bidang pangkalan data termasuk kebolehan menganalisa, merekabentuk, membangun aturcara berdasarkan bahasa pertanyaan berstruktur, mengurus dan mentadbir sistem pangkalan data termasuk pangkalan data teragih. Pelajar juga akan diajar untuk membangunkan aplikasi perlombongan data dan membina ciri-ciri keselamatan untuk melindungi sesuatu pangkalan data. Graduan dalam bidang ini berpeluang untuk menceburi kerjaya sebagai penganalisis pangkalan data, perekabentuk pangkalan data, penganalisis pangkalan data dan pentadbir/pengurus pangkalan data. Selain daripada itu

pelajar juga berpeluang menceburi bidang kerjaya yang berdasarkan kepada pengetahuan asas bidang ICT seperti pengaturcara dan pegawai sistem maklumat atau juruanalisa sistem.

1.12 Hipotesis Kajian

Hipotesis 1: (H1)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar UTeM.

- H1a Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik.
- H1b Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.
- H1c Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
- H1d Terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.
- H1e Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Hipotesis 2: (H2)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

- H2a Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik.
- H2b Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

- H2c Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
- H2d Terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.
- H2e Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Hipotesis 3: (H3)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 4: (H4)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 5: (H5)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 6: (H6)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 7: (H7)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 8: (H8)

Tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Hipotesis 9: (H9)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik

Hipotesis 10: (H10)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan keselarasan personaliti-persekitaran, juga kajian-kajian lepas tentang keakuratan dan kajian-kajian lepas tentang pencapaian akademik sama ada kajian yang dilakukan di dalam negeri mahu pun di luar negeri.

2.2 Kajian Tentang Keselarasan Personaliti-Persekitaran

Kajian tentang keselarasan personaliti-persekitaran adalah kajian yang membandingkan jenis personaliti individu dengan jenis persekitaran di mana mereka berada. Penentuan selaras atau tidak selaras antara personaliti dengan persekitaran adalah selepas dibuat perbandingan antara keduanya dengan menggunakan indeks keselarasan (Spokane, 1985).

Salah satu kajian terawal untuk menguji keselarasan individu-persekitaran telah dijalankan oleh Wall, Osipow, dan Ashby (1966). Mereka mengkaji hubungan antara jenis personaliti dan pemilihan pekerjaan ke atas sampel pelajar baru dari University of Pennsylvania. Pelajar ini diklasifikasi berdasarkan keputusan yang dibuat tentang kerjaya sama ada Tetap (N = 108), Tidak Pasti (N = 91) dan Tidak Tetap (N = 29). Pelajar yang 'Tetap' terdiri daripada mereka yang menunjukkan komitmen yang tinggi kepada bidang pengajiannya. Kumpulan 'Tidak Pasti' ini tidak begitu yakin untuk memasuki sesuatu program pengajian jika dibandingkan dengan matlamat yang telah ditetapkan terlebih awal tentang pendidikan dan kerjaya. Kumpulan 'Tidak Tetap' ini masih tidak pasti dengan matlamat pendidikan mahupun kerjayanya.

Kajian ini bertujuan menilai ramalan bahawa pelajar akan memilih bidang kerjaya yang selaras dengan personalitinya. Untuk menunjukkan hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini, analisis Khi-Kuasa Dua telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan untuk personaliti jenis R, I, C dan E, kategori pemilihan tidak tersebar secara rawak. Untuk jenis R dan I pemilihan menampakkan ketekalan dengan yang dinyatakan Holland (1973), iaitu bilangan pilihan terbanyak ialah di dalam kategori yang sesuai. Sebaliknya dapatan menunjukkan untuk personaliti jenis E bilangan pemilihan terbanyak ialah di dalam kategori R dan I. Untuk personaliti jenis C, kebanyakan pemilihan pekerjaan adalah di dalam kategori R dan I. Ini tidak tekal dengan andaian Teori Holland (1973; 1985; 1996).

Analisis varians digunakan untuk membandingkan jenis personaliti dengan pemilihan pekerjaan yang pertama. Untuk kumpulan 'Tetap' terdapat interaksi yang signifikan, kumpulan 'Tidak Pasti' menunjukkan indikasi terdapat sedikit kewujudan hubungan antara *rating* dan pemilihan.

Data kajian menunjukkan walaupun secara keseluruhan, subjek kajian memilih bidang kerjaya yang tekal seperti yang dinyatakan Holland, tetapi sebilangan besar responden juga tidak tekal di dalam pemilihan mereka. Walau bagaimanapun keraguan wujud tentang dapatan kajian ini kerana teknik menggunakan *rating* dan pangkatan dalam mengukur personaliti boleh dipersoalkan. Namun begitu dapatan kajian yang umumnya selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Holland.

Kajian awal oleh Folsom (1969) telah mengkaji sekumpulan 1,281 pelajar prasiswazah daripada Universiti Maine. Pelajar yang diberikan soalselidik College Student Questionnaire (CSQ) telah dikategorikan kepada enam jenis personaliti Holland. Skor min daripada tujuh skala di dalam CSQ dibandingkan. Dengan menggunakan analisis varians perbezaan signifikan dapat ditentukan dan dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara jenis-jenis personaliti ini.

Utz dan Hartman (1978) telah menjalankan kajian awal menggunakan SDS untuk menguji Teori Tipologi Kerjaya Holland ke atas pelajar-pelajar yang akan menamatkan pengajian dan sedang aktif mencari pekerjaan di dalam bidang ini. SDS telah diberikan kepada semua pelajar seramai 2,000 orang sekolah perniagaan di University of Indiana yang sedang mengikuti kursus persediaan memasuki pasaran kerja. Instrumen SDS telah diberikan tanpa sebarang penerangan melainkan tentang pentadbirannya. Data analisis dengan cara mengasingkan tiga skor tertinggi mengikut kod tiga mata sebagaimana yang dinyatakan di dalam The Occupational Finder (Holland, 1977).

Dapatan kajian berkenaan menunjukkan huruf pertama dalam kod tiga mata adalah tekal dengan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973). Dalam bidang perakaunan kod huruf C menjadi huruf pertama sebanyak empat kali. Ini selaras dengan kod yang diramalkan dalam Occupational Finder (1977) iaitu C-I-S. Untuk bidang pemasaran yang kodnya (E-I-S), E ditempat pertama sebanyak lima kali daripada lapan kali. Oleh itu wujud diskriminasi dari segi skor untuk kod huruf-huruf di bawah bidang pekerjaan dan pengkhususan di kolej.

Wiggins (1982) telah menjalankan kajian untuk menguji hipotesis bahawa kod Holland yang diuji akan berpadanan secara umum dengan klasifikasi persekitaran bagi bidang pekerjaan yang dikaji. Sampel kajiannya terdiri daripada 102 orang guru sekolah menengah (42 lelaki dan 60 perempuan) yang telah bersara dari Delaware, Maryland, New Jersey dan Pennsylvania. Indeks Keselarasan (Wiggins,

1982) digunakan untuk keselarasan diantara kod personaliti dan persekitaran Holland (The Occupations Finder, Holland, 1977) dan keputusan sebenar mengikut VPI. Indeks Keselarasan (IK) (Wiggins dan Moody, 1981; Wiggins dan Westlander, 1979 dalam Wiggins, 1982) telah digunakan untuk mengukur keselarasan. Berdasarkan ukuran pemberat di mana setiap huruf bagi kod responden diberi ukuran berat atau nilai untuk menguji keputusan dari IK.

Hasil kajian terhadap 102 orang responden ini menunjukkan bahawa 22 orang telah mendapat skor pertengahan atau empat, 76 orang mendapat lebih dari skor pertengahan dan hanya empat orang mendapat skor kurang dari skor pertengahan. Umumnya, tiga dari kumpulan yang dikaji mempunyai kod pemberat yang berpadanan dengan kod persekitaran secara tepat. Disamping itu, satu kumpulan mempunyai kod dengan huruf-huruf primer dan skunder berpadanan secara tersusun manakala kumpulan terakhir mempunyai ketiga-tiga huruf dari kod persekitaran termasuk dalam kod pemberat, tanpa tersusun.

Dapatan kajian mencerminkan kekukuhan sistem klasifikasi Holland yang memberi implikasi kesesuaian penggunaan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996). Walau bagaimanapun sampel kajian yang kecil mungkin mempengaruhi skor min IK. Di samping itu kesemua respondennya berpendidikan kolej mungkin menyebabkan keputusan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi.

Feldman, Smart, dan Ethington (1999) telah membuat kajian bagi menguji Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996). Kajian ini bertujuan melihat sama ada pencapaian akademik pelajar kolej akan mempunyai hubungan secara langsung dengan kesesuaian antara jenis personaliti dan persekitaran pelajar. Berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996), kajian dilakukan terhadap 2,309 orang pelajar yang berdaftar dengan memberi fokus kepada pencapaian akademik di kolej dan keselarasan personaliti mengikut keutamaan pengajian akademik mereka. Keputusan kajian telah memberi bukti yang menyokong kuat Teori Tipologi Kerjaya Holland. Dapatan kajian mendapati keselarasan kerjaya akan menghasilkan kesan langsung yang positif kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai keselarasan kerjaya didapati lebih mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik, memahami pengajaran dan menunjukkan prestasi yang tinggi dalam pencapaian akademik berbanding pelajar yang tidak mempunyai keselarasan kerjaya.

Allen dan Robbins (2009) dalam kajian mereka terhadap pelajar sekolah menengah atas, telah mengkaji kesan keselarasan personaliti-persekitaran dan motivasi terhadap pencapaian untuk menamatkan pengajian. Kajian ini mengkaji faktor keselarasan, motivasi terhadap pencapaian akademik tahun pertama pelajar yang seterusnya memberi kesan penggraduatan pelajar berkenaan. Jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian itu 3,860 orang. Dapatan kajian

menunjukkan keselarasan personaliti-persekitaran dan motivasi memberi kesan langsung terhadap pencapaian dan seterusnya bergraduasi dalam pengajian. Secara jelasnya kajian ini telah menyokong asas teori keselarasan personaliti-persekitaran Holland yang menyatakan keselarasan akan menentukan pencapaian seseorang.

Sabariah (1995) mengkaji keselarasan personaliti dan hubungannya dengan kepuasan belajar. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran dengan kepuasan belajar dan pencapaian akademik. Penemuannya mendapati bahawa kemasukan pelajar ke program di Universiti Pertanian Malaysia bersesuaian dengan ciri-ciri personaliti pelajar dan faktor kesesuaian ini mempengaruhi pencapaian akademik.

Sidek (1996) telah membuat kajian untuk melihat sama ada terdapatnya keselarasan antara jenis personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland di kalangan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Kajian tersebut menggunakan sampel rawak berlapis di mana responden adalah terdiri daripada 400 orang pelajar daripada populasi 705 orang pelajar tahun 1. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar dengan pola persekitaran latihan.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Rozelan (2002a) terhadap keselarasan personaliti, pengaruh keluarga, dan pencapaian PNGK di kalangan 124 orang pelajar psikologi sebuah sekolah pengajian IPTA di Sabah. Untuk mendapatkan data keselarasan personaliti, alat kajian yang digunakan ialah SDS (Holland, 1985). Data pengaruh atau keakraban kepada penjaga pula diperolehi melalui Alat kajian yang dibina oleh Jinan Jaber-Linsalata (1994) dan dialih bahasa oleh pengkaji, manakala data pencapaian akademik pula adalah dari Purata Nilai Gred Kumalatif (PNGK) pelajar-pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran pengajiannya pula memperolehi PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak selaras.

Othman dan Sidek (2001) dalam kajiannya terhadap pelajar-pelajar matrikulasi secara umumnya telah merumuskan bahawa pelajar telah memilih program pengajian yang selaras dengan personaliti mereka.

Kajian Mastura, Ishak dan Hamdan (2008) telah dilaksanakan ke atas pelajar tahun satu kursus Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, semester dua, sesi 2006/2007, UTM Skudai. Seramai 90 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Antara objektif kajian ini termasuk mengenalpasti pola personaliti-persekitaran kursus dan tahap darjah kongruen di kalangan pelajar dan mengenalpasti hubungan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus. Alat kajian Self-Directed Search - Form Easy

(SDS) (Versi terjemahan Amla (1984) telah digunakan bagi mengenalpasti pola personaliti-persekitaran pelajar.

Tahap darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus pula telah ditentukan dengan menggunakan Indeks Kongruen Iachan. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan ialah kekerapan, peratusan dan min skor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kod tiga huruf pelajar ialah SEA dan mempunyai tahap darjah kongruen iaitu padanan yang baik dengan kod tiga huruf Holland. Selain itu, tidak terdapat hubungan signifikan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus di kalangan pelajar kajian. Secara keseluruhannya, walaupun tidak terdapat hubungan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus pelajar, namun dapatan kajian ini telah membantu dalam mengenalpasti pola personaliti-persekitaran kursus.

Daripada kajian-kajian tentang keselarasan personaliti-persekitaran, kebanyakannya telah menyokong Teori Tipologi Holland yang menyatakan bahawa keselarasan adalah menyumbang kepada pencapaian. Kajian-kajian luar negara termasuk kajian-kajian awal oleh Wall, Osipow dan Ashby (1966), Falsom (1969), Wiggins (1982), dan Feldman (1999) telah mendapati secara konsisten bahawa keselarasan menyumbang kepada pencapaian. Terbaru kajian oleh Allen dan Robbins (2009) turut mendapati bahawa keselarasan personaliti-persekitaran dan motivasi memberi kesan langsung terhadap pencapaian dan seterusnya bergraduasi dalam pengajian mereka.

Kajian dalam negara juga telah menunjukkan pola dapatan yang sama dengan kajian luar negara, iaitu keselarasan personaliti-persekitaran memberi kesan kepada pencapaian. Kajian Othman dan Sidek (2001), Ahmad Rozelan (2002a), dan Mastura *et al.* (2008) juga membuktikan bahawa keselarasan personaliti-persekitaran memberi kesan kepada pencapaian. Selain itu, dapatan daripada kajian dalam negara yang selari dengan dapatan kajian luar negara memberi makna bahawa asas teori Holland adalah relevan penggunaannya di Malaysia.

2.3 Kajian Tentang Keakuran

Kajian awal oleh Hollender (1972) yang mengkaji hubungan minat kerjaya 43 orang pelajar lelaki yang memasuki kursus pengenalan psikologi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara sikap ibu yang terbuka kepada pilihan bidang anak dengan pencapaian pelajar lelaki. Hubungan positif sikap ibu yang terbuka kepada pilihan bidang anak ini menurut Hollender menggambarkan pelajar tidak terikat dengan kehendak ibu dalam memilih bidang telah memberi kesan yang baik kepada pencapaian anak mereka. Ini bermakna pelajar tidak akur kepada ibu mendapat pencapaian akademik mereka lebih baik.

Jinan Jaber-Linsalata (1994) yang membuat kajian terhadap pengaruh keluarga dan keselarasan personaliti di kalangan pelajar Asia di empat buah institusi pengajian tinggi di New Jersey. Kajian yang dijalankan adalah untuk menyiasat tentang pengaruh keluarga dan keselarasan personaliti terhadap pencapaian akademik di kalangan 384 orang pelajar Asia di empat buah IPT berkenaan. Alat kajian yang telah digunakan adalah SDS Holland dan soal selidik demografi yang mengandungi enam item keakuratan, dan data pencapaian akademik pula adalah dari PNGK pelajar-pelajar. Kajian ini mendapati bahawa pelajar yang akur kepada ibubapa memperolehi PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur.

Kajian Adam, Ryan dan Ketsetzis (2000) untuk meninjau proses terhadap interaksi pelajar dengan keluarga terhadap pencapaian dan proses sosialisasi pelajar dalam persekitaran pembelajaran. Subjek kajian terdiri daripada 161 orang pelajar gred 4 dan 151 orang pelajar gred 7. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara proses interaksi pelajar dengan keluarga dengan pencapaian dan proses sosialisasi pelajar dalam persekitaran pembelajaran.

Faizah dan Siti Noorazzura (2007) yang mengkaji hubungan tret personaliti dengan faktor pemilihan kursus termasuk faktor keluarga di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Kajian yang menggunakan rekabentuk kolerasi berdasarkan kerangka Teori Tipologi Kerjaya Holland di kalangan 39 responden yang dipilih menggunakan persampelan *purposive* atau bertujuan. Alat kajian *Self-Directed Search (SDS)-From Easy* (Versi terjemahan Amla, 1984) telah digunakan bagi mendapatkan tret personaliti responden, manakala Indeks Keselarasan Iachan digunakan bagi mendapatkan darjah keselarasan tret personaliti. Soal selidik Norlia (2000) yang mempunyai nilai *Croanbach Alpha* 0.7082 digunakan untuk mendapatkan faktor pemilihan kursus di kalangan responden. Dapatan kajian menunjukkan tret personaliti utama keseluruhan responden adalah RSE, dan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara darjah keselarasan tret personaliti responden dengan faktor minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran. Dapatan kajian Faizah dan Siti Noorazzura ini merumuskan bahawa faktor keluarga tidak mempunyai hubungan tret personaliti.

Ahmad Rozelan (2002b) telah menjalankan kajian pengaruh keluarga, keselarasan personaliti dan pencapaian PNGK di kalangan 124 orang pelajar psikologi sebuah sekolah pengajian IPTA di Sabah. Untuk mendapatkan data keselarasan personaliti, alat kajian yang digunakan ialah SDS (Holland, 1985). Data pengaruh atau keakuratan kepada penjaga pula diperolehi melalui Alat kajian yang dibina oleh Jinan Jaber-Linsalata (1994) dan dialihbahasa melalui kaedah *back-translation* oleh pengkaji, manakala data pencapaian akademik pula adalah dari Purata Nilai Gred Kumalatif (PNGK) pelajar-pelajar. Dapatan kajian ini

menunjukkan pelajar yang akur kepada ibubapa mereka memperoleh PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur.

Dalam kajian lain yang dilakukan Ahmad Rozelan (2005) tentang pengaruh keluarga, keselarasan personaliti dan pencapaian PNGK di kalangan 1214 orang pelajar di sebuah IPTA di Sabah menunjukkan pelajar yang akur kepada ibubapa mereka memperoleh PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur.

Dalam kajian lain oleh Ahmad Rozelan dan Othman (2005) di kalangan 115 orang pelajar teknikal yang mengikuti kursus keusahawanan di sebuah IPTA di Melaka juga menunjukkan pelajar yang akur kepada ibubapa mereka memperoleh PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur.

Azizi, Jamaludin, Yusof, Mohammed Najib dan Zurihanmi (2009) telah menjalankan satu kajian di kalangan 214 orang pelajar dua buah sekolah di Rancangan FELDA di Johor. Kajian bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara dimensi personaliti dengan konsep sendiri dan pengaruh keluarga. Alat ukuran yang digunakan adalah Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI) versi Bahasa Melayu dan The Tennessee Self-concept Scale versi Bahasa Melayu digunakan. Satu set soal selidik yang mempunyai tahap kebolehppercayaan 0.7913 bagi tujuan mengukur pengaruh keluarga telah dibangun dan digunakan. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan yang kuat antara dimensi personaliti dengan pengaruh keluarga.

Kajian-kajian luar negara tentang keakuran seperti kajian-kajian awal oleh Hollender (1972), Jinan Jaber-Linsalata (1994) dan Adam *et al.* (2000) memberi dapatan yang berbeza. Hollender misalnya mendapati bahawa pelajar tidak akur memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik. Manakala kajian oleh Jinan Jaber-Linsalata (1994) dan Adam *et al.* (2000) mendapati sebaliknya iaitu pelajar akur lebih baik pencapaian akademik mereka daripada pelajar tidak akur.

Kajian dalam negara pula merumuskan bahawa pencapaian akademik pelajar akur lebih baik daripada pelajar tidak akur. Dapatan ini diperolehi dalam kajian-kajian oleh Ahmad Rozelan (2002b, 2005), Ahmad Rozelan dan Othman (2005), dan Azizi *et al.* (2009). Manakala kajian Faizah dan Siti Noorazzura merumuskan bahawa faktor keluarga tidak mempunyai hubungan tret personaliti.

Daripada kajian-kajian lalu, pencapaian pelajar didapati pelbagai bagi kumpulan akur dan kumpulan tidak akur. Ada kajian yang mendapati pencapaian akademik pelajar akur lebih baik, dan terdapat juga kajian mendapati pencapaian akademik pelajar tidak akur lebih baik. Keadaan ini menjadikan persoalan tentang faktor keakuran dalam menentukan pencapaian akademik di kalangan pelajar di Malaysia lebih menarik untuk dikaji.

2.4 Kajian Tentang Pencapaian Akademik

Kajian William, Charles, dan James (1996) menunjukkan kategori Sosial yang tinggi diperolehi oleh pelajar universiti yang mengikuti bidang pendidikan. Jenis personaliti Conventional tidak diperolehi oleh pengkaji sebagai kod tiga huruf tertinggi berbanding Kod Tiga Mata Holland kerana ciri-ciri personalitinya yang lebih menitikberatkan kerja yang agak berstruktur, sistematik dan menyelesaikannya secara terkawal seperti contoh kerjaya akauntan dan juruaudit (Holland, 1973). Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus di kalangan pelajar.

Feldman *et al.* (1999), telah membuat kajian bagi menguji Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996). Kajian ini bertujuan melihat sama ada pencapaian akademik pelajar kolej akan mempunyai hubungan secara langsung dengan kesesuaian antara jenis personaliti dan persekitaran pelajar. Kajian dilakukan terhadap 2,309 orang pelajar yang berdaftar dengan memberi fokus kepada pencapaian akademik di kolej dan keselarasan personaliti mengikut keutamaan pengajian akademik mereka. Keputusan kajian telah memberi bukti yang menyokong kuat Teori Tipologi Kerjaya Holland. Dapatan kajian mendapati keselarasan akan menghasilkan kesan langsung yang positif kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai keselarasan didapati lebih mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik, memahami pengajaran dan menunjukkan prestasi yang tinggi dalam pencapaian akademik berbanding pelajar yang tidak selaras.

Hasil kajian McKenzie dan Schweitzer (2001) telah menunjukkan bahawa orientasi kerjaya bukanlah penentu utama kepada peningkatan akademik seseorang pelajar di universiti. Sebaliknya, faktor-faktor lain seperti skor pencapaian akademik di sekolah bagi kemasukan ke universiti, kepuasan terhadap universiti, komitmen serta kemahiran belajar adalah lebih berhubungkait dengan kejayaan akademik seseorang pelajar di universiti. Dalam aspek peningkatan akademik, salah satu faktor penyumbang yang didapati oleh Mackenzie dan Schweitzer adalah faktor kepuasan.

Satu kajian dijalankan oleh Fritzsche *et al.* (2002) membuktikan bahawa jenis personaliti menjadi faktor utama meramal pencapaian. Dalam satu kajian lain oleh Mallinckrodt dan Geso (2002) menunjukkan jenis personaliti mempunyai hubungan yang signifikan terhadap produktiviti penyelidikan di kalangan pelajar sarjana dalam bidang kaunseling. Johnson dan Stokes (2002) melaporkan minat pelajar semasa di kolej mempunyai hubungan dengan kestabilan kerjaya untuk tempoh 30 tahun kemudian.

Fagan dan Squitiera (2002) dalam kajiannya dengan pelajar undang-undang, mendapati terdapat hubungan di antara ciri personaliti dengan pencapaian akademik. Menurut Premuzic dan Furnham (2003), ciri personaliti yang tinggi mempunyai hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan.

Sidek (1996) telah membuat kajian untuk melihat sama ada terdapatnya keselarasan antara jenis personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland di kalangan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Kajian tersebut menggunakan sampel rawak berlapis di mana responden adalah terdiri daripada 400 orang pelajar daripada populasi 705 orang pelajar tahun 1. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar dengan pola persekitaran latihan. Dapatan kajian ini memberi maklumat bahawa kemasukan pelajar ke program pangajian di Universiti Pertanian Malaysia adalah bersesuaian antara personaliti dan persekitaran. Sehubungan daripada keselarasan kerjaya ini pelajar telah memperoleh kepuasan psikologi dalam suasana pembelajaran dan dimanifestasikan dengan pencapaian akademik yang memuaskan.

Sidek (1998), menegaskan bahawa cita-cita dan impian semasa kecil merupakan satu inspirasi pemilihan kerjaya. Justeru, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang. Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan personaliti seseorang merupakan perkara utama bagi menjamin seseorang itu kekal lebih lama dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Semakin hampir keserasian antara ciri-ciri personal dengan keperluan-keperluan dalam sesuatu pekerjaan, maka semakin besar kemungkinan seseorang itu untuk berjaya dalam bidang berkenaan. Motivasi kepuasan kerja, kebolehan, pencapaian dan stabiliti adalah bergantung kepada darjah keserasian atau darjah kongruen antara jenis personaliti dengan persekitaran kerja.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Rozelan (2002a; 2002b) terhadap pengaruh keluarga, keselarasan personaliti dan pencapaian PNGK di kalangan 124 orang pelajar psikologi sebuah sekolah pengajian IPTA di Sabah. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran pengajiannya pula memperolehi PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak selaras.

Sementara itu, Mastura (2004) telah menjalankan kajian bertujuan untuk meninjau bentuk pola personaliti-persekitaran serta tahap darjah kongruen di kalangan pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Kimia dan Fakulti Kejuruteraan Sumber Asli di Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 108 orang pelajar tahun tiga sesi 2003/2004 telah dipilih sebagai sampel kajian. Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa Kod Tiga Mata Holland bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)-(SHG) iaitu ESC mempunyai padanan yang baik dengan kod

Holland iaitu ESC. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran di kalangan pelajar bagi ketiga-tiga kursus yang dikaji.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Rozelan (2005) terhadap pengaruh keluarga, keselarasan personaliti dan pencapaian akademik di kalangan 1214 orang pelajar di sebuah IPTA di Sabah. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran pengajiannya pula memperolehi PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak selaras.

Dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Ahmad Rozelan dan Othman (2005) terhadap pengaruh keluarga, keselarasan personaliti dan pencapaian PNGK di kalangan 115 orang pelajar teknikal yang mengikuti kursus keusahawanan di sebuah IPTA di Melaka mendapati bahawa pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran pengajiannya memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik daripada pelajar yang tidak selaras.

Azizi, Mohd. Najib dan Noraizah (2007) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti pelajar dalam pemilihan kerjaya dan gaya pembelajaran pelajar serta hubungannya dengan pencapaian akademik. Seramai 202 pelajar tingkatan empat dari tiga buah Sekolah Menengah di Pontian, Johor telah dipilih sebagai responden kajian ini. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik mengikut mata pelajaran Penilaian Menengah rendah (PMR). Manakala analisis kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara ciri-ciri personaliti dengan pencapaian akademik mengikut mata pelajaran PMR.

Daripada kajian-kajian luar negara tentang pencapaian akademik, kebanyakannya telah mendapati bahawa pencapaian akademik pelajar disumbang oleh banyak faktor. Kajian-kajian oleh William *et al.* (1996), Feldman *et al.* (1999), Fagan dan Squitiera (2000), McKenzie dan Schweitzer (2001), Fritzsche *et al.* (2002), Mallinckrodt dan Geso (2002), Johnson dan Stokes (2002), dan Premuzic dan Furnham (2003), semuanya mendapati bahawa ciri-ciri personaliti memberi kesan terhadap pencapaian akademik.

Kajian dalam negara juga telah menunjukkan pola dapatan yang sama dengan kajian luar negara, iaitu pencapaian akademik pelajar selaras keselarasan lebih baik. Kajian Sidek (1996; 1998), Ahmad Rozelan (2002a), Mastura (2004), Ahmad Rozelan (2005), Ahmad Rozelan dan Othman (2005), dan Azizi *et al.* (2007) menunjukkan bahawa pelajar yang selaras memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik.

2.5 Kesimpulan

Sorotan kajian lalu adalah untuk mengukuhkan lagi rasional kajian ini dijalankan baik dari segi konsep kajian, persampelan, prosedur kajian mahupun alat pengukuran yang digunakan. Tinjauan ini berkait rapat dengan skop kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Persoalan utama kajian ini adalah diasaskan daripada hipotesis Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) iaitu faktor keselarasan personaliti-persekitaran. Kajian lalu yang dibuat perbandingan dan rujukan antaranya adalah kajian oleh Wall *et al.* (1966), Folsom (1969), Utz dan Hartman (1978), Wiggins (1982), Spokane (1985), Feldman *et al.* (1999), dan kajian oleh Allen dan Robbins (2009). Keselarasan personaliti-persekitaran juga telah dikaji oleh pengkaji dalam negara seperti Othman dan Sidek (2001), Ahmad Rozelan (2002a; 2002b), Mastura (2004), dan kajian oleh Mastura *et al.* (2008).

Terdapat juga kajian oleh pengkaji-pengkaji yang dinyatakan di atas mengkaji tentang pemboleh ubah lain yang dikaji kajian ini. Antara kajian yang dibuat dari aspek keakuran ialah kajian awal yang dijalankan oleh Hollender (1972), Jinan Jaber-Linsalata (1994), Kajian Adam *et al.* (2000), Faizah dan Siti Noorazzura (2007), Ahmad Rozelan (2002b, 2005), Ahmad Rozelan dan Othman (2005), dan kajian oleh Azizi *et al.* (2009).

Kajian ini juga menguji tahap pencapaian akademik dari aspek faktor keselarasan personaliti-persekitaran dan keakuran kepada kehendak ibu bapa. Terdapat banyak kajian yang dibuat mengaitkan pencapaian akademik, dan mengaitkannya dengan banyak aspek lain termasuk keselarasan dan keakuran. Antara kajian pencapaian akademik yang dijadikan rujukan kajian ini ialah kajian oleh William *et al.* (1996), Feldman *et al.* (1999), Fagan dan Squitiera (2000), McKenzie dan Schweitzer (2001), Fritzsche *et al.* (2002), Mallinckrodt dan Geso (2002), Johnson dan Stokes (2002), Premuzic dan Furnham (2003), Sidek (1996; 1998), Ahmad Rozelan (2002; 2005), Mastura (2004), Ahmad Rozelan dan Othman (2005), dan kajian oleh Azizi *et al.* (2007).

Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran tentang ruang lingkup kajian dan persoalan-persoalan yang timbul daripada kajian-kajian lalu berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Apa yang jelas kajian tentang pencapaian akademik dan hubungannya dengan keselarasan personaliti-persekitaran agak banyak dilakukan, tapi kajian pencapaian akademik dan hubungannya dengan keakuran terhadap ibubapa atau penjaga kurang dijalankan di Malaysia.

Apa yang ingin ditimbulkan melalui kajian ini ialah sejauh mana pencapaian akademik pelajar terkesan oleh faktor keselarasan personaliti dengan persekitaran pendidikan dan faktor keakuran kepada kehendak penjaga. Kajian ini selari

dengan fenomena meningkatnya bilangan pelajar memasuki pusat pengajian tinggi.

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Aspek-aspek tersebut melibatkan penjelasan mengenai reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, alat kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan secara deskriptif dan *ex-post facto*. Reka bentuk kajian deskriptif digunakan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku, mendapatkan penjelasan dengan sempurna serta meneroka bidang yang belum dikaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Penyelidikan jenis deskriptif ini tidak bertujuan menguji kebenaran sesuatu hipotesis (Mohd Majid, 1990).

Oleh kerana persekitaran bidang pendidikan di universiti khususnya di UTeM belum lagi didefinisikan dengan Kod Tiga Mata Holland (1973), maka kaedah deskriptif digunakan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian iaitu mengenalpasti dan mendefinisi persekitaran pendidikan program pengajian berdasarkan persekitaran Holland (1973).

Kod Tiga Mata Holland adalah bertujuan untuk mendefinisikan program pengajian dan bidang pengkhususan. Penentuan kod ini akan diperolehi dengan mengadakan kajian menggunakan Teknik Penilaian Persekitaran atau *Environmental Assessment Technique* (EAT). Kaedah ini dapat memberikan deskripsi tentang ciri-ciri sesuatu persekitaran itu (Astin & Holland, 1961) sama ada persekitaran itu bercirikan Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* atau *Conventional*.

Kajian jenis inferensi merupakan satu kaedah penyelidikan yang berbentuk inkuiri secara empirikal yang pengkaji tidak mempunyai kawalan secara terus ke atas pembolehubah bebas. Inferensi tentang hubungan antara pembolehubah dibuat tanpa intervensi secara terus daripada variasi seiringan dengan pembolehubah bebas dan bersandar (Kerlinger, 1973). Kaedah penyelidikan jenis ini digunakan untuk menguji hipotesis kajian bagi melihat perbezaan pencapaian akademik berdasarkan keselarasan personaliti dengan persekitaran dan keakuran kepada ibu bapa.

Oleh itu pembolehubah bebas bagi kajian ini ialah keselarasan personaliti dengan persekitaran dan keakuran kepada kehendak ibu bapa, manakala pembolehubah bersandar ialah pencapaian akademik. Ujian inferensi jenis Ujian-t telah dapat memberi gambaran tentang perbezaan pencapaian akademik bagi dua pembolehubah bebas iaitu keselarasan dan keakuran telah diperolehi daripada interaksi kedua-duanya.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Institusi ini telah dipilih sebagai tempat kajian kerana ia menawarkan sepenuhnya pengajian jurusan kejuruteraan yang mana belum banyak dikaji. Pelajar kejuruteraan menurut Holland (1985) secara umumnya adalah bercirikan personaliti Realistik, Investigatif dan *Enterprising*. Dengan menjalankan kajian di lokasi ini, akan memberi peluang untuk melihat dan membuktikan secara mendalam sama ada ciri personaliti pelajar kejuruteraan di Malaysia amnya, selaras dengan apa yang diandaikan oleh Holland.

3.4 Subjek Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dari jurusan kejuruteraan. Program pengajian adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3.1. Populasi bagi kajian deskriptif yang menggunakan teknik EAT ialah pelajar tahun akhir semester Disember sesi 2009/2010 pelajar jurusan kejuruteraan daripada tujuh belas pelbagai program pengajian.

=====

Fakulti Pengajian

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Industri Kuasa (BEKP)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kawalan, Instrumen dan Automasi (BEKC)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Elektrik Kuasa dan Pemacu (BEKE)

FAKULTI KEJURUTERAAN ELETRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Industri (BENE)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Kejuruteraan Komputer (BENC)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Telekomunikasi (BENT)

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Sarjana Muda Kejuruteraan Proses Pembuatan (BMFP)

Sarjana Muda Kejuruteraan Rekabentuk Pembuatan (BMFR)
Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Robotik dan Automasi (BMFA)

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Termal Bendalir (BMCT)
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Struktur dan Bahan (BMCS)
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Rekabentuk dan Inovasi (BMCD)
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Automotif (BMCA)

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Sarjana Muda Sains Komputer Media Interaktif (BITM)
Sarjana Muda Sains Komputer Rangkaian Komputer (BITC)
Sarjana Muda Sains Komputer Pembangunan Perisian (BITS)
Sarjana Muda Sains Komputer Pengurusan Pengkalan Data (BITD)

=====

Jadual 3.1 : Populasi Kajian Berdasarkan Program dan Bidang Pengkhususan

Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini digunakan untuk memastikan tidak berlaku 'bias' dalam pemilihan sampel dan setiap subjek dari populasi kajian mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel kajian. Ini membolehkan ciri-ciri keseluruhan populasi kajian dapat diwakili.

Dalam menentukan saiz sampel, isu yang paling penting ialah isu mengenai perwakilan dan kecukupan (Ary, 1990). Isu perwakilan mengemukakan persoalan saiz sampel mewakili populasi kajian. Sementara isu kecukupan pula mengemukakan persoalan adakah bilangan sampel kajian mencukupi untuk membuat generalisasi atau kesimpulan mengenai ciri-ciri populasi kajian. Dengan lain perkataan, bilangan sampel mestilah cukup besar bagi membolehkan penyelidik meramalkan parameter populasi berasaskan batasan yang boleh diterima.

Penentuan saiz sampel yang munasabah bagi sesuatu kajian banyak berkaitan dengan reka bentuk kajian yang digubal oleh penyelidik. Menurut Mohd Majid (1990), penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 unit kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Dengan pertambahan saiz sampel akan lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa kajian menghendaki ketepatan sepenuhnya dalam penyelidikan yang dilakukan dan

menganggar populasi pada paras keyakinan 100% kerana dengan cara ini tiada ralat persampelan akan berlaku (Mohd Majid, 1990).

Untuk mendapatkan jumlah sampel yang diperlukan bagi kajian ini, pengkaji merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Cohen (1992). Daripada jadual berkenaan, bagi populasi berjumlah 1186, saiz minimum sampel yang diperlukan ialah 291. Namun bagi kajian ini, jumlah sampel yang telah diperolehi adalah seramai 380 orang. Secara teori, pemilihan sampel bagi kajian ini sesuai dirujuk kepada jadual Cohen (1992) kerana ia bersifat parametrik.

Berdasarkan Jadual Penentuan Sampel Saiz Cohen (1992), saiz sampel bagi sesuatu pecahan untuk kajian korelasi, bilangannya hendaklah tidak kurang daripada 28 orang untuk mendapatkan aras keertian .05. Jumlah pelajar yang dipilih mencukupi untuk diproses bagi analisis statistik inferensi yang akan memberi 95 peratus aras keyakinan untuk mengelak dari membuat ralat jenis I dan II (Krejcie & Morgan, dalam Isaac & Micheal, 1984), Jumlah ini nanti juga sesuai untuk saiz kekesanan populasi (Cohen, 1992).

Sampel kajian yang terdiri daripada 380 orang itu dipilih di kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang berada dalam pengajian tahun akhir di semua program pengajian di UTeM. Sampel dipilih menggunakan kaedah rawak mudah. Berdasarkan jumlah populasi bagi lelaki dan perempuan, seramai 217 orang pelajar lelaki dan 163 orang pelajar perempuan telah dipilih. Daripada jumlah itu 51 orang pelajar dari FKE, 55 orang dari FKEKK, 73 orang dari FKP, 99 orang dari FKM dan 102 orang sampel dari FTMK.

Cara pemilihan sampel ini ialah dengan cabutan nama daripada satu bekas pelajar lelaki dan satu bekas pelajar perempuan. Jumlah yang dicabut dari bekas pelajar lelaki adalah 217 orang dan bekas pelajar perempuan adalah 163 orang. Pelajar telah diwakili dengan nombor dimana nombor mereka telah dimasukkan ke dalam bekas dan dibuat cabutan satu persatu sehingga bilangan sampel yang dikehendaki dicapai. Setiap kali selepas cabutan dibuat, nombor itu dimasukkan semula ke dalam bekas supaya probaliti bagi setiap sampel yang dipilih adalah sama. Jika nombor yang sama terpilih sekali lagi, cabutan lain telah dibuat sekali lagi.

3.5 Alat Kajian

Secara umumnya, alat kajian yang digunakan untuk penyelidikan ini ialah satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi biodata sampel kajian dan item keakuran iaitu alat penilaian keakuran pelajar terhadap kehendak ibubapa atau penjaga. Manakala Bahagian B ialah

Self-Directed Search - Form E (SDS-E) iaitu alat pengukuran penilaian personaliti dan persekitaran.

3.5.1 Alat Kajian Keakuran

Alat kajian keakuran adalah alat kajian yang mengandungi item dalam mengukur tahap keakuran kepada ibu bapa. Item-item ini dimasukkan dalam Bahagian A alat kajian bersama-sama dengan item demografi. Kesemua item keakuran dalam alat kajian bahagian ini diadaptasi daripada satu kajian yang dijalankan oleh Jinan Jaber-Linsalata (1994). Adaptasi yang dibuat adalah dengan mangalih bahasa alat berkenaan dengan kaedah "back-translation". Kajian rintis telah dijalankan dan nilai alpha cronbach yang diperolehi ialah 0.733.

Jumlah keseluruhan item dalam bahagian demografi ini ialah 21 item. Enam daripadanya adalah item memfokus kepada aspek keakuran. Item tersebut adalah item-item 11, 13, 18, 19, 20 dan 21.

3.5.2 Alat Self-Directed Search - Form E (SDS -E)

Alat ukuran SDS-E adalah satu inventori minat yang telah dicipta oleh Holland (1971). Asalnya SDS terdiri daripada 2 buah buku kecil (booklet) iaitu Buku Penilaian atau Pentafsiran dan Buku Klasifikasi Pekerjaan atau dikenali sebagai *Occupational Finder* yang mempunyai 1156 bidang pekerjaan.

Alat ukuran SDS ini pada asalnya terdiri dari 192 item yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Kesukaan, Kecekapan, Minat dan Penilaian Kendiri. Ia boleh ditadbirkan, dimarkatkan dan diinterpretasikan dengan sendiri oleh penggunanya berdasarkan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) yang menyarankan bahawa personaliti dan persekitaran pekerjaan boleh dikelaskan kepada salah satu dari 6 kategori iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional* (R, I, A, S, E dan C). Untuk tujuan kajian ini alat SDS versi terjemahan Amla (1984) digunakan. Alat ini hanya mengandungi 192 item. Lebih daripada 400 kajian telah dijalankan ke atas alat SDS Holland (1985) dan amnya dianggap sebagai alat yang sah dan boleh dipercayai (Osipow, 1973). Nilai pekali reliabiliti bagi setiap kaedah untuk menilai ketekalan dalaman alat SDS ini ditunjukkan di dalam Jadual 3.2.

Di Amerika, Edward dan Whitney (1972) adalah di antara pengkaji yang menguji keupayaan SDS mendefinisikan ciri-ciri jenis personaliti sebagaimana yang dicadangkan oleh Holland (1973) . Dengan bilangan sampel seramai 350 orang lelaki dan 360 perempuan mereka menganalisis data menggunakan analisis faktor dan konfigurasi. Dapatan menunjukkan organisasi SDS disokong dan fakta yang dikenalpasti ialah Realistik-Investigatif, Sosial-*Enterprising*, *Conventional* dan Artistik.

	Kaedah	Pekali Reliabiliti
(1)	KR 20	.67 - .94
(2)	Uji dan Uji semula	.80 - .92
(3)	Berbahagi-dua	.83 - .95

Jadual 3.2 : Nilai Pekali Reliabiliti Bagi Alat SDS

Kajian-kajian lain yang dijalankan oleh Gaffey & Walsh (1974), dan Fishburne & Walsh (1978) di Amerika juga telah mengukuhkan bukti tentang kegunaan struktur SDS untuk Amerika.

Kajian-kajian lain juga telah dijalankan di luar Amerika. Tuck & Keeling (1980) di New Zealand, Rachman, Armanac & Arya (1981) di Kanada, Khen & Alvi (1990) di Pakistan, (dalam Amla, 1992) mendapati alat SDS dapat menunjukkan kekukuhan keesahan alat ini. Selain daripada itu alat SDS juga didapati mempunyai keesahan kebolehamalan yang kuat yang dapat meramal sehingga 4 tahun (Holland, 1977). Oleh itu alat SDS ini dapat mengukur apa yang hendak diukur iaitu kesukaan, kecekapan dan minat.

Untuk tujuan kajian ini alat SDS dipilih kerana alat ini mudah digunakan dan ditadbirkan serta mempunyai keesahan yang tinggi. Oleh kerana persekitaran pendidikan di Malaysia menjurus kepada persekitaran pekerjaan maka SDS sesuai digunakan. Alat SDS - Borang E yang digunakan untuk kajian ini adalah alat yang telah diterjemah dan diubahsuai oleh Amla (1984) menggunakan prosedur *back-translation*. Alat ini telah diubahsuai semula menggunakan kaedah Timbal Balik dan telah diuji keesahannya untuk kegunaan populasi Malaysia oleh Amla (1998). Keputusan kajian memperlihatkan hasil yang tekal dengan keputusan kajian-kajian lain dalam aspek analisis data yang menghasilkan faktor prinsipal yang dapat dianalogikan kepada enam jenis personaliti. Analisis data menggunakan putaran 'varimax', mendapati lima faktor:- I) Artistik; II) Realistik; III) Investigatif; IV) *Conventional*; dan V) gabungan Sosial dan *Enterprising*.

Kua Bee Hoon (1988), Tan Hui Chong (1989), Dasimah (1990) dan Wan Hamzah (1992) (dalam Amla, 1992) juga menggunakan SDS versi Bahasa Melayu dengan populasi Malaysia untuk kajian mereka. Dapatan kajian Dasimah (1990) (dalam Amla, 1992) yang menggunakan 977 sampel pelajar sekolah lelaki dan perempuan, sama dengan hasil dapatan Edward dan Whitney (1972) yang menggunakan pelajar Kolej di Amerika. Kajian ini gagal mengasingkan, faktor Sosial dan *Enterprising*. Sementara Tuck dan Keeling (1980), Edward dan

Whitney (1972) berjaya mengasingkan faktor Realistik dan Investigatif kepada 2 faktor berasingan. Dasimah (1990) (dalam Amla, 1992) juga mengesahkan kewujudan kedua-dua faktor ini di kalangan sampel pelajar lelaki.

Oleh itu alat ini dirasakan sesuai digunakan kerana ia dapat mengkategorikan 6 jenis personaliti mengikut Holland (1973). Soal selidik SDS (versi terjemahan) ini mempunyai 192 item yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Kesukaan, Kecekapan dan Minat (Pekerjaan).

Bahagian Kesukaan

Bahagian ini mengandungi enam skala iaitu R, 1, A, S, E dan C dan setiap satu skala mempunyai sepuluh item. Item-item bahagian ini cuba mencungkil maklumat berhubung dengan kesukaan yang dipersepsikan oleh subjek kajian. Subjek akan membuat pilihan aktiviti yang disenaraikan mengikut kesukaan masing-masing seperti:

.....membaiki alat elektrik
.....menulis surat kepada kawan

Bahagian Kecekapan

Bahagian ini mengandungi 6 skala iaitu R, I, A, S, E dan C dan setiap skala mempunyai 10 item contohnya:

Saya tahu atau mahu belajar:
.....menggunakan meter volt
..... membuat lukisan mekanik

Bahagian Minat (Pekerjaan)

Seperti bahagian lain, bahagian ini mengandungi 6 skala mengikut R, I, A, S, E dan C dan setiap skala mempunyai 12 item yang mana subjek kajian akan membuat pilihan.

Contohnya dalam skala Realistik ialah:
.....mekanik kapal terbang
.....operator jana-elektrik

3.5.3 Skor Manual Self-Directed Search – Form Easy (SDS-E)

Skor manual yang dipertimbangkan dalam kajian ini adalah berdasarkan arahan manual SDS-E (Holland, 1973). Subjek hanya dikehendaki menandakan jawapan sama ada 'Y' jika suka pada sesuatu pekerjaan itu dan menandakan 'T' jika tidak suka pada kertas jawapan yang disediakan. Bagi respon "Y" diberikan skor "1" manakala respon "T" diberikan skor "0". Sekiranya tidak pasti, subjek

dikehendaki meninggalkan atau tidak menandakan sebarang huruf pada kertas jawapan yang sama. Skor-skor ini dipindahkan ke dalam komputer dengan menggunakan perisian software SPSS-PC. Proses pemarkatan setiap skala untuk mendapatkan profil dan pola personaliti dimulakan dengan setiap sampel dikategorikan mengikut sub-skala dan dijumlahkan seperti berikut :

R	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)
I	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)
A	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)
S	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)
E	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)
C	=	Kesukaan (R)	+	Kecekapan (K)	+	Pekerjaan (P)

Seterusnya skor-skor yang diperolehi itu disusun mengikut pemeringkatan skor tertinggi dan skor terendah bagi mendapatkan profil dan pola personaliti sampel kajian (Holland 1985).

3.5.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan SDS – Form Easy Versi Terjemahan Amla

Nilai kebolehpercayaan alat ukur SDS-Form Easy yang digunakan dalam kajian ini merupakan versi tejemahan Amla dengan menggunakan kaedah *back translation*. Amla (1992) telah mengumpulkan data dari populasi pelajar-pelajar baru Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1987/1988. Seramai 2231 orang dengan menggunakan kaedah *counter balance* untuk mendapatkan kesahan ujian SPS yang telah diterjemahkan. Faktor prinsipal dan analisis yang menggunakan putaran *varimax* digunakan untuk memperolehi struktur mudah yang dapat dianalogikan kepada enam jenis personaliti. Nilai kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu berada dalam julat 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992). Penyelidik-penyelidik tempatan yang menggunakan SDS-Form Easy versi terjemahan Amla dengan menggunakan kaedah *alpha cronbach*. Antaranya ialah Wan Hamzah (1993) yang mendapat nilai alpha tiga skala pada julat antara 0.93 hingga 0.96 dan nilai keseluruhannya ialah 0.98. Gan (1997) (dalam Naemah, 2007) dalam kajiannya mendapati nilai *alpha cronbach* bagi item kesukaan 0.87, item kecekapan ialah 0.89. dari segi kesahan. Beliau telah menggunakan kaedah analisis item (kolerasi item keseluruhan) iaitu melihat hubungan antara markah sesuatu item dengan markah keseluruhan dalam sub-skala masing-masing untuk mendapatkan nilai kesahan alat kajian. Item kesukaan berada dalam julat antara 0.19 hingga 0.51, item kecekapan dalam julat 0.21 hingga 0.63 dan item pekerjaan dalam 0.21 hingga 0.60. Contoh kajian lain yang membuktikan kesahan alat kajian ini diringkaskan dalam jadual 3.3.

	Pengkaji	Kaedah	Nilai Kebolehpercayaan
1	Amla Mohd Salleh (1992)	Counterbalance	0.85 - 0.97
2	Wan Hamzah Wan Daud (1993)	Alpha Cronbach	0.92 - 0.96
3	Gan Mui Eng (1997)	Alpha Cronbach	0.87 - 0.93
4	Anida Tumiran (2000)	Alpha Cronbach	0.88 - 0.91
5	Kamariah Mohd Said (2000)	Alpha Cronbach	0.85 - 0.93
6	Nooroziyana Abdul Jalil (2000)	Alpha Cronbach	0.89 - 0.92

Sumber : Naemah (2007)

Jadual 3.3 : Kebolehpercayaan SDS

Instrumen SDS ciptaan Holland dan dialih bahasa ke dalam Bahasa Malaysia oleh Amla Mohd Salleh (1984) mempunyai struktur faktor yang jelas kerana pemberat pada item yang berkaitan adalah tinggi sementara pemberat pada item yang lain adalah rendah. Amla *et al.* (1998) telah mendapati bahawa orang ramai dapat dikategorikan kepada kelompok, sama seperti yang dinyatakan dalam teori oleh Holland, walaupun jumlah kelompok tidak sama tapi terbukti SDS adalah alat yang sangat sesuai digunakan dalam perspektif kajian ini.

3.6. Prosedur Kajian

Bahagian ini akan membentangkan prosedur pelaksanaan kajian yang merangkumi prosedur pengumpulan data dan prosedur pemarkatan data.

3.6.1 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum data dapat diperolehi untuk kajian ini, kebenaran dari Dekan fakulti-fakulti yang terlibat didapati terlebih dahulu. Setelah mendapat kebenaran proses pengumpulan data dijalankan seperti langkah-langkah berikut.

- i) Menjalankan kajian rintis untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik Keakuran. Untuk tujuan ini sekumpulan pelajar tahun akhir sebuah program dikumpulkan untuk diberikan soal selidik Keakuran. Soal selidik dikutip setelah satu jangka masa diberikan (30 minit).
- ii) Kajian sebenar bermula dari bulan Ogos 2009 hingga November 2009. Semasa menjalankan kajian sebenar urutan langkah berikut dilaksanakan:
 - a) Mengatur dan merekod senarai nama responden yang telah dipilih secara rawak melalui senarai yang diperolehi dari ketua kumpulan program-program berkenaan.

- b) Melantik pembantu penyelidik di kalangan pelajar (dua orang bagi setiap program) untuk tujuan mengumpulkan subjek kajian dan mentadbir soal selidik.
- c) Subjek kajian bagi sesuatu program (satu masa untuk satu program) dikumpulkan di bilik kuliah untuk menjawab soal selidik dalam jangkamasa 1 jam. Selepas itu semua soal selidik dikumpulkan kembali. Tujuan kaedah ini dilakukan adalah untuk menjamin pulangan kertas soal selidik yang cukup.

3.6.2 Prosedur Pemarkatan

Alat Soal Selidik Keakuran - Bahagian A

Alat soal selidik Keakuran yang mempunyai 21 item yang mana enam daripada item berkenaan memberi respon terhadap keakuran yang mengkehendaki diberi tindakbalas berdasarkan skala Likert 5 mata. Kaedah memberi skor dan pemarkatan ini diadaptasi dari Jinan Jaber-Linsalata (1994) dalam kajian tentang keakuran dan pencapaian akademik di kalangan pelajar Asia di Amerika. Skor yang diberi bagi setiap tindakbalas ialah seperti berikut:

- | | | |
|------|--------------------------------------------------------------|--------|
| i) | Sangat rendah / Sangat Tidak Penting / Sangat Tidak menerima | 5 mata |
| ii) | Rendah / Tidak Penting / Tidak Menerima | 4 mata |
| iii) | Sederhana / Sederhana Penting / Sederhana Menerima | 3 mata |
| iv) | Tinggi/ Penting / Menerima | 2 mata |
| v) | Sangat Tinggi / Sangat Penting / Sangat Menerima | 1 mata |

Oleh itu setiap responden akan memperolehi jumlah markah antara 6 (terendah) hingga 30 (tertinggi). Jumlah markah bagi item keakuran ini ialah bermula daripada 6 iaitu menggambarkan Sangat Tinggi / Sangat Penting / Sangat Menerima, hingga ke jumlah 30 iaitu menggambarkan Sangat rendah / Sangat Tidak Penting / Sangat Tidak menerima.

Jumlah markah dari 6 hingga 30 adalah gambaran tahap keakuran. Daripada garisan nilai 6 hingga 30 ini, nilai markah dari 6 hingga 18 adalah dikategorikan sebagai "akur" dan nilai markah dari 19 hingga 30 dikategorikan sebagai "tidak akur".

Alat Soal Selidik *Self-Directed Search* - Bahagian A

Skor untuk alat SDS dikira dengan mencampurkan semua respon 'Ya' bagi ketiga-tiga bahagian dan diberi satu markat sebagai skor untuk setiap bahagian di dalam skala R, I, A, S, E dan C.

Oleh itu individu yang menjadi sampel 1, contoh dalam jadual 3.4 mendapat skor tertinggi dalam S (25) , E (21) dan A (18) . Maka Kod Tiga Mata bagi personaliti sampel 1 ialah S-E-A dan individu sampel 1 mempunyai personaliti sosial sebagai personaliti yang paling dominan.

Individu	Skor - Personaliti					
	R	I	A	S	E	C
Sampel 1	9	11	18	25	21	14

Jadual 3.4 : Mengira Skor Kod Tiga Mata Holland

Skor kesemua sampel kajian dalam sesuatu program dicampur untuk mendapatkan kod 3 huruf personaliti bagi keseluruhan individu di dalam sesuatu program yang dikaji. Untuk mendapatkan kod persekitaran kaedah yang sama digunakan.

Skor mentah daripada kedua-dua alat ini akan dikodkan ke dalam helaian pengkodan yang kemudiannya akan dianalisis menggunakan program komputer SPSS bagi pengujian hipotesis. Kedua-dua alat kajian ini (SDS dan Soal Selidik Keakuran) ditadbir bersama dan setiap responden dikehendaki memberi respon kepada kedua-dua soal selidik ini.

3.7 Indeks Iachan Untuk Darjah Keselarasan

Indeks Keselarasan Iachan (1984) digunakan untuk mengukur tahap darjah keserasian dan keselarasan. Indeks ini merupakan satu formula yang digunakan bagi mengira tahap darjah keselarasan dengan membandingkan kod yang diperolehi oleh pengkaji dengan kod tiga huruf Holland daripada nilai pemberatan skor *The Opportunities Finder* (Rosen, Holmberg, Holland, 1994).

Indeks Keselarasan Iachan (1984) menjadi pilihan pengkaji kerana ia merupakan darjah ukur keserasian yang lengkap dan sesuai untuk mengukur kod dua dan tiga huruf dalam system klasifikasi (Holland, 1985). Selain itu Indeks Keselarasan Iachan mempunyai kolerasi yang tinggi berbanding Indeks Kwak dan Pulvino iaitu $r=0.74$ (Miller dan Mark, 1992). Tambahan pula Indeks Keselarasan Iachan merupakan pengukuran darjah yang tepat untuk digunakan dalam bidang penyelidikan. Berikut adalah contoh menentukan darjah keselarasan dengan menggunakan Indeks Keselarasan Iachan:

Kod Responden	-	R I E
Kod Program menurut Holland	-	R S I

Berdasarkan Jadual 3.5, skor responden iaitu R, I dan E, dan skor Kod Program menurut Holland adalah R, S dan I. Maka daripada kedua set skor ini (R, I, E dan R, S, I), kod R dan I sahaja yang ada dalam kedua-duanya. Berdasarkan Jadual 3.5, kedua-dua set skor ini disusun iaitu Kod responden secara melintang dari kiri ke kanan, dan skor program menurut Holland disusun secara menegak dari atas ke bawah. Bagi kod R, ia berkedudukan sebagai kod primer, iaitu diberi nilai sebanyak 22 mata, dan kod I kedua-duanya berpadanan pada nilai 2 mata (iaitu sebagai kod sekunder bagi kod responden, dan kod tertiar bagi kod program menurut Holland). Maka skor tahap Keselarasan Iachan responden ini adalah ialah 24 ($22 + 2 = 24$).

Kod Responden	→	R	I	E	
Kod Program Menurut Holland	→	{	R	S	I
		22 *	10	4	
		10	5	2	
		4	2 *	1	

Sumber : Naemah (2007)

Jadual 3.5 : Darjah Klarasan Kod Tiga Mata Holland dan Tahap Keselarasan Iachan

Berdasarkan Jadual 3.6 pula, skor 24 responden ini berdasarkan tahap keselarasan ialah adalah Hampir Selaras.

Skor	Tahap Keselarasan
26 – 28	Selaras Yang Sangat Hampir
20 - 25	Hampir Selaras
14 – 19	Hampir Tidak Selaras
13 dan kurang	Selaras Yang Sangat Lemah

Sumber : Miller & Cowger (1998)

Jadual 3.6 : Petunjuk Tahap Keselarasan Iachan

3.8 Skop Dan Had Kajian

Kajian yang dijalankan hanya difokuskan kepada 17 program Sarjana Muda di kalangan pelajar-pelajar daripada akhir semester 2, tahun pengajian 2009/2010 di UTeM. Analisis yang akan dibuat adalah berasaskan kepada maklumat biodata responden yang diperolehi daripada pelajar-pelajar, serta analisis keakuran dan keselarasan personaliti-persekitaran yang didapati daripada alat ukuran demografi dan SDS-Form Easy versi Amla (1984).

Berdasarkan skop dan limitasi kajian ini, hasil penemuan ini tidaklah boleh dibuat penyeluruhan sepenuhnya terhadap keseluruhan pelajar universiti di seluruh di negara.

3.9 Prosedur Penganalisaan Data

Data yang diperolehi daripada kajian rintis untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan alat keakuran dianalisis menggunakan program komputer SPSS 17. Antara analisis statistik yang digunakan adalah seperti frekuensi, min, ujian-t, dan korelasi Pearson. Data daripada kajian deskriptif menggunakan teknik EAT pula dianalisis secara manual untuk mendapatkan analisis kekerapan dan pemeratusan.

3.10 Analisis Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan alat Soal Selidik Keakuran. Item yang terkandung di dalam Soal Selidik Keakuran ini dianalisis secara keseluruhan menggunakan program komputer SPSS 17 untuk mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan.

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 57 responden bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur keakuran iaitu kepada 6 item yang terkandung dalam Bahagian Demografi. Nilai Alpha Cronbach keseluruhan bagi alat ukur keakuran adalah .783. Nilai alpha combach bagi setiap item keakuran adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 3.7.

Bil.	No Item	Skop Item	Alpha Cronbach
1	11	Minat Bapa	.713
2	13	Minat Ibu	.720
3	18	Kepentingan Bapa	.663
4	19	Kepentingan Ibu	.657
5	20	Perasaan Bapa	.708

6	21	Perasaan Ibu	.708
---	----	--------------	------

Jadual 3.7 : Alpha Cronbach bagi Item keakuran

3.11 Analisis Kajian Deskriptif Menggunakan Teknik EAT

Kajian deskripsi menggunakan EAT mengumpul data daripada alat ukuran *Self-Directed Search* (SDS) untuk menentukan dan mendefinisikan kod tiga mata untuk persekitaran program pengajian yang dipilih di UTeM. Kajian EAT ini menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu secara analisis kekerapan dan pemerataan. Berdasarkan jumlah skor bagi enam kod personaliti, tiga skor tertinggi mengikut urutan merupakan kod persekitaran bagi sesuatu program pengajian. Pengiraan ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.8.

Responden	Skor Personaliti						Kod
	R	I	A	S	E	C	
1	23	16	6	24	22	26	CSR
2	7	6	11	25	20	14	SEC
3	8	17	12	22	18	15	SEI
4	2	7	3	12	19	17	ECS
5	5	16	10	18	17	29	CSE
6	4	5	10	12	20	19	ECS
Jumlah	49	67	52	103	106	86	ESC

Kod Persekitaran: E-S-C

Jadual 3.8 : Kaedah EAT Mengukur Pola Personaliti

3.12 Pengujian Hipotesis

Analisis data untuk menguji sebelas hipotesis kajian melibatkan Kaedah Statistik Ujian-t, dan korelasi Pearson. Ujian-t digunakan untuk menguji sama ada terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras dan menguji sama ada terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik pelajar akur terhadap ibubapa dengan pelajar yang tidak akur. Kaedah korelasi Pearson menguji sama ada terdapat hubungan antara semua pemboleh ubah. Aras signifikan dalam kajian ini adalah $\alpha = 0.05$. Untuk memudahkan dalam menganalisis data, perisian komputer SPSS 17 for Windows telah digunakan.

3.13 Kesimpulan

Bab ini telah menyatakan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Perisian SPSS telah digunakan dalam kajian ini untuk memudahkan penganalisan data. Bagi menjawab hipotesis-hipotesis kajian, ujian-t dan Korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis data.

BAB 4

KEPUTUSAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan dapatan deskriptif dan keputusan daripada yang diperolehi daripada penganalisaan data mentah dengan menggunakan pakej perisian SPSS 17. Keputusan-keputusan kajian yang dibentangkan adalah termasuk hasil pengujian 10 hipotesis kajian. Hipotesis 1 hingga 8 menguji perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras dengan tidak selaras, dan antara pelajar akur dengan pelajar tidak akur. Hipotesis 9 hingga 10 menguji hubungan antara keselarasan dan keakuratan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar jurusan kejuruteraan sebuah IPTA di Malaysia.

Pecahan dapatan deskriptif dan keputusan penganalisaan data mentah dalam bab ini akan dibahagikan kepada bahagian seperti berikut:

Bahagian A - Demografi Responden

- i) Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.
- ii) Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa.
- iii) Bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti.
- iv) Bilangan dan peratusan responden mengikut program pengajian

Bahagian B - Dapatan hasil kajian adalah berdasarkan persoalan-persoalan berikut:

- i) Pola personaliti pelajar-pelajar dari 17 program pengajian sarjana muda di UTeM berasaskan Kod Tiga Mata Holland.
- ii) Keselarasan personaliti-persekitaran di kalangan pelajar-pelajar UTeM mengikut program pengajian.
- iii) Keputusan analisis statistik bagi menguji 10 hipotesis nol yang telah dibina .

4.2 Dapatan Demografi responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 380 orang pelajar UTeM iaitu pelajar tahun akhir tahun pengajian 2009 / 2010. Latar belakang responden melibatkan aspek-aspek jantina, bangsa, fakulti pengajian, dan bilangan responden mengikut kursus masing-masing.

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 217 orang (57.1 %) terdiri daripada pelajar lelaki dan 163 orang (42.9%) adalah pelajar perempuan.

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	217	57.1
Perempuan	163	42.9
JUMLAH	380	100

Jadual 4.1 : Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jadual 4.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa. Seramai 287 orang (75.5 %) terdiri daripada pelajar Melayu, 81 orang (21.3%) pelajar Cina, 7 orang (1.8 %) pelajar India dan 5 orang (1.3 %) pelajar dari lain-lain bangsa.

Bangsa	Jumlah	Peratus
Melayu	287	75.5
Cina	81	21.3
India	7	1.8
Lain-lain	5	1.3
JUMLAH	380	100

Jadual 4.2 : Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti. Bilangan pelajar dari FTMK merupakan bilangan yang teramai menjadi responden kajian ini iaitu seramai 102 orang (26.8 %), diikuti dengan pelajar dari FKM seramai 99 orang (26.1%), FKP seramai 73 orang (19.2 %), pelajar dari FKEKK seramai 55 orang (14.5%) dan pelajar dari FKE seramai 51 orang (13.4 %).

Fakulti	Bilangan	%
Fakulti kejuruteraan Elektrik (FKE)	51	13.4
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	55	14.5
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	73	19.2
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	99	26.1
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)	102	26.8
JUMLAH	380	100

Jadual 4.3 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Fakulti

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan program pengajian. Jumlah yang paling banyak adalah dari Program Pengajian Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer), manakala yang paling sedikit adalah dari Program Pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi).

Program Pengajian	n	%
SM Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) - BEKP	15	4.0
SM Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi & Automasi) - BEKC	18	4.7
SM Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu)- BEKE	18	4.7
SM Kejuruteraan Elektronik (Industri Elektronik) - BENE	25	6.6
SM Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan komputer)- BENC	15	4.0
SM Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi Elektronik) - BENT	15	4.0
SM Kejuruteraan Mekanikal (Termal Bendalir) - BMCT	34	8.9
SM Kejuruteraan Mekanikal (Struktur dan Bahan) - BMCS	17	4.5
SM Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk dan Inovasi) - BMCD	21	5.5
SM Kejuruteraan Mekanikal (Automatif) - BMCA	27	7.1
SM Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) - BMFP	31	8.2
SM Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan)- BMFR	32	8.4
SM Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi) - BMFA	10	2.6
SM Sains Komputer (Media Interaktif) - BITM	26	6.8
SM Sains Komputer (Rangkaian Komputer) - BITC	43	11.3
SM Sains Komputer (Pembangunan Perisian) - BITS	13	3.5
SM Sains Komputer (Pengurusan Pengkalan Data) - BITD	20	5.2
JUMLAH	380	100

Jadual 4.4 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Kursus

4.3 Dapatan Kod Tiga Mata Holland Program Pengajian UTeM

Dapatan kajian ini dapat menyempurnakan tujuan pertama kajian dijalankan iaitu untuk mengenalpasti Kod Tiga Mata Holland persekitaran bagi semua program pengajian di UTeM. Skor yang diperolehi oleh pelajar-pelajar mengikut program pengajian dan enam skala personaliti dijumlahkan secara manual melalui kaedah EAT bagi menentukan Kod Tiga Mata Holland persekitaran. Jadual 4.5 menunjukkan Kod Tiga Mata Holland persekitaran bagi program pengajian BEKP, BEKE dan BEKC yang terdapat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Berdasarkan dari Jadual 4.5, personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BEKP ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 317, diikuti oleh Sosial dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 311 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 301. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BEKP ialah RSI.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BEKE ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 220, diikuti oleh Realistik dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 213 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 198. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BEKE ialah SRI.

Bagi program pengajian BEKC pula personaliti yang paling dominan ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 300, diikuti oleh Sosial dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 289 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 278. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BEKC ialah RSI.

Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik ialah Realistik, Sosial dan Investigatif (RSI).

Fakulti	Program Pengajian	n	Skor Personaliti						Kod
			R	I	A	S	E	C	
FKE	BEKP	15	317	301	198	311	255	238	RSI
	BEKE	10	213	198	161	220	184	183	SRI
	BEKC	13	300	278	181	289	238	229	RSI
Kod Fakulti			830	777	540	820	677	650	RSI

Jadual 4.5 : Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Berdasarkan dari Jadual 4.6, personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BENC ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 324, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 312 dan Realistik dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 290. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BENC ialah SIR.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BENT ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 344, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 331 dan *Conventional* dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 266. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BENT ialah SIC.

Bagi program pengajian BENE pula personaliti yang paling dominan ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 485, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 483 dan Realistik dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 411. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BENE ialah SIR.

Kod Tiga Mata Holland keseluruhan bagi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer ialah Sosial., Investigatif dan Realistik (SIR).

Fakulti	Program Pengajian	n	Skor Personaliti						Kod
			R	I	A	S	E	C	
FKEKK	BENC	15	290	312	234	324	269	254	SIR
	BENT	15	265	331	198	344	264	266	SIC
	BENE	25	411	483	302	485	357	384	SIR
Kod	Fakulti		966	1126	734	1153	890	904	SIR

Jadual 4.6 : Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

Berdasarkan dari Jadual 4.7, personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BMFP ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 605, diikuti oleh Realistik dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 578 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 546. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMFP ialah SRI.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BMFR ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 611, diikuti oleh Realistik dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 563 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 552. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMFR ialah SRI.

Bagi program pengajian BMFA pula personaliti yang paling dominan ialah Investigatif dengan jumlah skor yang diperolehi iaitu 186, diikuti oleh Realistik dengan jumlah skor iaitu 183 dan Sosial dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 181. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMFA ialah IRS.

Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan ialah Sosial, Realistik dan Investigatif (SRI).

Fakulti	Program Pengajian	n	Skor Personaliti						Kod
			R	I	A	S	E	C	
FKP	BMFP	31	578	546	395	605	491	459	SRI
	BMFR	32	563	552	461	611	504	509	SRI
	BMFA	10	183	186	94	181	143	124	IRS
Kod Fakulti			1324	1284	950	1397	1138	1092	SRI

Jadual 4.7 : Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Berdasarkan dari Jadual 4.8, personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BMCT ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 657, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 648 dan Sosial dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 637. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMCT ialah RIS.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BMCA ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 576, diikuti oleh Sosial dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 565 dan *Enterprising* dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 527. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMCA ialah RSE.

Bagi program pengajian BMCD, personaliti yang paling dominan ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 432, diikuti oleh Sosial dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 427 dan Investigatif dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 425. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMCD ialah RSI.

Bagi program pengajian BMCS pula personaliti yang paling dominan ialah Realistik dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 355, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 349 dan Sosial dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 338. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BMCS ialah RIS.

Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal ialah Realistik, Sosial dan Investigatif - RSI.

Fakulti	Program Pengajian	n	Skor Personaliti					Kod	
			R	I	A	S	E		C
FKM	BMCT	34	657	648	443	637	482	489	RIS
	BMCA	27	576	336	346	565	527	361	RSE
	BMCD	21	432	425	302	427	398	365	RSI
	BMCS	17	355	349	288	338	317	323	RIS
Kod Fakulti			2020	1758	1379	1967	1724	1538	RSI

Jadual 4.8 : Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Berdasarkan dari Jadual 4.9, personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BITD ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 417, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 383 dan *Conventional* dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 379. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BITD ialah SIC.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BITM ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 534, diikuti oleh Enterprising dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 494 dan Artistik dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 429. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BITM ialah SEA.

Personaliti yang paling dominan bagi program pengajian BITS ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 253, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 236 dan Enterprising dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 205. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BITS ialah SIE.

Bagi program pengajian BITC pula personaliti yang paling dominan ialah Sosial dengan jumlah skor tertinggi yang diperolehi iaitu 883, diikuti oleh Investigatif dengan jumlah skor kedua tertinggi iaitu 856 dan *Enterprising* dengan jumlah skor ketiga tertinggi iaitu 843. Kod Tiga Mata Holland bagi personaliti program pengajian BITC ialah SIE.

Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi ialah Sosial, Investigatif dan Enterprising - SIE.

Fakulti	Program Pengajian	n	Skor Personaliti						Kod
			R	I	A	S	E	C	
FTMK	BITD	20	226	383	294	417	266	379	SIC
	BITM	26	341	390	429	534	494	339	SEA
	BITS	13	199	236	184	253	205	201	SIE
	BITC	43	511	856	499	883	843	524	SIE
Kod Fakulti			1277	1865	1406	2087	1808	1443	SIE

Jadual 4.9 : Pola Personaliti Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

4.4 Keselarasan Personaliti Dengan Persekitaran Berdasarkan Program Pengajian

Berdasarkan dari jadual 4.10, didapati Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BEKP adalah RSI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRE. Berpandukan daripada Indeks Keselarasan Iachan, didapati Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 14. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap hampir tidak selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program BEKP adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BEKE adalah SRI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRE. Maka Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 9. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 13 maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program BEKE adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BEKC adalah RSI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRIE. Maka Indeks

Keselarasan yang diperolehi adalah 14. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap hampir tidak selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program BEKC adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Fakulti	Program Pengajian	Kod Tiga Mata Holland (UTeM)	Kod Tiga Mata Holland (EOF)	Indeks Keselarasan Iachan
FKE	BEKP	RSI	IRE	14
	BEKE	SRI	IRE	9
	BEKC	RSI	IRE	14

EOF = *Educational Opportunities Finder*

Jadual 4.10 : Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik Berdasarkan Program Pengajian

Berdasarkan dari jadual 4.11, didapati Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BENC adalah SIR sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRE. Berpandukan daripada Indeks Keselarasan Iachan, didapati Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 13. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BENC adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BENT adalah SIC sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRE. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 10. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BENT adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti pengajian berdasarkan EOF Holland.

Sementara Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BENE pula adalah SIR dan Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah IRE. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 12. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BENE adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Fakulti	Program Pengajian	Kod Tiga Mata Holland (UTeM)	Kod Tiga Mata Holland (EOF)	Indeks Keselarasan Iachan
FKEKK	BENC	SIR	RIS	13
	BENT	SIC	IRE	10
	BENE	SIR	IRE	12

EOF = *Educational Opportunities Finder*

Jadual 4.11 : Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer Berdasarkan Program Pengajian

Berdasarkan dari jadual 4.12, didapati Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMFP adalah SRI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah RIE. Berpandukan daripada Indeks Keselarasan Iachan, didapati Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 12. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMFP adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMFR adalah SRI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah RIE. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 12. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMFR adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Sementara Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMFA pula adalah IRS dan Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah RIE. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 27. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan melebihi 20, maka terdapat keselarasan pada tahap selaras yang baik. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMFA adalah selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Fakulti	Program Pengajian	Kod Tiga Mata Holland (UTeM)	Kod Tiga Mata Holland (EOF)	Indeks Keselarasan Iachan
FKP	BMFP	SRI	RIE	12
	BMFR	SRI	RIE	12
	BMFA	IRS	IRE	27

EOF = *Educational Opportunities Finder*

Jadual 4.12 : Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Berdasarkan Program Pengajian

Berdasarkan dari Jadual 4.13, didapati Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMCT adalah RIS sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah RIE. Berpandukan daripada Indeks Keselarasan Iachan, didapati Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 27. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah lebih daripada 20, maka terdapat keselarasan pada tahap selaras yang baik. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMCT adalah selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMCA adalah RSE sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah REI. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 24. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah lebih daripada 20, maka terdapat keselarasan pada tahap hampir selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMCA adalah selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMCD adalah RSI sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah REI. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 23. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah lebih daripada 20, maka terdapat keselarasan pada tahap hampir selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BMCD adalah selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Sementara Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BMCS pula adalah RIS dan Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah RIE. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 27. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan adalah lebih daripada 20, maka terdapat keselarasan pada tahap selaras yang baik. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian

BMCS adalah selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Fakulti	Program Pengajian	Kod Tiga Mata Holland (UTeM)	Kod Tiga Mata Holland (EOF)	Indeks Keselarasan Iachan
FKM	BMCT	RIS	RIE	27
	BMCA	RSE	REI	24
	BMCD	RSI	REI	23
	BMCS	RIS	RIE	27

EOF = *Educational Opportunities Finder*

Jadual 4.13 : Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Berdasarkan Program Pengajian

Berdasarkan dari jadual 4.14, didapati Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BITD adalah SIC sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah ICS. Berpandukan daripada Indeks Keselarasan Iachan, didapati Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 16. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap hampir tidak selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BITD adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BITM adalah SEA sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah ICS. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 4. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap selaras yang lemah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BITM adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BITS adalah SIE sementara Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah ICS. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 14. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap hampir tidak selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BITS adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Sementara Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program pengajian BITC pula adalah SIE dan Kod Tiga Mata Holland persekitaran adalah ICS. Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 12. Oleh kerana nilai Indeks Keselarasan

kurang daripada 20, maka tidak terdapat keselarasan pada tahap hampir tidak selaras. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian BITC adalah tidak selaras dari segi personaliti dengan persekitaran pengajian yang mereka ikuti berdasarkan EOF Holland.

Fakulti	Program Pengajian	Kod Tiga Mata Holland (UTeM)	Kod Tiga Mata Holland (EOF)	Indeks Keselarasan Iachan
FTMK	BITD	SIC	ICS	16
	BITM	SEA	ICS	4
	BITS	SIE	ICS	14
	BITC	SIE	ICS	14

EOF = *Educational Opportunities Finder*

**Jadual 4.14 : Indeks Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Berdasarkan Program
Pengajian**

Berdasarkan dari jadual 4.15, didapati pelbagai tahap keselarasan Kod Tiga Mata Holland personaliti pelajar bagi program-program pengajian di UTeM. Cuma pelajar dari tiga program pengajian iaitu BMFA dari FKP serta BMCT dan BMCS dari FKM didapati pada tahap selaras yang sangat hampir. Dua program iaitu BMCA dan BMCD dari FKM didapati pada tahap hampir selaras. Manakala lima program iaitu BEKP dan BEKC dari FKE, serta BITD, BITS dan BITC dari FTMK pada tahap hampir tidak selaras. Selebihnya iaitu pelajar daripada tujuh program iaitu BEKE dari FKE, semua ketiga-tiga program iaitu BENC, BENT dan BENE daripada FKEKK, BMFP dan BMFR daripada FKP serta BITM daripada FTMK pada tahap selaras yang sangat lemah.

Fakulti	Program Pengajian	Indeks Keselarasan Iachan	Tahap Keselarasan
FKE	BEKP	14	Hampir Tidak Selaras
	BEKE	9	Selaras Yang Sangat Lemah
	BEKC	14	Hampir Tidak Selaras
FKEKK	BENC	13	Selaras Yang Sangat Lemah
	BENT	10	Selaras Yang Sangat Lemah
	BENE	12	Selaras Yang Sangat Lemah
FKP	BMFP	12	Selaras Yang Sangat Lemah
	BMFR	12	Selaras Yang Sangat Lemah
	BMFA	27	Selaras Yang Sangat Hampir
FKM	BMCT	27	Selaras Yang Sangat Hampir
	BMCA	24	Hampir Selaras

	BMCD	23	Hampir Selaras
	BMCS	27	Selaras Yang Sangat Hampir
FTMK	BITD	16	Hampir Tidak selaras
	BITM	4	Selaras Yang Sangat Lemah
	BITS	14	Hampir Tidak Selaras
	BITC	14	Hampir Tidak Selaras

Jadual 4.15 : Tahap Keselarasan Kod Tiga Mata Holland Pelajar Berdasarkan Program Pengajian

Sebagai rumusannya, didapati pelajar daripada kesemua program FKEKK berada pada tahap selaras yang lemah. Manakala bagi fakulti-fakulti yang lain, tahap keselarasan pelajar adalah pelbagai mengikut program pengajian.

Keputusan Pengujian Hipotesis

Bahagian ini menghuraikan keputusan pengujian 10 hipotesis kajian yang merangkumi perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

4.5 Perbezaan pencapaian akademik pelajar selaras dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran

Jadual 4.16 dan 4.17 menunjukkan keputusan analisis ujian-t bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran.

Jadual 4.16 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras dan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(108) = -.893, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 3.028 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 2.983. Nilai t adalah $-.893$ dengan aras signifikan $.374$. Oleh itu hipotesis H_1 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran adalah diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini

dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.045 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

	n	Min	SD	t	DF	<i>p</i>
Selaras	78	3.028	.402	-0.893	108.010	0.374
Tidak Selaras	302	2.983	.345			

$p < .05$

Jadual 4.16 : Min Pencapaian Akademik Dengan Keselarasan Personaliti-Persekitaran Keseluruhan

Jadual 4.17, adalah keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar selaras dan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran bagi setiap fakulti yang dikaji. Keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) ialah ($t(49) = -.893, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 2.923 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 2.877. Nilai t adalah -.445 dengan aras signifikan .658. Bacaan Levene's Test for Equality of Variances ialah .212. Oleh itu hipotesis H1a yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar FKE, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKE yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.046 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

Berdasarkan Jadual 4.17, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKEKK) ialah ($t(53) = -.652, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 3.255 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 3.051. Nilai t adalah -.652 dengan aras signifikan .559. Bacaan Levene's Test for Equality of

Variances ialah .037. Oleh itu hipotesis H1b yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar FKEKK, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKEKK yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.203 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

Berdasarkan Jadual 4.17, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) ialah ($t(71) = -1.108, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 3.131 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 3.020. Nilai t adalah -1.108 dengan aras signifikan .271. Bacaan Levene's Test for Equality of Variances ialah .527. Oleh itu hipotesis H1c yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar FKP, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKP yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.111 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

Berdasarkan Jadual 4.17, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) ialah ($t(97) = -.948, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 2.944 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 2.872. Nilai t adalah -.948 dengan aras signifikan .345. Bacaan Levene's Test for Equality of Variances ialah .915. Oleh itu hipotesis H1d yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di

kalangan pelajar FKM, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.0718 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

Berdasarkan Jadual 4.17, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) ialah ($t(100) = -1.125, p > .05$). Min pelajar selaras ialah 3.167 dan bagi pelajar tidak selaras ialah 3.047. Nilai t adalah -1.125 dengan aras signifikan .263. Bacaan Levene's Test for Equality of Variances ialah .482. Oleh itu hipotesis H1e yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar FTMK, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FTMK yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih rendah sebanyak 0.120 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran.

	n	Min	SD	t	DF	p
FKE						
Selaras	15	2.923	.420	-.445	49	.658
Tidak Selaras	36	2.877	.297			
FKEKK						
Selaras	4	3.255	.618	-.652	3.124	.559
Tidak Selaras	51	3.051	.316			
FKP						
Selaras	12	3.131	.335	-1.108	71	.271
Tidak Selaras	61	3.020	.315			

FKM						
Selaras	32	2.944	.371	-.948	97	.345
Tidak Selaras	67	2.872	.343			
FTMK						
Selaras	15	3.167	.410	-1.125	100	.263
Tidak Selaras	87	3.047	.376			

$p < .05$

Jadual 4.17 : Min Pencapaian Akademik Dengan Keselarasan Personaliti-Persekitaran Berdasarkan Fakulti

4.6 Perbezaan pencapaian akademik pelajar yang akur dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa

Jadual 4.18 dan 4.19 menunjukkan keputusan analisis ujian-t bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Jadual 4.18 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(378) = 3.352, p < .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.957 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 3.097. Nilai t adalah 3.352 dengan aras signifikan .001. Oleh itu hipotesis H2 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ditolak. Keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, namun begitu wujud perbezaan positif yang lemah pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dilaporkan juga bahawa pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.140 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

	n	Min	SD	t	DF	p
Akur	285	2.957	.347	3.352	378	.001
Tidak Akur	95	3.097	.370			

$p < .05$

Jadual 4.18 : Min Pencapaian Akademik Dengan Keakuran

Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar tidak akur lebih baik berbanding pelajar akur. Ini boleh dijelaskan bahawa pelajar tidak akur sebenarnya telah mendapat kebebasan dalam memilih bidang pengajian mereka, dan ini memberi peluang mereka memilih bidang yang selaras personaliti mereka dengan bidang pengajian, dan menjadi puas berada dalam bidang berkenaan yang seterusnya memberi kesan pencapaian akademik yang lebih baik.

Jadual 4.19 adalah keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa bagi setiap fakulti yang dikaji. Keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik bagi responden Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) ialah ($t(23) = 1.313, p > .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.842 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.990. Nilai t adalah 1.313 dengan aras signifikan .202. Oleh itu hipotesis H2a yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar FKE, di mana pelajar akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKE yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.148 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Berdasarkan jadual 4.19, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa bagi setiap Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) ialah ($t(53) = 1.596, p > .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 3.034 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 3.230. Nilai t adalah 1.596

dengan aras signifikan .116. Oleh itu hipotesis H2b yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar FKEKK, di mana pelajar akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKEKK yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.196 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Berdasarkan jadual 4.19, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa bagi setiap Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) ialah ($t(71) = -.791, p > .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 3.052 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.977. Nilai t adalah -.791 dengan aras signifikan .319. Oleh itu hipotesis H2c yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada ibu bapa di kalangan pelajar FKP, di mana pelajar akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKP yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.075 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Berdasarkan jadual 4.19, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa bagi setiap Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) ialah ($t(97) = 1.002, p > .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.877 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.964. Nilai t adalah 1.002 dengan aras signifikan .432. Oleh itu hipotesis H2d yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal diterima. Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu

bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar FKM, di mana pelajar akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FKEKK yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.086 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Berdasarkan jadual 4.19, keputusan Ujian-t min pencapaian akademik antara pelajar akur dan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa bagi setiap Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) ialah ($t(100) = 3.645, p < .05$). Min pelajar akur kepada kehendak ibu bapa ialah 2.973 dan bagi pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa ialah 3.250. Nilai t adalah 3.645 dengan aras signifikan .000. Oleh itu hipotesis H2e yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi ditolak.

Keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar FTMK, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar FTMK yang dikaji, terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa, namun begitu wujud perbezaan positif yang lemah pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dilaporkan juga bahawa pencapaian akademik pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.275 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

	n	Min	SD	t	DF	p
FKE						
Akur	34	2.842	.274	1.313	22.955	.202
Tidak Akur	17	2.990	.422			
FKEKK						
Akur	46	3.034	.331	1.596	53	.116
Tidak Akur	9	3.230	.365			

FKP						
Akur	59	3.052	.317	-0.791	71	.319
Tidak Akur	14	2.977	.329			
FKM						
Akur	78	2.877	.350	1.002	97	.432
Tidak Akur	21	2.964	.361			
FTMK						
Akur	68	2.973	.382	3.645	100	.000
Tidak Akur	34	3.250	.311			

$p < .05$

Jadual 4.19 : Min Pencapaian Akademik Dengan Keakuran Berdasarkan Fakulti

4.7 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti- Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.20 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(283) = -1.512, p > .05$). Min pelajar selaras dan akur ialah 3.018 dan bagi pelajar tidak selaras dan akur ialah 2.941. Nilai t adalah -1.512 dengan aras signifikan .132. Oleh itu hipotesis H3 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti- persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa diterima.

	n	Min	SD	t	DF	p
Selaras dan Akur	59	3.018	.391	-1.512	283	.132
Tidak Selaras dan Akur	226	2.941	.334			

$p < .05$

Jadual 4.20 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Akur dengan Pelajar Tidak Selaras dan Akur

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.077 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa.

4.8 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.21 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(93) = .525, p > .05$). Min pelajar selaras dan tidak akur ialah 3.057 dan bagi pelajar tidak selaras dan tidak akur ialah 3.107. Nilai t adalah .525 dengan aras signifikan .601. Oleh itu hipotesis H4 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur

kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa diterima.

	n	Min	SD	t	DF	<i>p</i>
Selaras dan Tidak Akur	19	3.057	.448	.525	93	.601
Tidak Selaras dan Tidak Akur	76	3.107	.350			

$p < .05$

Jadual 4.21 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Tidak Akur dengan Pelajar Tidak Selaras dan Tidak Akur

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.500 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

4.9 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.22 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada

kehendak ibu bapa dengan pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(76) = .369$, $p > .05$). Min pelajar selaras dan akur ialah 3.018 dan bagi pelajar selaras dan tidak akur ialah 3.057. Nilai t adalah .369 dengan aras signifikan .713. Oleh itu hipotesis H5 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa diterima.

	n	Min	SD	t	DF	p
Selaras dan Akur	59	3.018	.391	.369	76	.713
Selaras dan Tidak Akur	19	3.057	.448			

$p < .05$

Jadual 4.22 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Akur dengan Pelajar Selaras dan Tidak Akur

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.039 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

4.10 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.23 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(300) = 3.702, p < .05$). Min pelajar tidak selaras dan akur ialah 2.941 dan bagi pelajar tidak selaras dan tidak akur ialah 3.107. Nilai t adalah 3.702 dengan aras signifikan .000. Oleh itu hipotesis H6 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa ditolak.

	n	Min	SD	t	DF	p
Tidak Selaras dan Akur	226	2.941	.334	3.702	300	.000
Tidak Selaras dan Tidak Akur	76	3.107	.350			

$p < .05$

Jadual 4.23 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Tidak Selaras dan Akur dengan Pelajar Tidak Selaras dan Tidak Akur

Keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak selaras

personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.166 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

4.11 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti- Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.24 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(133) = 1.299, p > .05$). Min pelajar selaras dan akur ialah 3.018 dan bagi pelajar tidak selaras dan tidak akur ialah 3.107. Nilai t adalah 1.399 dengan aras signifikan .164. Oleh itu hipotesis H7 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa diterima.

	n	Min	SD	t	DF	p
Selaras dan Akur	59	3.018	.391	1.399	133	.164
Tidak Selaras dan Tidak Akur	76	3.107	.350			

$p < .05$

Jadual 4.24 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Akur dengan Pelajar Selaras dan Tidak Akur

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji,

di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.894 mata nilai PNGK berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

4.12. Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa

Jadual 4.25 adalah keputusan Ujian-t bagi min pencapaian akademik seluruh responden antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa. Dapatan kajian yang diperolehi ialah ($t(20) = -1.103, p > .05$). Min pelajar selaras dan tidak akur ialah 3.057 dan bagi pelajar tidak selaras dan akur ialah 2.941. Nilai t adalah -1.103 dengan aras signifikan .283. Oleh itu hipotesis H8 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa diterima.

	n	Min	SD	t	DF	p
Selaras dan Tidak Akur	19	3.057	.448	-1.103	19.719	.283
Tidak Selaras dan Akur	226	2.941	.334			

$p < .05$

Jadual 4.25 : Min Pencapaian Akademik antara Pelajar Selaras dan Tidak Akur dengan Pelajar Tidak Selaras dan Akur

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih rendah daripada pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Ini dirumuskan bahawa bagi pelajar UTeM yang dikaji, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa berbanding pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada ibu bapa, namun pencapaian akademik pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih rendah sebanyak 0.116 mata nilai PNGK berbanding pelajar selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

4.13 Hubungan Antara Keselarasan Personaliti-Persekitaran Dengan Pencapaian Akademik

Jadual 4.26 adalah keputusan analisis Korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik seluruh responden yang dikaji. Dapatan kajian yang diperolehi ialah $r=0.040$, $n=380$, $p=0.329$. Oleh itu hipotesis 9 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik diterima.

	n	r	p
Keseluruhan	380	-0.040	.329

$p < .05$

Jadual 4.26 : Hubungan Antara Keselarasan Dengan Pencapaian Akademik

Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UTeM yang dikaji.

4.14 Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik

Jadual 4.27 adalah keputusan analisis Korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik seluruh responden yang dikaji. Dapatan kajian yang diperolehi ialah $r=-0.170$, $n=380$, $p=0.001$. Oleh itu hipotesis 10 iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik ditolak.

	n	r	p
Keseluruhan	380	-0.170	.001

$p < .05$

Jadual 4.27 : Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik

Keputusan yang diperolehi ialah terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UTeM yang dikaji. Nilai r bersamaan dengan -0.170 menunjukkan wujud satu hubungan negatif yang lemah antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UTeM yang dikaji. Hubungan negatif ini bermakna jika salah satu nilai pembolehubah meningkat, nilai pembolehubah yang satu lagi akan menurun.

4.15 Kesimpulan

Bab ini telah melaporkan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian. Dapatan kajian telah dibentang bagi setiap objektif serta diperincikan berdasarkan jenis data iaitu dapatan deskriptif dan dapatan ujian inferensi yang menguji hipotesis. Secara keseluruhannya, dapatan yang diperolehi ialah keselarasan tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik, tetapi sebaliknya, keakuran memberi kesan kepada pencapaian akademik.

Secara terperinci pula, keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras. Namun begitu, min pencapaian akademik pelajar selaras lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur berbanding pelajar tidak akur kepada

kehendak ibu bapa. Min pencapaian akademik pelajar tidak akur lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi pengujian korelasi, Keputusan kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan keselarasan, tapi sebaliknya, didapati pencapaian akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan keakuran.

Umumnya, kajian ini mendapati bahawa keselarasan personaliti-persekitaran tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik, namun secara deskriptif telah menyokong andaian Teori Tipologi Kerjaya Holland iaitu keselarasan personaliti dan persekitaran membantu dalam peningkatan pencapaian akademik seseorang pelajar. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa keakuran memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan hasil keputusan kajian perbezaan pencapaian akademik pelajar bagi kumpulan pelajar yang selaras dan tidak selaras personaliti-persekitaran serta bagi kumpulan pelajar akur atau tidak akur terhadap kehendak ibu bapa. Pengkaji membuat analisis personaliti-persekitaran dengan kaedah EAT berasaskan Kod Tiga Mata Holland di kalangan para pelajar dari 17 program pengajian di UTeM, yang akan menentukan pola personaliti-persekitaran 17 program pengajian berkenaan. Selain itu, analisis pencapaian akademik dengan keselarasan personaliti-persekitaran dan keakuran kepada kehendak ibu bapa akan menjawab 10 hipotesis kajian yang dikemukakan dalam Bab 1.

Bab ini juga merangkumi perbincangan tentang aspek-aspek yang terdahulu yang berkaitan seperti pernyataan masalah, pendekatan teori, hasil-hasil kajian lepas, persoalan dan tujuan kajian. Bab ini juga akan menyentuh tentang implikasi kajian, kelemahan-kelemahan kajian serta memberi cadangan-cadangan yang difikirkan penting. Bagi tujuan ini, pengkaji akan membahagikan huraian perbincangan kepada dua bahagian iaitu seperti berikut:

Bahagian A - Demografi Responden

- i) Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.
- ii) Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa.
- iii) Bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti.
- iv) Bilangan dan peratusan responden mengikut kursus.

Bahagian B - Dapatan hasil kajian adalah berdasarkan persoalan-persoalan berikut:

- i) Pola personaliti pelajar-pelajar dari 17 program pengajian sarjana muda di UTeM berasaskan Kod Tiga Mata Holland.
- ii) Keselarasan personaliti-persekitaran di kalangan pelajar-pelajar UTeM mengikut program pengajian.
- iii) Perbezaan pencapaian akademik bagi pelajar selaras atau tidak selaras perseonaliti-persekitaran serta akur atau tidak akur terhadap kehendak ibu bapa berasaskan keputusan analisis statistik seperti yang dilaporkan dalam bab 4.

5.2. Demografi Responden

Dari segi pecahan responden berdasarkan jantina, pelajar lelaki iaitu sebanyak 57.1 %, adalah lebih ramai daripada pelajar perempuan yang cuma sebanyak 42.9 %. Ini disebabkan UTeM merupakan universiti yang berfokuskan kejuruteraan, maka jumlah pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan adalah perkara yang diramalkan kerana sifat pengajian kejuruteraan adalah bersesuaian dengan pelajar lelaki.

Manakala dari segi pecahan peratus mengikut bangsa pula, pelajar Melayu adalah mengatasi bangsa lain iaitu berjumlah 75.5 %, diikuti oleh pelajar bangsa Cina iaitu 21.3%, pelajar India sebanyak 1.8% manakala pelajar dari bangsa-bangsa lain adalah berjumlah 1.3%.

Dari segi taburan responden mengikut fakulti, jumlah responden yang tertinggi ialah dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Kominikasi iaitu sebanyak 26.8%, diikuti dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (26.1%), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (19.2%), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (14.5%), dan responden yang paling kurang ialah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik iaitu sebanyak 13.4%.

Manakala berdasarkan program pengajian pula jumlah pelajar yang paling tinggi adalah dari program pengajian Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) iaitu sebanyak 11.3%, dan responden yang paling sedikit ialah dari program pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi) sebanyak 2.6%.

5.3 Kod Tiga Mata Holland Personaliti Program-Program Pengajian

Dapatan kajian bahagian ini telah dapat menyempurnakan objektif pertama kajian dijalankan iaitu untuk mengenalpasti Kod Tiga Mata Holland personaliti program-program pengajian yang terdapat di UTeM.

Dengan menggunakan alat ujian SDS, kajian ini telah berjaya memperolehi Kod Tiga Mata Holland personaliti bagi program-program Ijazah Sarjana Muda mengikut bidang pengkhususan masing-masing di fakulti-fakulti yang terdapat di UTeM.

5.3.1 Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik, program pengajian Kuasa Industri (BEKP) didapati personaliti yang paling dominan ialah Realistik, diikuti oleh Sosial dan Investigatif. Kod Tiga Mata Holland bagi program BEKP ialah RSI. Bagi program

Elektronik Kuasa & Pemacu (BEKE) pula personaliti yang paling dominan ialah Sosial, diikuti oleh Realistik dan Investigatif. Kod Tiga Mata Holland bagi program BEKE ialah SRI. Bagi program Kawalan, Instrumentasi & Automasi (BEKC) pula personaliti yang paling dominan ialah Realistik dan diikuti oleh Sosial dan Investigatif. Kod Tiga Mata Holland bagi program BEKC ialah RSI. Secara keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik ialah Realistik, Sosial dan Investigatif iaitu ditulis RSI. Kod yang konsisten terdapat dalam tiga kod semua program Kejuruteraan Elektrik ini ialah kod Realistik. Dua daripada tiga program pengajian memperolehi kod Realistik sebagai kod primer.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Hamdan (2004) di kalangan pelajar-pelajar UTM di mana pelajar kursus kejuruteraan elektrik mencapai kod IRE. Dapatan kajian ini juga didapati selari dengan dapatan kajian oleh Othman & Sidek (2001) yang mendapati pelajar Program Matrikulasi Kejuruteraan UPM mempunyai Kod Tiga Mata Holland RIE.

Kesemua kumpulan pelajar dari pengajian kejuruteraan elektrik daripada kajian-kajian yang dinyatakan di atas memperolehi kod realistik sama ada sebagai kod primer atau sekunder. Dapatan bagi program pengajian yang sama dalam kajian ini juga memperolehi kod Realistik bagi kod primer atau sekunder. Ini menjelaskan bahawa dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian lain.

5.3.2 Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Dapatan kajian Kod Tiga Mata Holland bagi program Kejuruteraan Komputer (BENC) ialah SIR, sementara bagi program Telekomunikasi Elektronik (BENT) ialah SIC dan Kod Tiga Mata Holland bagi program Industri Eletronik (BENE) ialah SIR. Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland bagi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer ialah SIR.

Dapatan kajian ini menunjukkan ada persamaan dengan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Hamdan (2004) di kalangan pelajar-pelajar UTM di mana pelajar kursus kejuruteraan elektrik mencapai kod IRE. Persamaan adalah dari segi di mana dua huruf adalah bersamaan, tapi kedudukan kod-kod primer, sekunder dan tertiar adalah tidak sama.

Walaupun kedudukan bagi semua kod dalam Kod Tiga Mata Holland bagi kajian ini berbeza dengan kedudukan tiga kod dapatan daripada kajian-kajian yang dinyatakan di atas, namun kod realistik masih kekal dalam semua 3 kod huruf yang diperolehi. Ini selaras dengan Dekripsi Persekitaran Akademik Holland (Holland, 1973) (Rujuk Jadual 1.2) yang menyatakan kod realistik adalah kod bagi kumpulan pelajar kejuruteraan.

5.3.3 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pula, personaliti yang paling dominan bagi program Proses Pembuatan (BMFP) dan Rekabentuk Pembuatan (BMFR) ialah Sosial diikuti Realistik dan Investigatif. Kod Tiga Mata Holland bagi kedua-dua program ialah SRI. Kod Tiga Mata Holland bagi program Robotik dan Automasi (BMFA) pula ialah IRS. Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan ialah Sosial, Realistik dan Investigatif – SRI.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Hamdan (2004) di kalangan pelajar-pelajar UTM di mana pelajar kursus kejuruteraan pembuatan mencapai kod RSI. Walaupun kedudukan semua kod dalam 3 kod huruf berbeza, tapi kedua-dua kajian ini memperolehi 3 kod yang sama.

Walaupun kedudukan bagi semua kod dalam Kod Tiga Mata Holland bagi kajian ini berbeza dengan kedudukan tiga kod dapatan daripada kajian-kajian yang dinyatakan di atas, namun kod realistik masih kekal dalam semua 3 kod huruf yang diperolehi. Ini selaras dengan Dekripsi Persekitaran Akademik Holland (Holland, 1973) (Rujuk Jadual 1.2) yang menyatakan kod realistik adalah kod bagi kumpulan pelajar kejuruteraan.

5.3.4 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, dapatan kajian menunjukkan Kod Tiga Mata Holland bagi program pengajian Termal Bendalir (BMCT) ialah RIS, Kod Tiga Mata Holland bagi program pengajian Automotif (BMCA) ialah RSE dan Kod Tiga Mata Holland bagi program pengajian Struktur dan Bahan (BMCS) ialah RIS. Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal ialah RSI.

Bagi kesemua tiga Program Kejuruteraan Mekanikal, dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian oleh Othman & Sidek (2001) terhadap pelajar yang mengikuti program Matrikulasi Kejuruteraan, di mana Kod Tiga Mata Holland yang diperolehi adalah RIE.

5.3.5 Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bagi program di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi pula dapatan kajian menunjukkan Kod Tiga Mata Holland bagi program Pengurusan Pengkalan Data (BITD) ialah SIC, Kod Tiga Mata Holland bagi program Media Interaktif (BITM) ialah SEA, Kod Tiga Mata Holland bagi program Pembangunan Perisian (BITS) ialah SIE dan Kod Tiga Mata Holland bagi program Rangkaian Komputer (BITC)

ialah SIE. Keseluruhannya Kod Tiga Mata Holland bagi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi ialah SIE.

Dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Hamdan (2004) di kalangan pelajar-pelajar UTM di mana pelajar kursus Sains Komputer mencapai kod SIE. Dua program pengajian iaitu BITS dan BITC memperoleh tiga kod yang sama dan tepat kedudukannya, manakala dua program pengajian dua kod yang sama dengan huruf primer adalah sama.

5.4 Keselarasan Personaliti Dengan Persekitaran Mengikut Program Pengajian

Untuk menentukan Indeks Keselarasan antara Kod Tiga Huruf Holland pelajar yang diperolehi melalui edaran SDS, maka perbandingan dibuat dengan Kod Tiga Huruf Holland personaliti pelajar yang diperolehi dari kajian dengan dibandingkan dengan Kod Tiga Huruf persekitaran yang diperolehi daripada *The Educational Opportunities Finder* (Rosen, Holmberg, Holland, 1994). Darjah keselarasan daripada perbandingan ini di tentukan dengan kaedah pengiraan skor keselarasan berpandukan Indeks Keselarasan Iachan.

Dapatan kajian menunjukkan Indeks Keselarasan bagi program pengajian Kuasa Industri (BEKP) adalah 14, ini menunjukkan personaliti pelajar yang sedang mengikuti pengajian ini adalah hampir tidak selaras dengan persekitaran pembelajarannya. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini berada dalam bidang pengajian yang tidak selaras dengan personaliti mereka. Bagi program Elektronik Kuasa & Pemacu (BEKE) pula didapati Indeks Keselarasan personaliti persekitaran yang diperolehi adalah 9, yang menunjukkan personaliti pelajar adalah tidak selaras dengan program pengajian yang diikuti oleh mereka. Sementara Indeks Keselarasan bagi program Kawalan, Instrumentasi & Automasi (BEKC) adalah 14 iaitu hampir tidak selaras dan ini menunjukkan bahawa personaliti pelajar yang mengikuti program ini adalah tidak selaras dengan persekitaran program yang mereka ikuti.

Dapatan kajian ini telah disokong oleh kajian Hamdan (2004) yang mendapati pelajar dari kursus kejuruteraan elektrik UTM tidak selaras dengan ciri persekitaran mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

Namun dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil dapatan yang telah dijalankan oleh Sabariah (1995), di mana beliau mendapati pelajar yang mengikuti pengajian Bacelor Kejuruteraan di UPM mencapai skor 7 Indeks Keselarasan Wiggins, yang bermaksud selaras antara personaliti dan persekitaran pengajian pelajar.

Bagi program pengajian yang terdapat di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer didapati Indeks Keselarasan bagi program pengajian Kejuruteraan Komputer (BENC) ialah 13, Indeks Keselarasan bagi program Telekomunikasi Elektronik (BENT) ialah 10, dan Indeks Keselarasan bagi program pengajian Industri Elektronik (BENE) ialah 12. Dapatan kajian ini menunjukkan Indeks Keselarasan yang diperolehi oleh ketiga-tiga program tersebut adalah tidak selaras antara personaliti pelajar dengan program pengajian yang diikuti oleh mereka.

Dapatan kajian ini telah disokong oleh kajian Hamdan (2004) yang mendapati pelajar dari kursus kejuruteraan elektronik UTM tidak selaras dengan ciri persekitaran mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Othman dan Sidek (2001) terhadap para pelajar yang mengikuti program Matrikulasi Kejuruteraan di UPM pula mendapati Indeks Keselarasan Wiggins & Moody (1981) pelajar program ini adalah 4 (rujuk lampiran 1), iaitu hampir selaras.

Indeks Keselarasan bagi program-program di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pula menunjukkan tidak terdapat keselarasan antara personaliti pelajar dengan program pengajian yang mereka ikuti bagi program pengajian Proses Pembuatan (BMFP) Indeks Keselarasan adalah 12, program pengajian Rekabentuk Pembuatan (BMFR) Indeks Keselarasan adalah 12. Kedua-dua program pengajian ini, personaliti pelajar adalah tidak selaras dengan ciri persekitaran pengajian mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

Dapatan kajian ini bagi dua program pengajian ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian Hamdan (2004) yang mendapati pelajar program pengajian Kejuruteraan Awam-Pembinaan yang tidak selaras dengan persekitaran pengajian mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

Namun dapatan kajian ini bagi program pengajian Robotik & Automasi (BMFA), memperolehi Indeks Keselarasan 27 yang bermakna pelajar mengikuti pengajian ini selaras dengan persekitaran pengajian berkenaan.

Indeks Keselarasan bagi program-program pengajian yang terdapat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal didapati bagi program pengajian Termal Bendalir (BMCT) Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 27, bagi program pengajian Automotif (BMCA) Indeks Keselarasan yang diperolehi ialah 24 dan bagi program pengajian Struktur & Bahan (BMCS), Indeks Keselarasan yang diperolehi ialah 27. Manakala bagi program pengajian Rekabentuk dan Inovasi (BMCD), Indeks keselarasan yang diperolehi ialah 23.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat keselarasan antara personaliti pelajar dengan program pengajian bagi keempat-empat program pengajian yang diikuti oleh pelajar di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Dapatan kajian ini menunjukkan ada persamaan dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Sabariah (1995) dan Othman & Sidek (2001). Holland (1973; 1985) mengatakan bahawa keselarasan di antara personaliti dengan persekitaran dapat menjamin kepuasan seseorang individu. Ertinya apabila seseorang itu selaras dengan persekitarannya maka hasilnya adalah kepuasan dalam kerjayanya dengan itu ia akan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan bersungguh-sungguh.

Bagi program pengajian yang terdapat di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dapatan kajian menunjukkan program pengajian Pengurusan Pangkalan Data (BITD) Indeks Keselarasan yang diperolehi adalah 16, program pengajian Media Interaktif (BITM) Indeks Keselarasan adalah 4, program pengajian Pembangunan Perisian (BITS) Indeks Keselarasan adalah 14 dan program pengajian Rangkaian Komputer (BITC) Indeks Keselarasan adalah 14. Ini menunjukkan pelajar-pelajar yang mengikuti keempat program pengajian ini adalah tidak selaras antara personaliti dengan persekitaran pengajian mereka mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

Dapatan kajian ini bagi tiga program pengajian ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian Hamdan (2004) yang mendapati pelajar program pengajian Sains Komputer yang tidak selaras dengan persekitaran pengajian mengikut *The Educational Opportunities Finder*.

5.5 Perbezaan pencapaian akademik dengan keselarasan personaliti-persekitaran (H1)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti dengan persekitaran dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.16), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.045 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.


Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) (Rujuk Jadual 4.17), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.046 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.

Bagi responden dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) (Rujuk Jadual 4.17), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.204 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.

Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) (Rujuk Jadual 4.17), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.111 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.

Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) (Rujuk Jadual 4.17), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.072 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.

Bagi responden Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) (Rujuk Jadual 4.17), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras personaliti-persekitaran dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran, di mana pelajar selaras personaliti-persekitaran mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Nilai mata PNGK pelajar selaras personaliti-persekitaran secara purata lebih tinggi sebanyak 0.120 berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran.



Rajah 5.1 : Model Pengujian Hipotesis 1

Secara ringkasnya dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik keseluruhan pelajar di UTeM tidak berbeza di antara pelajar selaras berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran. Pelajar selaras secara purata mencapai min mata nilai PNGK lebih tinggi berbanding pelajar tidak selaras.

Dapatan kajian berdasarkan fakulti menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran semua fakulti di UTeM. Namun dari segi pencapaian akademik, min nilai mata PNGK pelajar selaras di semua fakulti lebih tinggi berbanding pelajar tidak selaras. Min PNGK pelajar selaras FKEKK lebih tinggi sebanyak 0.204 berbanding pelajar tidak selaras, min PNGK pelajar selaras FTMK lebih tinggi sebanyak 0.120 berbanding pelajar tidak selaras, min PNGK pelajar selaras FKP lebih tinggi sebanyak 0.111 berbanding pelajar tidak selaras, min PNGK pelajar selaras FKM lebih tinggi sebanyak 0.072 berbanding pelajar tidak selaras, dan bagi pelajar FKE pula, min PNGK pelajar selaras lebih tinggi sebanyak 0.046 berbanding pelajar tidak selaras.

Daripada keputusan pengujian hipotesis, dapatan kajian ini yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras, disokong oleh dapatan kajian oleh Azizi *et al.* (2007) yang mendapati tidak terdapat hubungan antara ciri personaliti dengan pencapaian akademik pelajar PMR.

Walaupun kajian ini mendapati pencapaian akademik pelajar selaras tidak berbeza secara signifikan, namun kajian ini telah dapat membuktikan bahawa pelajar selaras memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik berbanding pelajar tidak selaras. Ini dibuktikan di mana min nilai mata PNGK pelajar selaras dari semua fakulti yang dikaji lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak selaras. Secara langsungnya, PNGK pelajar selaras lebih tinggi memberi makna bahawa dapatan ini menyokong Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973; 1985; 1996) yang menyatakan bahawa kepuasan kerja kestabilan dan pencapaian bergantung kepada keselarasan antara personaliti seseorang dengan persekitaran di mana ia berada.

Selain itu dapatan kajian ini yang membuktikan bahawa pencapaian akademik pelajar selaras lebih baik berbanding pelajar tidak selaras personaliti-persekitaran disokong oleh kajian Allen & Robbins (2009) yang mendapati bahawa keselarasan personaliti-persekitaran memberi kesan langsung terhadap pencapaian dan motivasi menamatkan pengajian. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Premuzic dan Furnham (2003) yang membuktikan bahawa ciri personaliti yang tinggi mempunyai hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan. Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan Mastura (2004), iaitu sikap ibu yang terbuka memberi kesan yang positif terhadap pencapaian anak lelaki. Ibu yang terbuka minda membuka ruang dan peluang anak untuk membuat keputusan sendiri pemilihan bidang tanpa membuatkan anak perlu akur kepada kehendak ibu. Kebebasan pemilihan bidang itu memberi peluang anak memilih bidang yang diminati.

Individu pelajar yang tidak akur adalah individu yang tidak terikat dengan kehendak mana-mana pihak. Kajian ini membuktikan bahawa pelajar yang tidak akur iaitu yang tidak terikat dengan kehendak ibu atau bapa mereka, telah memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding mereka yang akur. Ini adalah kerana mereka bebas memilih bidang pengajian tanpa perlu mematuhi sesiapa. Situasi bebas dari mematuhi kehendak ibu bapa memberi peluang individu pelajar mendapat kebebasan dalam membuat keputusan berdasarkan minat sendiri atau membuat pilihan dan mencari bidang yang diinginkan berdasarkan maklumat yang berkaitan dengan ciri diri dan kekuatan diri. Smith (1983) dalam teori Teori Kekuasaan Keluarga dan Keakuran telah mengenengahkan lima ketegasan kuasa yang menjadi orientasi kepada ibu bapa dalam menguasai anak-anak mereka. Dengan kebebasan daripada pelaksanaan kuasa terhadap anak-anak bermaksud dalam kajian ini sebagai "tidak akur". Ini bermakna tidak akur adalah situasi di mana anak-anak tidak dilingkungi oleh sebarang kuasa, dan anak-anak bebas membuat keputusan dan pilihan. Apabila tidak dilingkungi oleh apa-apa tekanan atau kuasa maka individu akan mencari persekitaran yang memberi peluang kepadanya untuk menunjukkan kecekapan dan keupayaan serta membolehkan mereka melahirkan sikap dan nilai mereka (Holland, 1973, 1985, 1996).

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Feldman *et al.* (1999), yang mendapati keselarasan kerjaya menghasilkan kesan langsung yang positif kepada pencapaian akademik pelajar.

Holland (1997) menyatakan bahawa semakin hampir ciri diri individu dengan persekitarannya akan menjamin individu berkenaan untuk berjaya dalam apa yang dilakukannya. Dalam hal keselarasan personaliti-persekitaran, kajian ini telah membawa satu keputusan yang sedikit bertentangan dengan andaian asas Teori Tipologi Kerjaya Holland. Keadaan di mana pelajar yang selaras tidak mencapai pencapaian akademik yang signifikan berbeza dengan pelajar tidak

selaras boleh dibincangkan bagi mempersoalkan andaian oleh Holland itu. Holland melalui andaianya itu sebenarnya adalah melihat kekuatan atau ciri yang seharusnya dihasilkan oleh satu keselarasan. Maka adalah benar dari banyak kajian lain dibuktikan bahawa keselarasan adalah peramal kepada satu pencapaian yang lebih baik.

Namun dari perspektif yang berbeza pula, kumpulan pelajar yang tidak selaras dalam kajian ini, tentu ada ciri lain yang dapat mendorong mereka mencapai pencapaian yang secara signifikan tidak berbeza daripada pelajar selaras. Dengan potensi IQ yang baik, individu mudah dapat menguasai sesuatu aktiviti menuju sesuatu pencapaian. Persoalan tentang perkara lain selain ciri personaliti, umpamanya tentang proses pengajian, isi kandungan, juga tentang persekitaran tidak dapat diketepikan daripada menjadi penyumbang sesuatu pencapaian.

Dapatan dari kajian yang membuktikan bahawa walaupun ia tidak berbeza secara signifikan, min pencapaian akademik iaitu nilai mata PNGK pelajar telah didapati lebih tinggi di kalangan pelajar selaras berbanding pelajar tidak selaras. Ini bukti yang jelas dapat menyokong andaian asas Teori Tipologi Kerjaya Holland ini.

Bagi pengujian perbezaan pencapaian akademik dengan keselarasan personaliti-persekitaran ini, dirumuskan bahawa dapatan kajian ini yang mendapati min pencapaian akademik pelajar selaras lebih tinggi berbanding pelajar tidak selaras adalah bukti yang menyokong andaian Holland (1973, 1985, 1996) tentang keselarasan adalah merupakan peramal terhadap pencapaian individu.

5.6 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Akur dengan Pelajar Tidak Akur Kepada kehendak Ibu Bapa (H2)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.18), keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.140 berbanding pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.


Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) (Rujuk Jadual 4.19), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.148 berbanding pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi responden dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) (Rujuk Jadual 4.19), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.196 berbanding pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) (Rujuk Jadual 4.19), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa, di mana pelajar akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.075 berbanding pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi responden Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) (Rujuk Jadual 4.19), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.087 berbanding pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi responden Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) (Rujuk Jadual 4.19), keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa, di mana pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar akur kepada kehendak ibu bapa. Nilai mata PNGK pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa secara purata lebih tinggi sebanyak 0.277 berbanding pelajar akur kepada kehendak ibu bapa.



Rajah 5.2 : Model Pengujian Hipotesis 2

Secara ringkasnya dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik keseluruhan pelajar di UTeM berbeza di antara pelajar akur berbanding pelajar tidak akur terhadap kehendak ibu bapa. Pelajar tidak akur secara purata mencapai min mata nilai PNGK lebih tinggi berbanding pelajar akur.

Dapatan kajian berdasarkan fakulti menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar FTMK sahaja yang berbeza secara signifikan di antara pelajar akur dengan pelajar tidak akur, manakala pencapaian akademik pelajar FKE, FKEKK, FKP dan FKM tidak berbeza di antara pelajar akur dengan pelajar tidak akur.

Dari segi perbezaan min PNGK pula, terdapat sesuatu yang menarik iaitu min PNGK pelajar tidak akur semua fakulti kecuali FKP, lebih tinggi daripada min PNGK pelajar akur. Min PNGK pelajar tidak akur FTMK lebih tinggi sebanyak 0.277 berbanding pelajar akur, min PNGK pelajar tidak akur FKEKK lebih tinggi sebanyak 0.196 berbanding pelajar akur, min PNGK pelajar tidak akur FKE lebih tinggi sebanyak 0.148 berbanding pelajar akur, dan min PNGK pelajar tidak akur FKM lebih tinggi sebanyak 0.087 berbanding pelajar akur. Manakala bagi pelajar FKP pula, min PNGK pelajar akur lebih tinggi sebanyak 0.075 berbanding pelajar tidak akur.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Hollender (1972) iaitu sikap ibu yang terbuka memberi kesan yang positif terhadap pencapaian anak lelaki. Ibu yang terbuka minda membuka ruang dan peluang anak untuk membuat keputusan sendiri pemilihan bidang tanpa membuatkan anak perlu akur kepada kehendak ibu. Kebebasan pemilihan bidang itu memberi peluang anak memilih bidang yang diminati.

Individu pelajar yang tidak akur adalah individu yang tidak terikat dengan kehendak mana-mana pihak. Kajian ini membuktikan bahawa pelajar yang tidak akur iaitu yang tidak terikat dengan kehendak ibu atau bapa mereka, telah memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding mereka yang akur. Ini adalah kerana mereka bebas memilih bidang pengajian tanpa perlu mematuhi sesiapa. Situasi bebas dari mematuhi kehendak ibu bapa memberi peluang individu pelajar mendapat kebebasan dalam membuat keputusan berdasarkan

minat sendiri atau membuat pilihan dan mencari bidang yang diinginkan berdasarkan maklumat yang berkaitan dengan ciri diri dan kekuatan diri. Individu akan mencari persekitaran yang memberi peluang kepadanya untuk menunjukkan kecekapan dan keupayaan serta membolehkan mereka melahirkan sikap dan nilai mereka (Holland, 1973, 1985, 1996).

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Jinan Jaber-Linsalata (1994), yang mendapati pelajar yang akur kepada ibu bapa memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur. Dapatan kajian ini juga tidak selaras dengan dapatan kajian Adam *et al.* (2000) yang mendapati interaksi pelajar dengan ahli keluarga mempunyai hubungan dengan pencapaian dan proses sosialisasi pelajar.

Pengaruh ibu bapa atau orang signifikan yang lain adalah satu desakan yang lazim perlu dituruti oleh individu (Jinan Jaber-Linsalata, 1994), khasnya golongan pelajar Asia. Rollins & Thomas (1975) telah mengentengahkan Teori Pengaruh Keluarga yang menekankan bahawa asas utama pembentukan kebebasan anak-anak bergantung kepada pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara keseluruhannya pencapaian akademik pelajar yang akur dengan pelajar yang tidak akur. Pelajar akur adalah pelajar yang mematuhi kemahuan atau pengaruh yang diterima daripada orang yang signifikan dengan mereka, dalam kajian ini adalah ibu dan bapa. Sebaliknya pelajar yang tidak akur adalah pelajar bebas tanpa pengaruh atau sesuatu yang perlu dipatuhi. Jelas didapati bahawa pelajar yang tidak akur iaitu yang bebas dengan pilihannya memperolehi pencapaian berbeza secara signifikan dan lebih tinggi berbanding pelajar akur.

Dapatan kajian ini jelas memberi maklumat untuk mencadangkan bahawa pelajar yang tidak dipengaruhi atau diberi tekanan telah mencapai prestasi yang lebih baik, maka adalah wajar pelajar tidak dipengaruhi atau diberi tekanan ketika membuat pilihan bidang pengajian. Rollins & Thomas (1975) menyatakan bahawa asas utama pembentukan kebebasan anak-anak bergantung kepada pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa. Pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa akan menekan kebebasan anak-anak dalam membuat pilihan. Dalam konteks penentuan bidang dalam pengajian, pilihan yang datang dari orang signifikan mungkin tidak tepat dengan minat atau kecenderungan. Oleh itu, melalui dapatan dalam perbincangan perkara 5.4 iaitu tentang kepentingan keselarasan personaliti-persekitaran, dengan disokong dengan bukti bahawa pelajar tidak akur memperolehi pencapaian yang baik, maka perkara yang penting dalam pemilihan bidang pengajian atau kerjaya ialah keselarasan personaliti dengan persekitaran. Pengaruh dan desakan ibu atau bapa, atau dari orang signifikan yang lain dalam konteks pemilihan bidang pengajian terbukti dari dapatan kajian ini tidak dapat membantu. Ini bermakna cadangan Holland untuk memilih bidang


yang selaras personaliti dengan persekitaran adalah satu pendekatan yang jelas relevan.

Dalam aspek peranan orang signifikan, Fouziah *et al.* (2010) menyatakan bahawa dengan kuasa dan pengaruh ibu bapa boleh menjadi pembimbing yang dapat membantu pelajar memahami lebih mendalam kaedah betul memilih bidang atau kerjaya. Ibu bapa boleh menjadi pemain utama dalam menentu kaedah pemilihan yang sesuai kepada anak-anak. Maka penggunaan kuasa terhadap anak-anak perlu diaplikasikan secara sesuai. Seperti yang dicadangkan Smith (1983) dalam teorinya Kekuasaan Keluarga dan Keakuran, ibubapa boleh memilih penggunaan kuasa melalui kaedah ketegasan kuasa melalui kaedah ibubapa menunjuk arah dengan sangat sedikit sahaja tekanan. Kaedah ini menurut Fouziah *et al.* (2010) sebagai pencontohan atau *modelling*.

5.7 Pencapaian Akademik Pelajar Selaras dan Akur Dengan Pelajar Tidak Selaras dan Akur (H3)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.20), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dan akur dengan pelajar tidak selaras dan akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras dan akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras dan akur. Nilai mata PNGK pelajar tidak selaras dan tidak akur secara purata lebih tinggi sebanyak 0.077 berbanding pelajar selaras dan tidak akur.



Rajah 5.3 : Model Pengujian Hipotesis 3

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar selaras dan akur telah memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar tidak selaras dan akur. Seperti dibincangkan dalam para 5.6 sebelum ini, pelajar akur didapati memperolehi min


pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding pelajar yang tidak akur. Maka dengan itu, ujian hipotesis ini konsisten membuktikan faktor selaras memberi kesan yang positif dalam pencapaian akademik.

Dapatan ini sekali lagi menyokong andaian Holland iaitu keselarasan adalah merupakan peramal terhadap pencapaian individu. Dapatan ini selaras dengan kajian Allen & Robbins (2009) yang membuktikan bahawa keselarasan personaliti-persekitaran dan memberi kesan langsung terhadap pencapaian dan motivasi untuk menamatkan pengajian, kajian Sabariah (1995) yang mendapati terdapat hubungan signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran dengan kepuasan belajar dan pencapaian akademik.

5.8 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa (H4)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.21), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dan tidak akur dengan pelajar tidak selaras dan tidak akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak selaras dan tidak akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar selaras dan tidak akur. Nilai mata PNGK pelajar tidak selaras dan tidak akur secara purata lebih tinggi sebanyak 0.005 berbanding pelajar selaras dan tidak akur.



Rajah 5.4 : Model Pengujian Hipotesis 4


Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar tidak selaras dan tidak akur telah memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar selaras dan tidak akur. Pelajar tidak akur adalah mereka yang tidak terikat dengan kehendak atau desakan ibu bapa atau ahli keluarga. Kedua-dua pemboleh ubah pengujian hipotesis ini melibatkan kumpulan pelajar tidak akur, dan salah satu daripadanya mengabungkan jenis pelajar selaras dan yang satu lagi ialah pelajar tidak selaras. Pelajar gabungan tidak selaras dan tidak akur mencatatkan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding pelajar selaras dan tidak akur. Namun begitu beza min pencapaian gak kecil iaitu 0.005 nilai mata PNGK.

Dapatan ini tidak menyokong andaian Holland iaitu keselarasan adalah merupakan peramal terhadap pencapaian individu. Dapatan ini selaras dengan oleh Mastura Mahfar (2004) yang membuktikan tidak terdapat hubungan signifikan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran di kalangan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran).

5.9 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa. (H5)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.22), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dan akur dengan pelajar selaras dan tidak akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras dan tidak akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar selaras dan akur. Nilai mata PNGK pelajar selaras dan tidak akur secara purata lebih tinggi sebanyak 0.039 berbanding pelajar selaras dan akur.



Rajah 5.5 : Model Pengujian Hipotesis 5


Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar gabungan selaras dan tidak akur telah memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar selaras dan akur. Menurut Holland (1973, 1985, 1996), individu yang berada dalam persekitaran yang hampir sama dengan ciri dirinya akan mencapai kepuasan yang akan membawa kepada pencapaian yang lebih baik. Kajian ini mendapati ciri tidak akur iaitu bebas dari desakan dan tekanan menjadi nilai tambah, di mana ia menjadi pendorong kepada kesejahteraan individu dalam kehidupannya.

Dapatan ini menyokong asas yang dinyatakan oleh Rollins & Thomas (1975) bahawa asas utama pembentukan kebebasan anak-anak bergantung kepada pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa. Dapatan ini memberi pengukuhan tentang wajarnya pelajar bebas dari pengaruh atau tekanan dalam membuat pilihan. Dapatan ini tidak menyokong dapatan Ahmad Rozelan & Othman (2005) yang mendapati pelajar yang akur kepada ibubapa mereka memperolehi PNGK yang lebih baik daripada pelajar yang tidak akur.

5.10 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa. (H6)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.23), keputusan yang diperolehi ialah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar tidak selaras dan akur dengan pelajar tidak selaras dan tidak akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak selaras dan tidak akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras dan akur. Nilai mata PNGK pelajar tidak selaras dan tidak akur berbeza dan secara purata lebih tinggi sebanyak 0.166 berbanding pelajar tidak selaras dan akur.



Rajah 5.6 : Model Pengujian Hipotesis 6


Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian akademik pelajar gabungan ciri tidak selaras dan tidak akur berbanding pelajar gabungan ciri tidak selaras dan akur.

Dapatan ini merumuskan bahawa pelajar gabungan ciri tidak akur memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik dengan pelajar gabungan ciri akur. Kebebasan tanpa desakan dari mana-mana pihak dapat memberi peluang pelajar mengamalkan kecekapan dan keupayaan bagi membolehkan mereka melahirkan sikap dan nilai mereka (Holland, 1973, 1985, 1996).

5.11 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti- Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa. (H7)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.24), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dan akur dengan pelajar tidak selaras dan tidak akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar tidak selaras dan tidak akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar selaras dan akur. Nilai mata PNGK pelajar tidak selaras dan tidak akur secara purata lebih tinggi sebanyak 0.089 berbanding pelajar selaras dan akur.




Rajah 5.7 : Model Pengujian Hipotesis 7

Dapatan ini juga merumuskan bahawa pelajar gabungan ciri tidak akur memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik dengan pelajar gabungan ciri akur. Ini adalah satu lagi bukti bahawa pelajar perlu diberi kebebasan untuk meneroka diri sendiri dalam melahirkan sikap dan nilai mereka yang sesuai.

5.12 Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Yang Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Tidak Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa Dengan Pelajar Yang Tidak Selaras Personaliti-Persekitaran Dan Akur Kepada Kehendak Ibu Bapa. (H8)

Analisis ujian-t dua hujung bagi menguji perbezaan min pencapaian akademik pelajar yang selaras personaliti-persekitaran dan tidak akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar yang tidak selaras personaliti-persekitaran dan akur kepada kehendak ibu bapa.

Bagi keseluruhan responden (Rujuk Jadual 4.25), keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dan tidak akur dengan pelajar tidak selaras dan akur di kalangan pelajar UTeM yang dikaji, di mana pelajar selaras dan tidak akur mempunyai min pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras dan akur. Nilai mata PNGK pelajar selaras dan tidak akur secara purata lebih tinggi sebanyak 0.116 berbanding pelajar tidak selaras dan akur.




Rajah 5.8 : Model Pengujian Hipotesis 8

Pelajar dari gabungan ciri tidak akur dilaporkan dalam pengujian ini mencatat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding pelajar dari gabungan ciri akur.

5.13 Hubungan Antara Keselarasan Personaliti-Persekitaran Dengan Pencapaian Akademik (H9)

Analisis korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik seluruh responden yang dikaji (Rujuk Jadual 4.26). Keputusan yang diperolehi ialah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti-persekitaran program pengajian dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UTeM yang dikaji.



Rajah 5.9 Model Pengujian Hipotesis 9


Keputusan pengujian hipotesis ini ialah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan dan pencapaian akademik. Umumnya banyak kajian mengenai dua pemboleh ubah ini telah dilakukan oleh pengkaji dalam dan luar negara. Secara jelasnya dapatan kajian bertentangan dengan banyak keputusan kajian lain. Holland telah meletakkan andaian asas yang jelas mengenai hubungan keselarasan dengan pencapaian akademik. Dapatan ini tidak menyokong andaian yang dikemukakan oleh Holland (1973, 1985, 1996).

Dapatan ini selaras dengan dapatan Azizi *et al.* (2007) mendapati tidak terdapat hubungan antara ciri-ciri personaliti dengan pencapaian akademik mengikut mata pelajaran PMR, dan kajian oleh William *et al.* (1996) yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus.

Sebaliknya dapatan ini tidak disokong dengan dapatan kajian oleh Mastura (2004), Fagan & Squitiera (2002), Feldman *et al.* (1999), yang semuanya merumuskan terdapat hubungan keselarasan dengan pencapaian akademik.

5.14 Hubungan Antara Keakuran Dengan Pencapaian Akademik (H10)

Analisis korelasi Pearson bagi menguji hubungan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik seluruh responden yang dikaji (Rujuk Jadual 4.27). Keputusan yang diperolehi ialah terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran kepada kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar UTeM yang dikaji. Nilai ($\beta = -.149$), menunjukkan wujud hubungan negatif yang lemah antara keakuran terhadap kehendak ibu bapa dengan pencapaian akademik bagi pelajar UTeM. Hubungan negatif ini bermakna jika salah satu nilai pembolehubah meningkat, nilai pembolehubah yang satu lagi akan menurun.



Rajah 5.10 Model Pengujian Hipotesis 10

Dapatan pengujian hipotesis ini ialah terdapat hubungan yang signifikan keakuran dengan pencapaian akademik. Hubungan antara keduanya adalah lemah dan negatif. Ini bermakna apabila keakuran meningkat, pencapaian akademik pula akan turun, atau sebaliknya.

Dapatan ini adalah penemuan yang boleh diteroka lanjut mengenai aspek keakuran ini. Ini memberi gambaran bahawa, faktor keakuran ini ada memberi sumbangan terhadap aspek lain khususnya dalam pengkajian pembangunan diri pelajar.

5.15 Implikasi Kajian

5.15.1 Implikasi Teoritikai

Bagi pemboleh ubah keselarasan, dapatan kajian ini kurang menyokong andaian yang dikemukakan oleh Holland (1973, 1985, 1996) berkaitan dengan ciri persekitaran personaliti teori Holland yang mengatakan bahawa personaliti tertentu mendominasi persekitaran pengajian kejuruteraan. Banyak program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan di UTeM didapati tidak selaras dengan andaian Holland. Namun begitu, terdapat juga beberapa program pengajian yang selaras dengan andaian Holland. Daripada andaian Holland mengenai kewujudan ciri-ciri personaliti dan persekitaran tertentu yang dikelaskan sebagai Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan *Conventional*, kaedah Kod

Tiga Mata yang disarannya telah digunakan kepada semua program pengajian di UTeM.

Terdapat empat sahaja program pengajian di UTeM yang selaras dengan andaian Holland berdasarkan definisi yang dicadangkan dalam *The Opportunities Finder* (EOF). Program-program pengajian berkenaan adalah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Robotik dan Automasi (BMFA) didapati berciri Investigatif, Realistik dan Sosial (EOF = IRE), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal – Termal Bendalir (BMCT) didapati berciri Realistik, Investigatif dan Sosial (EOF = RIE), bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal – Automotif (BMCA) – didapati berciri Realistik, Sosial dan Enterprising (EOF = REI), dan bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal – Struktur dan Bahan (BMCS) didapati berciri Realistik, Sosial dan Investigatif (EOF = RIE).

Manakala selebihnya ini adalah program pengajian yang tidak selaras (yang dikategorikan “Hampir Tidak Selaras” dan “Selaras Yang Lemah”). Antara Program-program pengajian berkenaan adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik – Kuasa Industri (BEKP) didapati berciri Realistik, Sosial dan Investigatif (EOF = IRE), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik – Elektronik Kuasa dan Pemacu (BEKE) didapati berciri Sosial, Realistik dan Investigatif (EOF = IRE), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik – Kawalan, Instrumentasi & Automasi (BEKC) didapati berciri adalah Realistik, Sosial dan Investigatif (EOF = IRE).

Berikut adalah senarai program pengajian yang tidak selaras, iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik – Kejuruteraan Komputer (BENC) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Realistik (EOF = RIS), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik – Telekomunikasi Elektronik (BENT) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Conventional (EOF = IRE), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik – Industri Elektronik (BENE) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Realistik (EOF = IRE).

Program pengajian lain yang tidak selaras adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan – Proses Pembuatan (BMFP) didapati berciri Sosial, Realistik dan Investigatif (EOF = RIE), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan – Rekabentuk Pembuatan (BMFR) didapati berciri Sosial, Realistik dan Investigatif (EOF = RIE), Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer – Pengurusan Pengkalan Data (BITD) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Conventional (EOF = ICS), Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer – Media Interaktif (BITM) didapati berciri Sosial, Enterprising dan Artistik (EOF = ICS), Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer – Rangkaian Komputer (BITS) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Enterprising (EOF = ICS), dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer – Rangkaian Komputer (BITC) didapati berciri Sosial, Investigatif dan Enterprising (EOF = ICS).

Dari segi demografi atau ciri yang diukur menggunakan kaedah EAT ini, didapati satu sahaja program dari FKM, dan tiga program dari FKM (iaitu kesemuanya dari FKM) yang dikategorikan sebagai selaras mengikut kaedah yang dicadangkan oleh Holland (1973, 1985, 1996). Ini adalah persoalan menarik yang boleh diteroka lanjut dalam kajian-kajian akan datang.

Satu perkara yang jelas ialah kaedah pengambilan pelajar. Kaedah yang sedang digunapakai oleh semua fakulti di UTeM melalui pengambilan pelajar yang dijalankan oleh KPT adalah semata-mata berdasarkan pencapaian akademik dari peperiksaan awam yang diduduki pelajar. Pemilihan tanpa mengambil kira ciri diri pelajar iaitu aspek personaliti menyebabkan seperti yang didapati dari kajian ini iaitu ciri pelajar yang tidak selaras dengan persekitaran yang diklasifikasikan oleh Holland melalui Teori Tipologi Kerjaya Holland.

Daripada dapatan pengujian hipotesis, kajian ini telah memberi maklumat berguna terhadap implikasi teoritikal. Holland (1973, 1985, 1996) telah menyatakan bahawa keselarasan adalah peramalkan kepada pencapaian individu, dan individu yang selaras dengan persekitaran di mana dia berada akan memperoleh pencapaian yang baik. Namun dapatan kajian ini tidak menyokong sepenuhnya andaian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian akademik pelajar tidak berbeza secara signifikan, di antara pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras. Namun begitu, dari segi min pencapaian akademik pelajar masih didapati secara keseluruhannya, min pencapaian akademik pelajar selaras lebih baik berbanding min pencapaian akademik pelajar tidak selaras dengan kadar yang amat kecil iaitu sekitar tidak lebih daripada 0.300 nilai mata PNGK. Fakta ini dikukuhkan lagi melalui pengujian hubungan yang dilakukan, di mana kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan dengan pencapaian akademik.

Dalam aspek pengujian satu lagi pemboleh ubah bebas kajian ini iaitu keakuran, kajian ini mendapati sesuatu penemuan yang menarik untuk dibuat kajian terus mengenainya. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian akademik di antara pelajar akur kepada kehendak ibu bapa dengan pelajar tidak akur. Begitu juga bagi pengujian hubungan, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang negatif lemah antara keakuran dengan pencapaian akademik. Ini bermakna, sekiranya tahap keakuran pelajar meningkat, maka semakin menurun pencapaian akademik pelajar. Begitu juga sebaliknya, semakin menurun tahap keakuran, maka semakin meningkat pencapaian akademik.

Dapatan ini menyokong asas andaian oleh Rollins & Thomas (1975) yang menekankan bahawa asas utama pembentukan kebebasan anak-anak bergantung kepada pelaksanaan kuasa oleh ibu bapa dan kuasa ibu bapa memberi kesan terhadap keakuran anak-anak. Perlakuan akur oleh anak-anak

atau pelajar, dalam konteks kajian ini iaitu dalam pemilihan bidang pengajian, akan mengurangkan kebebasan anak-anak. Lebih penting lagi akan mendorong pelajar-pelajar terpaksa mematuhi kehendak ibu bapa, dan ini menyebabkan berlakunya ketidak selarasan pelajar-pelajar dengan persekitaran pengajian mereka.

Dari segi teoritikal, kajian ini yang menggabungkan aspek keselarasan dan keakuran telah memberi maklumat yang berguna di mana dapat memberi pengukuhan kepada dua teori yang diuji dalam kajian ini. Walaupun melalui ujian inferensi tidak didapati perbezaan signifikan pencapaian akademik antara pelajar selaras dengan tidak selaras, tapi kajian ini dapat membuktikan min pencapaian akademik pelajar selaras lebih tinggi daripada pelajar tidak selaras. Ini juga telah menyokong andaian asas Holland bahawa individu selaras akan memperoleh pencapaian yang lebih baik. Dari aspek keakuran pula, jelas didapati pencapaian akademik pelajar tidak akur berbeza secara signifikan dan lebih tinggi daripada pelajar akur. Dikukuhkan lagi bahawa terdapat hubungan negatif, walaupun lemah di antara keakuran dengan pencapaian akademik. Ini membuktikan bahawa dapatan kajian ini memberi implikasi teoritikal yang bermakna.

5.15.2 Aplikasi Praktikal

Dapatan kajian ini diyakini dapat memberi aplikasi bermakna dalam membangun kesedaran, keyakinan dan daya usaha membaiki sistem serta amalan yang sedia ada dalam konteks pembangunan modal insan yang sesuai untuk masa depan negara dan sektor pendidikan negara.

Secara operasioanalnya, dapatan kajian ini disasarkan kepada; 1) golongan pengurus dan pentadbir pendidikan dan pengajian tinggi yang terlibat dalam pengubalan dasar dan polisi; 2) golongan pengamal, khasnya kaunselor yang bertanggungjawab melaksanakan proses membantu dan membimbing; 3) golongan kumpulan sasaran itu sendiri, iaitu pelajar-pelajar; 4) golongan ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar yang sangat memberi kesan dalam membimbing generasi akan datang; serta yang tidak kurang pentingnya disasarkan kepada; 5) rakan penyelidik yang sama bidang untuk meneruskan usaha mencari sebanyak mungkin bukti persoalan keselarasan dan keakuran.

Pertamanya ialah, kepentingan mengutamakan keselarasan sebagai syarat pertama dalam penempatan pelajar maupun golongan pekerja. Usaha ke arah mempraktikkan secara bersepadu kaedah pemilihan pelajar memasuki mana-mana peringkat pengajian wajar dijadikan satu yang diinstitusikan dalam semua peringkat sistem. Pemilihan pelajar disemua peringkat dan seluruh saluran pengambilan dalam negara perlu berasaskan konsep keselarasan. Usaha ini boleh disokong dengan penghasilan pemetaan '*College Major*' ala Malaysia untuk digunapakai semua pihak yang menguruskan proses pengambilan.

Pendekatan ini perlu juga dipanjangkan pelaksanaannya kepada pihak yang menguruskan pengambilan personel untuk organisasi. Isu keselarasan tidak hanya menjadi isu pelajar, tapi juga sesuai dan sangat relevan kepada pekerja di semua sektor dan peringkat. Penstrukturan semula penempatan pekerja dalam organisasi juga perlu wajar berasaskan aspek keselarasan. Ini disokong oleh Holland (1973, 1985, 1996) yang menyatakan bahawa kepuasan kerja, kestabilan dan pencapaian bergantung kepada keselarasan antara personaliti seseorang dengan persekitaran di mana ia berada.

Pada ketika pengedaran alat ukuran untuk kajian ini dijalankan khususnya ketika mengedarkan *Self-Directed Search*, rata-rata pelajar selesa dan memberi respon bahawa kaedah mendapat maklumat melalui inventori personaliti memang mereka sedia faham dan telah biasa dengan alat-alat sedemikian. Ini bermakna golongan pelajar sudah biasa dengan kaedah mendapat maklumat melalui Ujian Personaliti atau alat-alat ukur bersesuaian. Maka ini memberi maklumat bahawa kaedah seperti ini sesuai dengan masyarakat pelajar. Oleh itu, peluang ini perlu digunakan mengukuhkan usaha menginstitusikan aktiviti bimbingan perancangan kerjaya dalam masyarakat pelajar di IPT.

Pihak IPT melalui Unit Kaunseling HEPA perlu meningkatkan aktiviti membimbing pelajar mencari maklumat yang sesuai bagi mereka bersedia memasuki pasaran pekerjaan. Penekanan aspek keselarasan di kalangan mereka perlu dipertingkatkan. Membuat pemilihan dan keputusan kerjaya bukan sesuatu yang mudah, para pelajar perlu dididik bagaimana hendak mengintegrasikan maklumat berkenaan diri dengan maklumat pekerjaan (Sidek, 2002). Adalah sangat perlu usaha berterusan dari pihak berkenaan dengan memanfaatkan segala prinsip ilmu yang sedia berkembang.

Salah satu aspek dapatan kajian ini ialah keselarasan tidak dapat membezakan secara signifikan pencapaian pelajar. Ini bermakna, pelajar tidak selaras juga boleh mencapai pencapaian yang baik. Pelajar yang tinggi tahap kecerdasannya seperti tidak akan ada masalah di mana-mana, walaupun di dalam persekitaran yang tidak selaras dengan ciri personaliti atau minat mereka. Jika ditinjau dari sudut yang berbeza, beberapa faktor boleh diberi perhatian. Pengkaji ingin mencadangkan untuk dilihat juga aspek penyampaian, isi kandungan, atau juga aspek persekitaran fizikal. Keselarasan dalam konteks sebenarnya jika ditafsir andaian Holland ialah keselarasan secara psikologikal, seperti yang dinyatakan oleh Holland tentang konsep kepuasan. Kepuasan ialah satu "*state*" yang abstrak di mana ia melibatkan keadaan penerimaan dan orientasi seseorang. Penerimaan dan orientasi setiap individu akan berbeza antara individu, bahkan ia boleh berbeza bagi individu yang sama pada sesuatu masa yang berbeza. Kajian ini telah mendapati bahawa pelajar yang tidak selaras juga boleh mencapai pencapaian yang baik. Dalam konteks ini, adalah penting untuk pentadbir atau

pengurus pendidikan di IPT sentiasa menyemak kebolehpercayaan dan keesahan tentang sesuatu program pengajian itu adakah ia selaras dengan ciri yang digambarkan menurut klasifikasi Holland.

Dalam aspek yang sama, pengkaji berpandangan dan mencadangkan penentuan sesuatu kod ciri personaliti Holland bagi sesuatu program pengajian perlu diteliti secara mendalam sebelum ia dicirikan kepada kod tertentu. Dengan mencirikan sesuatu program itu mengikut klasifikasi Holland dengan hanya berdasarkan kepada nama program berkenaan adalah kurang sesuai dan tepat.

Kajian ini juga telah membuktikan bahawa pelajar tidak akur kepada kehendak ibu bapa akan lebih baik pencapaian berbanding pelajar akur. Definisi operasional akur dalam kajian ini ialah bermaksud pelajar menuruti kehendak ibu bapa atau orang signifikan dalam memilih bidang pengajian. Pelajar akur telah dibuktikan mendapat pencapaian yang rendah. Ini disebabkan pelajar tidak seronok dan gembira berada dalam program pengajian yang mereka sertai atas kerana akur dengan kehendak ibu dan bapa. Oleh itu, amalan untuk meminta pelajar memasuki bidang atau program pengajian yang disukai atau yang dimahukan oleh orang lain selain pelajar itu sendiri harus tidak dilakukan. Rumusannya ialah pelajar-pelajar perlu disalurkan ke bidang yang selaras dengan ciri diri mereka, iaitu personaliti dan minat. Menurut Holland, pelajar-pelajar yang tidak selaras antara personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti mengakibatkan pelajar tidak dapat menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi.

Kesan daripada ketidak selarasan ini akan menyebabkan; 1) pelajar akan mudah atau cenderung untuk berhenti daripada program yang diikuti dan ini akan memberi kesan kepada universiti; 2) pelajar akan hilang daya tumpuan ketika belajar dan tidak cenderung untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk memperolehi markah yang tinggi; 3) akan berlaku masalah ketidakhadiran ke kuliah kerana tidak dapat memberi tumpuan atau tidak berminat dengan apa yang dipelajari; 4) berlaku konflik dalaman diri pelajar yang menyebabkan kabur mengenai peranan sebenar sebagai pelajar universiti dan apakah sepatutnya yang perlu dilakukan dan diberi tumpuan untuk mencapai kejayaan.

5.16 Limitasi Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau aspek keselarasan dan aspek keakuran di kalangan pelajar di IPT. Bagi membuat penyiasatan terhadap dua pemboleh ubah bebas berkenaan, pencapaian akademik telah dipilih sebagai pemboleh ubah terikat. Oleh itu, kesan kepada keselarasan dan keakuran dalam hal ini tidak dapat digeneralisasikan kepada aspek lain selain pencapaian akademik.

Kajian ini dijalankan di sebuah lokasi iaitu di UTeM sahaja, dan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan sahaja. Kajian ini sedia dari awal bertujuan untuk meninjau pola di lokasi berkenaan. Oleh itu dapatan kajian ini pasti tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada lokasi yang lain, dan dapatan ini ada kemungkinannya bersifat berat sebelah.

Selain daripada aspek utama iaitu keselarasan, pengkaji dari awal sangat berminat untuk menyiasat aspek keakuran, kerana ketika menjalankan proses kaunseling kepada pelajar, pengkaji telah terlibat membantu pelajar yang terlibat dengan isu keakuran dalam proses memilih bidang pengajian. Kajian seumpama belum banyak dikaji, dan pengkaji memilih untuk mengkaji interaksi antara keselarasan dengan keakuran. Oleh yang demikian, analisis inferensi yang digunakan adalah yang berbentuk menyiasat secara permukaan.

5.17 Cadangan-Cadangan

Melihat kembali keseluruhan proses dan kandungan kajian ini, pengkaji ingin memajukan beberapa cadangan. Cadangan ini dibahagikan kepada dua skop, pertamanya berbentuk cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan kepada amalan dan praktis secara umumnya, dan kedua ialah cadangan kepada kajian akan datang.

Satu usaha bersepadu untuk membangunkan atau menambahbaik satu alat ukur ujian personaliti yang sama untuk digunakan oleh seluruh IPT dalam proses pengambilan pelajar.

Selain menggunakan alat ukur psikologi ketika proses menyaring pelajar ketika pengambilan, IPTA harus mengkaji satu kaedah yang sistematik supaya mobiliti pelajar ketika masih berada di IPT yang memungkinkan mereka dapat peluang menukar bidang di pertengahan pengajian, bersesuaian dengan aspek keselarasan mereka. Kaedah ini dicadangkan dipanjangkan juga kepada proses memberi peluang pelajar menukar program pengajian dalam kes penurunan prestasi.

Dibangunkan satu data rujukan yang bersifat mendalam bagi mendefinisikan semua program pengajian di IPT di Malaysia. Data rujukan ini harus bersifat dan berlatarkan ciri sebenar sesuatu program pengajian berkenaan.

Menginstitusikan aktiviti yang relevan seumpama kaunseling kerjaya keluarga sebagai pra syarat permohonan dan pemilihan pelajar ke IPT. Prosedur ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada golongan ibu bapa atau penjaga bakal pelajar supaya aspek keselarasan perlu mengatasi segala yang lain dan

mengelakkan *trend* pemilihan bidang pengajian dibuat selain daripada mengambil kira prinsip keselarasan.

Bagi tujuan kajian akan datang, kajian lanjutan dicadangkan melibatkan sampel yang lebih besar dengan tujuan ia boleh digeneralisasikan kepada lingkungan yang lebih pelbagai. Kajian lanjutan dicadangkan juga diusahakan mengaitkan keselarasan dan keakuran dengan aspek yang lebih luas, tidak hanya kepada pencapaian akademik. Akhirnya, kajian lanjutan dicadangkan dengan kaedah eksperimental yang menguji model keselarasan dan keakuran.

5.18 Penutup

Secara umumnya kesemua objektif kajian ini telah berjaya dicapai. Kajian ini telah dapat mendefinisikan Kod Tiga Mata Holland personaliti pelajar-pelajar yang mengikuti program pangajian Ijazah Sarjana Muda di UTeM, dan dalam hal itu juga kajian ini telah dapat merumuskan keselarasan antara personaliti pelajar dengan persekitaran program pengajian. Dapatan kajian juga telah merumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar selaras dengan pelajar tidak selaras, serta terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar akur dengan pelajar tidak akur. Kajian ini juga telah dapat merumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan dengan pencapaian akademik, dan terdapat hubungan yang signifikan antara keakuran dengan pencapaian akademik.

BIBLIOGRAFI

- Adam, G. R., Ryan, B. A., Ketsetzis, M. (2000). Rule Compliance and Peer Sociability: A Study of Family Process, School-Focused Parent–Child Interactions, and Children's Classroom Behavior. *Journal of Family Psychology*. 14(2): 237-250.
- Ahmad Rozelan Yunus (2002). *Keselarasan Personaliti dengan Persekitaran-Pendidikan dan Keakuran: Satu Tinjauan di kalangan Pelajar Psikologi di IPTA*, Kajian Fundamental yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Ahmad Rozelan Yunus (2002). *Keakuran: Satu Tinjauan di kalangan Pelajar Psikologi di IPTA*. Kajian Fundamental yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Ahmad Rozelan Yunus (2004), *Personality congruence and compliance: A study among Students of a Higher Learning Institution in Sabah*. Unpublished Fundamental Research Report. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu
- Ahmad Rozelan Yunus (2005). *Keselarasan personaliti dengan persekitaran- pendidikan dan keakuran: Satu tinjauan di kalangan pelajar sebuah IPTA di Sabah*. Kajian Fundamental yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Ahmad Rozelan Yunus & Othman Aman (2005). *Keselarasan personaliti dengan persekitaran- pendidikan dan keakuran: Satu tinjauan di kalangan pelajar teknikal yang mengambil kursus keusahawanan di sebuah di IPTA di Melaka*. Kertas Kerja Seminar Akademik IPTK 2005 yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rozelan Yunus, Amir Aris, Syed Najmuddin Syed Hassan (2012), *Entrepreneurship Syudents Person-Environment Fit: A Study of Two Public Higher Learning Institution in Malaysia*, Proceeding of 2nd Southeast Asia Psychology Conference, 26-28 September 2012, Kota Kinabalu
- Allport, G.W. (1961). *Personality : A Psychological intrepretation*. London : Constable.
- Altbach, P.G. & Wang, J. (1989). *Foreign Students and International Study*. New York: University Press of America.

- Allen, J. & Robbins, S. (2009). Effects of Interest–Major Congruence, Motivation, and Academic Performance on Timely Degree Attainment. *Journal of Counseling Psychology*. 57(1): 23-35.
- Amla Mohd Salleh (1984). *An Investigation of the Reliability, Validity, and Translation of Holland's Self-Directed Search for Utilization by Malaysian Population*. Unpublished doctoral dissertation, Western Michigan University.
- Amla Mohd Salleh (1992). An Investigation of the Validity of Holland's Self-Directed Search for Utilization by Malaysian Population. *Jurnal PERKAMA*. 3 & 4: 165-173.
- Amla Mohd Salleh & Wan Hamzah Wan Daud (1993). Kajian Pola Personaliti Dan Hubungannya Antara Pola Personaliti – Persekitaran Yang Kongruen Dengan Kepuasan Kerja Guru-guru Sekolah Rendah Di Kelantan. *Jurnal Pendidikan*. 17:29-43.
- Amla Mohd Salleh, Salleh Amat & Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1998). Data Tambahan Bagi Kesahan SDS Versi Malaysia. *Jurnal PERKAMA*. 7: 29-44.
- Ary, D. (1990). *Introduction to Research in Education*. USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Astin, A.W. & Holland, J.L. (1961). The Environmental Assessment Technique: A Way to measure College Environments. *Journal of Educational Psychology*. 52: 308-316.
- Azizi Yahaya, Noraizah Damiri & Shahrifudin Ismail (2005). *Ciri-Ciri Personaliti dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Azizi Yahaya, Mohd. Najib Ghaffar & Noraizah Damiri (2007). *Ciri-Ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Mohammed Najib Abd Ghaffar & Zurihanmi Zakariya (2009). The Relationship between Dimensions of Personality, Self Concept and Family Influence on Students in the FELDA Scheme in Johore Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. 11(2): 289-301

- Brown, D. & Brooks, L. (1991). *Career choice and development*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Bruch, M.A. & Krieshok, T.S. (1981). Investigate versus realistic types and adjustment theoretical engineering major. *Journal of Vocational Behavior*. 18: 162-173.
- Cohen, J. (1992). A Power Primer. *Psychological Bulletin*. 112(1): 155-159.
- Corsini, R.J. (1987). *Concise Encyclopedia of Psychology*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Edward, J.K. & Whitney, R.D. (1972). Structural Analysis of Holland's Personality Types Using Factor and Configural Analysis. *Journal of Counseling Psychology*. 19: 136-145.
- Fagan, R. & Squitiera, P. (2002). The relationship between personality characteristics and academic success in law school. *Evaluation Research in Education*. 16(2): 95 – 103.
- Faizah Abd Ghani & Siti Noorazzura Ahmad (2007). *Hubungan Trait Personaliti Dengan Pemilihan Kursus Di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Elektrik*, Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Falsom, C.H. (1969). An Investigation of Holland's Theory of Vocational Choice. *Journal of Counseling Psychology*. 16(3): 260-266.
- Feldman, K.A., Smart, J.C. & Ethington, C.A. (1999). Major Field and Person-Environment Fit : Using Holland's Theory to Study Change and Stability of College Students. *Journal of Higher Education*. 70: 642-651.
- Fishburne, C.J. & Walsh, W.E. (1978). Concurrent Validity of Holland's Theory for Non-College Degreed Workers. *Journal of Vocational Behavior*. 8: 77-84.
- Fouziah Mohd, Amla Mohd Salleh, & Ramlee Mustapha (2010), The Influence of Contextual Aspects on Career Decision Making of Malaysian Technical Students, *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 7(C): 369–375
- Fritzsche, B.A., McIntire, S.A. & Yost, A.P. (2002). Holland Type as a Moderator of Personality-Performance Predictions. *Journal of Vocational Behavior*. 60: 422-436.

- Gaffey, R.L. & Walsh, W.B. (1974). Concurrent Validity and Holland's Theory. *Journal of Vocational Behavior*. 5: 41-51.
- Gattiker, U.E. & Larwood, L. (1990). Predictors for career achievement in the corporate hierarchy. *Human Relations*. 43: 703-729.
- Hamdan Abdul Kadir, Mohamed Sharif Mustafa, Syed Shafeq Syed Mansor (2004). *Pola Personaliti-Persekitaran (P-E Fit) Dan Perbandingan Kongruen Personaliti Persekitaran (EAT) Pelajar Universiti Teknologi Malaysia*, Laporan Penyelidikan Tidak Diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Holland, J.L. (1973). *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Holland, J.L. (1977). *The Occupational Finder*. Palo Alto, California: Consulting Psychological Press.
- Holland, J.L. (1985). *Making Vocational Choices* (2nd ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Holland, J.L. (1996). *Making Vocational Choices: A Theory Vocational Personality And Work Environment*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources.
- Holland, J.L. (1997). *Making Vocational Choices: A theory of Vocational Personalities and Work Environments*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Hollender, J. (1972). Differential Parental Influences on Vocational Interest Development in Adolescent Males. *Journal of Vocational Behavior*. 2: 67-76.
- Iachan, R. (1984). Measurement Of Agreement For Use With Holland Classifications System. *Journal Of Vocational Behaviour*. 24: 133-141.
- Isaac, S. & Micheal W.B. (1984). *Handbook in Research and Evaluation*. San Deigo: Edits Publishers.
- Jinan Jaber-Linsalata (1994). *Congruence, Compliance, and the Academic Achievement of Asian Undergraduate International Students*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, School of Education, New York University.

- Johnson, C.D. & Stokes, G.S. (2002). The Meaning, Development, and Career Outcomes of Breadth of Vocational Interests. *Journal of Vocational Behavior*. 61: 327-347.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Lent, R.W., Brown, S.D., Tallyman, R., Mc Causland, E.B., Davis, T. & Copra, S.B. (2002). Career Choice Barriers, Supports, and Coping Strategies: College Students' Experiences. *Journal of Vocational Behavior*. 60: 61-72.
- Mallinckrodt, B. & Gelso, C.J. (2002). Impact of Research Training Environment and Holland Personality Type: A 15-year Follow-up of Research Productivity. *Journal of Counseling Psychology*. 49: 60-70.
- Mastura Mahfar (2004). *Hubungan Antara Pencapaian Akademik dengan Darjah Kongruen Personaliti Persekitaran di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mastura Mahfar, Ishak Mad Shah & Hamdan Abdul Kadir (2008). Kekongruenan Personaliti-Persekitaran Kursus dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar, *Jurnal Kemanusiaan*. 12: 23-32.
- McKenzie, K. & Schweitzer, R. (2001). Who Succeeds at University? Factors Predicting Academic Performance in First Year Australian University Students. *Higher Education Research & Development*. 20: 21-33.
- Miller, M.J. & Cowger, E.L (1998). Degree of the relationship between the college majors finder and anticipated college majors among high school students. *College Student Journal*. 32(2): 311-316
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naemah Hamzah (2007). *Hubungan Keserasian Pola Personaliti persekitaran Enam Kerjaya Bidang Keagamaan dengan Kepuasan Kerja di Negeri Johor*. Kajian Imiah yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu.
- Norida Abdullah, Ahmad Rozelan Yunus & Hafzan Ariffin (2008), *Keselarasan Personaliti dengan Program Pengajian dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTeM*, *Jurnal PERKAMA*, 14. pp. 23-54.

- Osipow, S.H. (1973). *Theories of Career Development*. London: Prentice-Hall Inc.
- Othman Jailani & Sidek Mohd Noah (2001). Keselarasan Personaliti dengan Pengkhususan Program Pengajian di Kalangan Pelajar-Pelajar Matrikulasi Universiti Putra Malaysia. *Jurnal PERKAMA*. 9: 1-22.
- Premuzic, T.C. & Furnham, A. (2003). Personality Traits and Academic Examination Performance. *European Journal of Personality*. 17: 237–250.
- Rachman, D., Armanac & Arya (1981). A Factor-Analytic Study of the Construct Validity of Holland's SDS Test. *Educational and Psychological Measurement*. 41: 425-437.
- Rahim M. Sail (1992). *Ekspektasi dan Wawasan dalam Pembanguna Pelajar*. Seminar Pejabat Pendaftar, Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Reynolds, F.D. (1971). *A Primer in Theory Construction*. New York: Bobbs Merrill.
- Rollins, B. C. & Thomas, D. L. (1975). A Theory of Parental Power and Child Compliance. In Cromwell, R. E. & Olson, D.H. (Eds.). *Power in Families* (pp. 38-80). New York: Sage Publications.
- Rosen, D., Holmberg, K., & Holland, J.L. (1994). *The Educational Opportunities Finder*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources.
- Sabariah Siron (1995). *Keselarasn Personaliti-Persekitaran Holland dan Hubungannya dengan Kepuasan Belajar dan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Universiti*. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Sidek Mohd Noah (1996). *Keselarasn Personaliti dan Persekitaran Latihan: Satu Kajian di Kalangan Pelajar Universiti Berdasarkan Teori Keselarasn Individu-Persekitaran Holland*. Tesis Ph. D yang tidak diterbitkan. Jabatan Psikologi. UKM, Bangi.
- Sidek Mohd. Noah (1998). *Pengujian Dalam Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd. Noah (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smith, T.E. (1983). Adolescent reactions to attempted parental control and influences techniques. *Journal of Marriage and Family*. 45(3): 533-542

- Snow, R.E. (1973). *Theory Construction for Research and Testing*. In R.W. Travers (Ed). *Second Handbook of Research on Teaching*. Chicago: Rand Mc Nally.
- Somers, P., Cofer, J. & vanderPutten, J. (2002). The Early Bird Goes to College: The Link Between Early College Aspirations and Postsecondary Matriculation. *Journal of College Student Development*. 43: 93-107.
- Spokane, A.R. (1985). A Preview of Research on Person-Environment Congruence in Holland's Theory of Careers (Monograf). *Journal of College Student Development*. 31: 516-522.
- Sue, S. & Zane, N.W.S. (1985). Academic Achievement and Socio Emotional Adjustment Among Chinese University Students. *Journal of Counseling Psychology*. 32(4): 570-579
- Tuck, B.F., & Keeling, B. (1980). Sex and Cultural Differences in the factorial Structure of the Self-Directed Search. *Journal of Vocational Behavior*. 16: 105-114.
- Utz, P. & Hartman, B. (1978). An Analysis of the Discriminatory Power of Holland's Types for Bussiness Majors in Three Concentration Areas. *Measurement and Evaluation in Guidance*. 11(3): 175-182.
- Wall, H.W., Osipow, S.H. & Ashby, J.D. (1966). SVIB Scores, Occupational Choice and Holland's Personality Types. *Vocational Guidance Quarterly*. 15: 201-205.
- Wallman, B.B. (1969). *A Dictionary of Behavior Science*. New York.
- Wiggins, J.D. & Moody, A. (1981). *Compatibility Index Discriptors*. DE: Training Associates Limited.
- Wiggins, J.D. (1982). Holland's Theory and Retired Teachers. *Vocational Guidance Quarterly*. March: 226-242.
- William, P.A., Charles, P. & James, R.C. (1996). An Investigation of Reasons for Professional Career Choice Among African American College Students. *Education Chula Vista*. 117(1): 43-51.